

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 13</b>	<b>Isnin</b>	<b>28 Mac 2016</b>
----------------	--------------	--------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Anggaran Pembangunan Tambahan (Bil.1) 2015	(Halaman 30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016	(Halaman 27)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

**Isnin, 28 Mac 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi penipuan-penipuan yang sering berlaku kepada pembeli-pembeli atas talian memandangkan perniagaan *online* meningkat empat kali ganda sejak 3 tahun lalu.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Kuala Kangsar saya hendak jawab nombor satu, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, para pengguna yang membuat pembelian melalui internet turut mempunyai hak yang sama seperti mana pembelian di premis fizikal dan mendapat perlindungan di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999. Ini bermakna, sekiranya pengguna ditipu oleh peniaga dalam talian *online*, tindakan boleh diambil terhadap peniaga *online* tersebut di bawah akta ini. Kementerian telah melaksanakan beberapa pendekatan untuk mengatasi penipuan kepada pembeli *online*. Antaranya seperti berikut:

- (i) menggalakkan penggunaan logo Malaysia Trustmark pada semua laman web yang menjalankan transaksi perniagaan bagi meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli di laman web yang mempunyai logo tersebut;
- (ii) memantau secara *online* laman-laman web yang bermotifkan perniagaan untuk memastikan pematuhan undang-undang, menjalankan naziran terhadap syarikat-syarikat pengendali tapak pasar dalam talian atau *online market place operator* dan menyiasat aduan-aduan oleh pengguna;

- (iii) bekerjasama dengan *online market place operator* untuk meletakkan notis amaran dalam tapak pasar mereka supaya pengguna berhati-hati serta menyenaraihitamkan mana-mana peniaga yang terlibat dengan penipuan; dan
- (iv) bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menutup laman web yang melanggar undang-undang dengan menggunakan peruntukan seksyen 263, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Perdagangan Elektronik 2006 diperkenalkan, kementerian telah mewujudkan peraturan-peraturan perlindungan pengguna atau urus niaga perdagangan elektronik 2012 untuk memberikan ketelusan dalam perniagaan *online* dan sekali gus meningkatkan keyakinan pengguna dan kementerian turut mengambil langkah-langkah bagi menjaga hak pengguna seperti berikut:

- (i) bekerjasama dengan pihak industri dan agensi kerajaan dalam program advokasi dan kesedaran untuk meningkatkan kesedaran pengguna berkaitan pembelian secara *online*;
- (ii) menerbit, mengedar dan memuat naik di laman web KPDNKK, buku panduan dalam menjalankan transaksi elektronik untuk pengguna sebagai sumber rujukan pengguna; dan
- (iii) menyediakan platform kepada pengguna untuk membuat aduan secara *online* di eAduan atau memfailkan tuntutan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) sekiranya tertipu.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu jelas, lengkap dengan butirannya.

Tuan Yang di-Pertua, yang kita tahu sekarang ini Malaysia dijangka mempunyai 13.6 juta orang pengguna *e-commerce* pada tahun ini dan saiz pasaran ini dijangka akan meningkat kepada lebih daripada USD3 bilion iaitu lebih daripada RM12 bilion dalam jangka masa hingga ke tahun 2018. Jadi, terdapat banyak kes penipuan dan *scam* dalam alam maya *e-commerce* ini melalui produk-produk, skim-skimnya dan juga sistem-sistemnya.

Sebagai contoh, *craigslist* yang satu rangkaian yang terkenal dengan *scam*nya kerana ia melibatkan *third party*, pihak yang ketiga. Jadi soalan saya, selain daripada penipuan ataupun *scam* di dalam urusan jual beli *e-commerce* ini, apa langkah-langkah pihak kerajaan dalam menentukan supaya terdapatnya lambakan-lambakan produk-produk kesihatan, pemakanan dan juga komestik dari luar negara yang tidak tentu kualitinya atau tidak bermutu dan juga boleh membahayakan kesihatan kita dan juga ada yang palsu, yang boleh sudah tentunya menjejaskan industri usahawan dan juga usahawan-usahawan tempatan di dalam negara kita yang menjalankan perniagaan *e-commerce* ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kangsar bahawa akhir-akhir terdapat juga banyak penipuan yang berlaku dalam perniagaan melalui *online* ini.

Tadi saya sudah beritahu, pertamanya, kita menggalakkan supaya mereka berdaftar dengan kita dan menggunakan Malaysia Trustmark. Malaysia Trustmark ini kerjasama kementerian saya dan Cyber Security melalui MOSTI. Untuk sesiapa sahaja yang hendak menggunakan, mesti berdaftar dan supaya pengguna dapat melihat, kalau dalam *website* mereka itu ada mereka Trustmark, ini menunjukkan bahawa mereka ini adalah *genuine operator*. Akan tetapi kalau tidak ada Malaysia Trustmark, bukan bermakna mereka tidak boleh berniaga. Mereka juga boleh berniaga. Apa yang kita hendak buat adalah supaya selepas ini sesiapa sahaja yang hendak berniaga, dia kena ingat, pertama, mereka individu yang hendak berniaga dalam *online*.

■1010

Kalau dia *just one-off business*, hari ini kita belum ada mana-mana akta yang boleh kita kenakan supaya mereka ini berdaftar. Jadi, kita akan buat supaya kalau *one-off* ini juga mesti berdaftar dan kita akan tentukan supaya selepas ini sesiapa sahaja hendak berniaga, walaupun dia hendak berniaga sekali sahaja, hendak jual beli *online*, dia ada satu barang yang dia rasa dalam masa 30 hari dia hendak jual barang dia, dia kena berdaftar. Selepas ini kalau *entrepreneur* yang lain nak berniaga, dia ada peringkat-peringkatnya. Jadi sebab itulah kalau dalam *scam* yang hendak berlaku selepas ini, ya kita dapat kurangkannya apabila semua mereka yang nak buat perniagaan *online* mesti berdaftar melalui KPDNKK. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kepong.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, tadi berkaitan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, tidak boleh macam ini.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** ...Lambakan produk-produk.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Ya, *sorry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa Yang Berhormat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa tentang lambakan produk-produk dari luar negara. Saya hendak beritahu kita ada standard dalam negara kita ini supaya pengguna boleh melihat sama ada kalau semua ubat atau produk-produk kosmetik yang mereka nak beli, semua ini mesti ada pendaftaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kalau produk-produk lain, kita ada kerjasama juga dengan MOSTI melalui Jabatan Standard, juga kita keluarkan semua ini. Jadi pengguna sepatutnya melihat bahawa produk-produk ini ada pendaftaran daripada kementerian-kementerian tersebut ataupun tidak. Itu yang kita lakukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan saiz panel dalam kementerian untuk menguruskan ini. Setakat ini berapa yang ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah dan jumlah wang yang terlibat.

**Dato' Seri Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai tribunal yang telah pun kita tubuhkan dalam Malaysia. Saya akan beri jumlah saiz tribunal kita ini, saya kurang pasti. Yang adanya seorang dipanggil ketuanya melalui tribunal tersebut. Yang lain-lain itu ada hakim-hakim yang kita akan berikan nama-namanya kemudian nanti.

Kedua, tentang jumlah tangkapan yang telah pun dibuat selama ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berikan angka tersebut. Sehingga bulan Februari, kita hanya ada 287 pemfailan tuntutan berkenaan dengan transaksi pembelian secara *online*. Tahun 2013- hanya 61; tahun 2014 – 83; tahun 2015 – 129; dan tahun ini sehingga Februari hanya 14. Saya hendak jelaskan, kita ada seorang pengerusi dan tujuh orang pegawai dan sebelas orang hakim yang kita buat melalui tribunal ini. Terima kasih.

**2. Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, status terkini projek *River of Life*, jumlah kos yang telah dibelanjakan setakat ini untuk membersihkan sungai, membuat *landscaping*, membina infrastruktur dan jumlah tanah di tebing sungai yang telah dijual.

**Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serdang, status terkini projek *River of Life* dengan izin, adalah seperti berikut:

Status pembersihan sungai - Bagi komponen pembersihan sungai, ia dilaksanakan di sepanjang 110 kilometer di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang melibatkan tujuh buah sungai iaitu Sungai Klang, Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Kerayong dan Sungai Bonus. Terdapat 13 inisiatif utama yang sedang dilaksanakan. Antara kerja-kerja yang sedang dilaksanakan adalah seperti pemasangan perangkap sampah, menaik taraf kolam tadahan banjir, menaik taraf loji rawatan pembedahan dan menaik taraf sistem pembedahan.

Kesemua inisiatif ini melibatkan 67 buah pakej. Sehingga 24 Februari 2016, pencapaian projek 60% berbanding jadual yang ditetapkan ialah 61%. Sebanyak 45 buah pakej telah disiapkan dan 22 buah pakej sedang dalam peringkat pelaksanaan dan akan disiapkan secara berperingkat sehingga 2020. Keseluruhan perbelanjaan ketika ini di bawah komponen pembersihan sungai RM985.86 juta bagi mencapai kelas 2B. Sungai-sungai di bawah ROL perlu mencapai kelas kualiti air sekurang-kurangnya 76.5%. Ketika ini indeks kualiti air adalah di tahap

69% iaitu kelas 3 dan ia merupakan satu peningkatan sejak ROL mula dilaksanakan bermula pada tahun 2011, di mana indeks kualiti air ketika ini berada di bawah 50% iaitu kelas 4 dan kelas 5.

Status pengindahan sungai dan landskap - Objektif utama komponen pengindahan sungai adalah meningkatkan aktiviti kualiti di sepanjang sungai dan kualiti hidup rakyat, dengan izin, *the greater Kuala Lumpur Klang Valley*. Ketika ini kerajaan sedang membangunkan di sepanjang 10.7 kilometer jajaran Sungai Klang dan Gombak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Taman-taman awam dengan fasiliti laluan pejalan kaki dan basikal serta menaikkan taraf kawasan tumpuan orang ramai di sekitar Masjid India, Jalan Petaling dan Jalan Tunku Abdul Rahman sedang pesat dilaksanakan.

Sebanyak 14 buah pakej telah dikenal pasti di bawah projek ini dan ia dibahagikan kepada dua fasa iaitu Projek Pengindahan Sungai Fasa 1, Presint 7 dan Projek Pengindahan Sungai Fasa 2 yang melibatkan baki 10 presint yang lain. Projek Pengindahan Sungai Fasa 1, Presint 7 di kawasan sepanjang sungai di sekitar Masjid Jamek sehingga ke Dayabumi telah dimulakan pada April 2014 dan dijangka siap pada Disember 2016. Peratus kemajuan kerja di tapak ketika ini ialah 40.39%. Manakala di bawah Projek Pengindahan Sungai Fasa 2, kerja-kerja pembinaan bagi fasa 2 dijangka mula pada April 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada 2018. Keseluruhan perbelanjaan pada ketika ini di bawah komponen pengindahan sungai RM178.85 juta.

Status komponen pembangunan tanah - Bagi komponen pembangunan tanah, pihak kementerian sedang memperincikan cadangan pembangunan bagi lot-lot tanah yang terlibat bagi memastikan kerajaan mendapat pulangan yang maksimum atas pembangunan tanah-tanah tersebut. Ketika ini, kebanyakan lot yang dikeluarkan dari senarai tanah ROL adalah tanah-tanah yang dicadangkan bagi pembangunan PR1MA atau PPA1M. Keseluruhan perbelanjaan pada ketika ini di bawah komponen pembangunan tanah RM1.3 juta. Bagi kajian pembangunan terbaik di atas tanah-tanah kerajaan yang terlibat dengan projek ROL.

Status program kesedaran awam - Memastikan rakyat sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka untuk memelihara dan mengekalkan kebersihan sungai tersebut, program *Public Outreach*, dengan izin, telah pun dilaksanakan bermula pada tahun 2012 di dua buah kawasan iaitu, dengan izin, *upper Sungai Klang catchment* dan *Sungai Bonus catchment*. Program ini telah berjaya meningkatkan *sense of belongings* rakyat, dengan izin, untuk turut serta bersama kerajaan berusaha memastikan kualiti air di sungai tersebut kekal di tahap 2B selepas kerja-kerja pembersihan sungai dilaksanakan. Secara keseluruhan, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, projek ini telah menunjukkan kemajuan yang positif dan pihak kementerian akan memastikan projek ini dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

■1020

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih kepada Menteri atas jawapan yang begitu terperinci itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya pun sendiri pernah, bukan turun padang tetapi turun sungai dan lihat dengan mata

sendiri keadaan Sungai Gombak dan saya boleh mengesahkan kepada Dewan yang mulia ini memang belum sampai Kelas 2B lagi. Saya rasa ada sedikit perubahan dan penambahbaikan tetapi saya rasa masih lagi sangat kotor dan tidak boleh digunakan oleh rakyat untuk aktiviti rekreasi. Jadi soalan umum saya ialah berkenaan dengan polisi kerajaan terhadap bidang tanah ataupun penjualan tanah di tebing sungai projek ROL ini. Saya dimaklumkan bahawa DBKL telah membekukan penjualan tanah dalam jarak 50 meter di tebing sungai semasa projek ROL ini dijalankan. Pada masa yang sama seperti Yang Berhormat Menteri kata tadi, memang ada rancangan untuk menjual dan membangunkan tanah kerajaan.

Jadi, saya hendak tanya sama ada kerajaan telah menyediakan satu *master plan* untuk menentukan bidang tanah yang akan dijual dan juga proses untuk menjual tanah itu dan sama ada masa itu pelan ini akan dikemukakan kepada orang ramai? Soalan spesifik saya ialah sama ada pihak kerajaan akan membenarkan pihak Syarikat Ekovest dan MRCB untuk membeli tebing tanah di tebing projek ROL memandangkan mereka telah diberi kontrak untuk membersihkan Sungai Gombak dan Sungai Klang sebagai PDP? Mereka berkemungkinan tinggi mempunyai dengan izin, *insider information* yang boleh digunakan secara tidak adil untuk membeli keping-keping tanah tertentu yang bernilai lebih tinggi. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Terima kasih, Yang Berhormat dari Serdang. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat yang sebenarnya semua tanah di tebing-tebing sungai seperti apa Yang Berhormat menyebutkan memang sekarang ini dibekukan, diarah oleh Kabinet untuk dibekukan kerana kita memang ada perancangan untuk memajukan tanah-tanah ini pada masa akan datang. Percayalah kerajaan yang ada ini akan melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh amanah dan kita tidak akan lakukan seperti apa Yang Berhormat telah sebut dan kita akan beri peluang kepada MRCB ataupun Ekovest konon-kononnya mendapat *insider information*.

Untuk makluman Yang Berhormat, segala tanah tebing ini Yang Berhormat sendiri pun sudah dapat kawasan-kawasan mana yang kita punyai tanah-tanah tersebut dan Yang Berhormat pun jika berminat pun boleh membuat *bidding* atau bida-bida kita akan laksanakan pada masa akan datang. Sudah pasti kita juga akan melaksanakan pembangunan dalam kawasan-kawasan tebing-tebing sungai ini, pengkhususannya untuk menarik pelancong dan juga untuk membuat satu kaedah, keadaan aktiviti khususnya untuk rakyat mengguna pakai. Jadi percayalah Yang Berhormat, kita akan laksanakan program ini dengan secara telus dan laksanakan dengan mengikut apa yang dikehendaki oleh kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang mengambil serius untuk melihat pemantauan projek *River of Life* terutama sekali di Lembah Klang. Saya juga ada terbaca mengenai 170 tan sampah yang dibuang ke dalam Sungai Klang setahun dan 25 tan sahaja yang berjaya dikutip.

Jadi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh manakah kerjasama yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan projek *River of Life* ini mencapai sasaran dan juga hasrat oleh Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

**Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Selangor. Untuk makluman Yang Berhormat ini masalah yang sedang Kementerian Wilayah Persekutuan hadapi yang sebenarnya kerana sungai yang merentasi Kuala Lumpur hanya 10.7 kilometer. Lebih 100 lebih kilometer ini merentasi Negeri Selangor Darul Ehsan hulu dan juga hilir.

Permasalahan yang sedang kita hadapi ialah masalah-masalah di hulu dan juga masalah-masalah di hilir. Kalau masalah di hulu tidak dijaga, sudah pasti apa yang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Pusat hendak lakukan di Kuala Lumpur ini sudah pasti tidak akan tercapai seperti apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Serdang tadi. Memang air tersebut masih lagi tidak capai kepada tahap 2B yang kita inginkan hanya kita perlu lagi 2% atau 3% lagi untuk kita capai matlamat yang telah kita tetapkan.

Sekarang ini kita sedang berbincang dengan Kerajaan Negeri Selangor supaya mereka juga dapat mengikuti program-program yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah pengkhususannya kepada penduduk-penduduk yang mempunyai industri ataupun kampung-kampung setinggan di tebing-tebing sungai ini dapat diselaraskan dan kita sentiasa berhubung dengan Kerajaan Negeri Selangor. Setakat hari ini kadangkala mereka mendengar, kadangkala mereka tidak endah kepada apa yang kita rayu. Sekian, terima kasih.

**3. Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, sejauh mana penguatkuasaan kegagalan memohon hak milik strata boleh dilaksanakan bagi kes-kes yang melibatkan masalah tanah selepas Akta A.1450 berkuat kuasa. Adakah kementerian akan menambah baik undang-undang tersebut?

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kes-kes kegagalan memohon hak milik strata masalah tanah yang tidak selesai, contohnya:

- (i) pembangunan tidak berada dalam satu lot tanah ataupun bangunan terkeluar dari lot yang memerlukan tanah sama ada dibuat pecahan sempadan atau cantuman supaya skim strata terletak di dalam satu lot tanah sahaja;
- (ii) pembangunan skim strata dibuat di atas tanah yang bukan merupakan tanah bermilik? *Alienated land* seperti tanah kerajaan;
- (iii) penyediaan hak milik tetap *the final title* masih tidak dilaksanakan menyebabkan tanah masih di bawah hak milik sementara sama ada hak milik pejabat pendaftaran ataupun pejabat tanah.



Menurut Akta Hak Milik Strata 1985 dengan pindaan terkini melalui Akta 14A, 1450 penguatkuasaan kegagalan memohon hak milik strata bagi kes bangunan yang telah siap dan dijual sebelum pindaan dikuatkuasakan yang melibatkan masalah tanah seperti yang saya sebut awal tadi. Boleh dilaksanakan kerana seksyen 8, Akta Hak Milik Strata 1985 tidak lagi terikat dengan keadaan bangunan atau tanah yang boleh di pecah bagi seperti mana yang diperuntukkan dalam seksyen 6, Akta Hak Milik Strata.

Melalui pindaan kepada akta pada 2013 bagi pembangunan baru satu elemen baru telah diperkenalkan di peringkat pra permohonan hak milik strata iaitu Sijil Formula Unit Syer ataupun SFUS melalui kaedah hak milik strata negeri. SFUS adalah perakuan yang dikeluarkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri bahawa cadangan pembangunan berstrata tersebut telah menyelesaikan perkara-perkara asas termasuk berkaitan tanah, bayaran upah, ukur dan penentuan Formula Unit Syer.

SFUS merupakan salah satu syarat yang dikenakan di peringkat kebenaran merancang atau perintah penggunaan ataupun DO. Antara syarat kelulusan SFUS perkara berkenaan tanah bagi pembangunan berstrata tersebut telah diselesaikan. Maknanya tidak ada lagi masalah tanah. Tuan pemilik tanah telah mendepositkan di Lembaga Juruukur Tanah. Kedua, syarat ini adalah penting bagi mengelakkan permohonan hak milik strata gagal dikemukakan kerana melibatkan kos yang tinggi. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Daripada jawapan yang diberikan, saya faham kegagalan untuk memohon hak milik strata itu sudah kurang. Walau bagaimanapun, masih banyak cabaran mengenai perumahan-perumahan yang memerlukan *strata title* yang sudah dibuat dari dahulu lagi sebelum akta ini digubal, *diamond*, dengan izin. Pertanyaan saya, adakah kerajaan bersedia untuk menyediakan dana khas untuk menyelenggarakan perumahan-perumahan yang agak teruk keadaannya ataupun *rundown*, dengan izin, disebabkan kegagalan pembentukan perbadanan dan pengurusan yang mungkin disebabkan oleh ketidaklengkapan perundangan sebelum ini. Terima kasih.

■1030

**Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita sedang melihat bersama dengan pihak AG ataupun Peguam Negara pindaan baru kepada Akta Hak *Strata Title*, ataupun *Strata Title Act* ini, dengan mengisi kekurangan dan kelemahan dari sudut undang-undang itu sendiri. Di peringkat ini bahawa saya telah melihat dua kali undang-undang yang telah dicadangkan untuk dipinda ini daripada satu sudut iaitu sudut penyelesaian rumah-rumah yang telah disiapkan dan dijual kepada individu tetapi tidak mempunyai *title*.

Jadi, kalau cadangan salah satu daripada peruntukan dalam cadangan itu menyelesaikan kes-kes ini yang mana tuan yang menghuni kediaman ini hanya duduk berlandaskan *agreement* sahaja bahawa pindaan yang kita cadang akan melaksanakan ataupun mengatasi masalah ini dan *strata title* boleh diberi kepada pihak pembeli.

Kalau tidak salah saya, hampir 300 ribu orang pemilik tanah di sini boleh kita atasi, tetapi ada lagi satu masalah yang lain iaitu apabila tanah dibina dengan bangunan yang berkehendakkan *strata title* sebagaimana yang saya telah jawabkan di awal tadi iaitu masalah tanah yang belum diselesaikan masalahnya dan tanah-tanah ini juga dibangunkan dalam keadaan sedemikian. Kita juga akan melihat pindaan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah-masalah sedemikian ini.

Jadi kehilangan dokumen, kehilangan pelan dan sebagainya juga kita ambil kira dalam pandangan kita untuk meminda undang-undang yang baru dan bakal kita bawa ke Dewan dengan harapan nanti kalau kita sudah siap mengemaskan undang-undang nanti kita akan juga buat *engagement* dengan Ahli-ahli Parlimen dan kita hendak *input* yang sedemikian ini supaya mengemas kini undang-undang yang sedia ada. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tanjong.

**Tuan Ng Weik Aik [Tanjong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, masalah utama adalah di mana ada *charge* yang didaftarkan atas hak milik tanah yang selalunya tanah itu digadai kepada pihak bank dan selagi *charge* itu tidak dikeluarkan, jadi macam mana dengan pindaan ini, dia pun tidak akan membenarkan pendaftaran dan permohonan hak milik strata dijalankan. Jadi adakah pihak kementerian boleh mempertimbangkan supaya *charge* ini dapat dikeluarkan jikalau pihak pelikuidasi ingin memohon hak milik strata dan selepas hak milik strata itu didaftarkan, *charge* itu akan didaftarkan balik atas mana-mana unit yang belum dapat *redeem* lagi? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan mengubah status tanah apabila masih dalam dicagar ataupun *dimortgage* ataupun *dicharge* kepada mana-mana pihak lain. Jadi pihak kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya membuat perubahan kepada syarat-syarat tanah-tanah tersebut melainkan ada kebenaran daripada pihak *chargee* nya sendiri. Makna dia dua-dua pihak mesti dulu bersetuju Yang Berhormat. Kalau tidak, kita boleh diambil tindakan mahkamah oleh pihak *chargee* iaitu macam bank tadi *dicharge* dipanggil *chargee*, dia boleh mengambil tindakan kepada kita kerana mengubah syarat-syarat tanah yang dicagarkan mereka.

Jadi dalam keadaan sedemikian walaupun kita mempunyai undang-undang, walaupun undang-undang telah dipinda, walaupun undang-undang membolehkan pihak kerajaan membuat pemecahan tetapi kepentingan *chargee* itu mesti *to pursuit* pemecahan ataupun kehendak tuan tanah untuk memecahkan tanah ini. Jadi ini tidak boleh diabaikan begitu sahaja Yang Berhormat. Kalau tidak kita akan *undermining* di *finance system* dalam negara kita. Terima kasih.

**[Soalan No. 4 – YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) tidak hadir]**

5. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh mana keberkesanan Kempen Pertanian Bandar yang telah dijalankan dalam mengurangkan kos sara hidup.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim...*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jawab pantun dulu, jawab pantun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya dari Setiu.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jawapannya, saya tidak jawab pantun. Saya jawab ini. Ini Yang Berhormat Lim Guan Eng ini dia rupanya *queen control* juga. Dia memang *queen control*. Beli rumah kerana bini dia suka rumah itu. Dok mengata orang saja selama hari ini.

Okey, ini jawapan kepada soalan. Tuan Yang di-Pertua sudah nampak macam marah saja. Sabarlah pagi-pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kenaikan kos sara hidup, kerajaan kita begitu komited untuk membantu rakyat meringankan perbelanjaan dapur harian dengan menggalakkan penyertaan penduduk bandar untuk bertani bagi memenuhi keperluan bahan makanan sendiri.

Dalam hubungan ini, Program Pertanian Bandar telah diperkenalkan sejak tahun 2014, pada bulan September 2014 di mana bantuan dalam bentuk bahan tanaman, latihan dan khidmat nasihat teknikal telah diberikan melalui Bahagian Pertanian Bandar, Jabatan Pertanian. Program Pertanian Bandar ini dilaksanakan di bawah RMKe-11 dengan kelulusan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi *rolling plan* pertama 2016 dan 2017.

Jadi, setiap tahun RM5 juta peruntukannya. Manakala pada tahun 2014 dan 2015, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan program tersebut di mana 1,374 buah lokasi dan melibatkan seramai 32,734 orang peserta di mana bilangan mereka, peserta yang berdaftar pada tahun 2014 seramai 5,767 dan jumlah ini telah meningkat begitu hebat sekali pada tahun 2015 menjadi 26,967 orang peserta. Pada tahun 2014 tadi 5,767 orang peserta sahaja sebab dia bermula pada lewat tahun iaitu September. *That is not a full year* punya list, Tuan Yang di-Pertua.

Memandangkan pelaksanaan program ini hanya bermula pada September tahun 2014 dan mengambil kira statistik bilangan peserta yang hanya menunjukkan peningkatan bilangan peserta pada tahun kedua pelaksanaan program ini, maka boleh dirumuskan bahawa program ini telah memberikan impak yang positif kepada penduduk bandar daripada aspek kesedaran bertani di bandar-bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersedia untuk menjalankan kajian untuk melihat tahap keberkesanan menyeluruh program ini setelah *Rolling Plan* pertama yang saya sebutkan tadi. Dengan rasa bangga, saya hendak sebut di sini yang paling ramai di negeri Perak, negeri saya dan negeri TPM. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

■1040

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Penyertaan setakat ini yang disebut lebih kurang 26,000 dan ada tidak apa-apa langkah ataupun rancangan untuk menambahkan lagi penyertaan dan soalan saya seterusnya apa kaedah atau mekanisme untuk lebih daripada pendapatan. Kemungkinan seramai yang turut serta itu sudah tentulah ada lebih-lebih daripada hasil tanaman tersebut, Apa langkah-langkah kita ataupun kaedah-kaedah yang diambil untuk memasarkan lebih pendapatan tersebut. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saudara Yang Berhormat Setiu. Ya betul, sudah ada ramai daripada peserta ini iaitu peserta individu dan juga peserta *community* dan juga jabatan kerajaan yang mengambil bahagian dalam pertanian bandar ini. Didapati ramai yang telah menghasilkan lebih daripada keperluan domestik ataupun keperluan dapur sendiri. Dengan sebab itu, ramai juga yang telah menjual hasil mereka untuk mendapatkan pendapatan tambahan di pasar-pasar tani yang dikelolakan oleh FAMA. Kita ada banyak pasar tani, pasar tani kekal dan baru ini kita buka di Presint 7 Putrajaya, *MyFarm Outlet*, semua ini *market access* bagi pengeluaran hasil pertanian tidak kiralah dari bandar ataupun dari luar bandar. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya memang menyokong usaha ini kerana memberi peluang kepada penduduk bandar untuk mendapatkan hasil tambahan dan sekurang-kurangnya untuk kegunaan mereka. Akan tetapi pengalaman saya bagaimana kita hendak memastikan berlaku penerusan dalam lain perkataan perkataan *istiqamah* kerana peringkat awal benih diberi oleh Kementerian Pertanian atau Jabatan Pertanian, selepas itu program ini tidak berterusan. Ini berlaku dalam kes Laman Dapur. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kita ini sudah sampai masanya belajar berdikari. Orang kampung susah kita bagi subsidi begitu begini. Di bandar ini tidaklah begitu susah sangat seperti orang luar bandar. So, kita *subsidize* dengan bagi benih dan sebagainya sedikit sebanyak untuk menggalakkan. Sampai satu masa, *they have to be on their own*. Kita kena didik masyarakat kita begitu Yang Berhormat. Jangan sampai bila-bila pun kita kena bagi benih, bagi itu bagi baja bagi segala-galanya. *This is not the way to move forward as a develop country and develop society*. Daripada segi prinsip, saya hendak tekan begitu. Akan tetapi, Yang Berhormat jangan bimbang. Kerajaan, Kementerian Pertanian kita *very committed* untuk menggalakkan dan juga memperluaskan aktiviti pertanian bandar ini.

Oleh sebab itu kita tidak *stop*, tidak berhenti di sini sahaja. Peruntukan saya sebut tadi *Rolling Plan* untuk tahun 2016 dan 2017, RM10 juta RM5 juta setahun. Kalau sekiranya keperluan ada di masa yang akan datang, kita akan tambah lagi, *why not?* Cuma kita hendak

tengok sambutan daripada masyarakat. Tidak ada masalah untuk masa hadapan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, dengan terperinci program DLP yang telah diarahkan kepada sekolah-sekolah dan apa perbezaannya program ini dengan PPSMI

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Tuan Yang di-Pertua, *Dual Language Program* ataupun DLP adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris ataupun MBMMBI. DLP memberikan pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Malaysia bagi mata pelajaran Matematik dan Sains.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah perlu memenuhi kriteria berikut untuk memohon melaksanakan DLP. Ada empat kriteria;

- (i) sumber yang mencukupi;
- (ii) kesianaan pengetua dan guru besar dan guru-guru untuk melaksanakan DLP;
- (iii) permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan
- (iv) pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata kebangsaan.

Sementara pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris ataupun dikenali sebagai PPSMI adalah dasar yang dilaksanakan di semua sekolah dan telah dimansuhkan melalui tempoh peralihan dasar dengan pendekatan *soft landing*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat, Program DLP ini juga menerima banyak bantahan dan tentangan daripada cendekiawan dan mantan-mantan profesor-profesor, pejuang bahasa dan budaya Melayu. Mereka telah berjumpa dengan kerajaan untuk menghantar memo dan untuk menyatakan bantahan-bantahan mereka ini.

Soalan saya Yang Berhormat ialah, kalau boleh Yang Berhormat Menteri mengongsikan bersama dengan kita tiga bantahan yang dikira sangat memang relevan dan memang tepat daripada segi bantahan itu, kebimbangan mereka kesan jangka masa panjang ini, DLP ini dan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk mengatasi kebimbangan yang dirasai oleh pejuang-pejuang bahasa ini. Sekian terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengambil pandangan. Kita akan mengambil pandangan dari semua lapisan untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang saya katakan tadi dalam jawapan asal saya, program ini bukan

program paksaan. Program ini program yang dibenarkan. Kita ada 10,150 buah sekolah di seluruh negara dan tidak ada sebuah sekolah yang dipaksa untuk mengambil bahagian dalam DLP.

Pada masa yang sama kita sentiasa mengamalkan dasar dari awal iaitu dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Maka tidak wujud sama sekali di mana kita akan mengatakan kita akan mengabaikan bahasa Malaysia dan akan memberi keutamaan untuk bahasa Inggeris, tidak wujud sama sekali. Namun bagaimana kita hendak mengukuhkan sahaja. Ini antara cara-caranya.

Seperti mana yang saya katakan tadi, di Kementerian Pendidikan Malaysia kita sentiasa terbuka untuk mendapat pandangan dan juga cadangan bagaimana kita dapat mengukuhkan penggunaan bahasa Inggeris. Unsur paksaan tidak ada. Maka apabila kita katakan sama ada jangka masa panjang, sama ada ia akan berjaya ini merupakan satu program yang kiat sudah mula cuba dan kita ada permintaan lebih daripada jangkaan. Akan tetapi sekolah-sekolah ini harus memenuhi syarat-syarat yang saya katakan sebentar tadi.

Maka tidak wujud sama sekali sekiranya sekolah itu tidak berminat, belum bersedia, ibu bapa tidak berminat belum bersedia, maka tidak ada unsur paksaan sama sekali. Kita tidak harus khuatir. Kita akan terus memantau, kita akan terus melihat bagaimana program ini dapat menambah baik mutu penggunaan bahasa Inggeris yang juga penting untuk kita bersaing dalam *competitive world*, dengan izin, dapat bersaing dengan negara-negara maju dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa dan pada masa yang sama kita akan terus memartabatkan bahasa Melayu kita. Terima kasih Yang Berhormat.

#### ■1050

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ramai yang minat itu. Hendak bagi Yang Berhormat Jerantutlah senang.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberikan penerangan yang jelas. Cuma kita lihat Program DLP ini, ada kekhawatiran yang tinggi di kalangan masyarakat khususnya para guru. Jadi saya hendak bertanya sedikit. Adakah pihak kementerian bersedia untuk ibarat tutup buku teruslah program ini. Sama ada minta atau tidak minta dan adakah kerajaan juga berhasrat untuk terus memperkasakan Program HIP yang dilihat boleh diterima ramai bukan sahaja di kalangan masyarakat guru malah masyarakat umumnya juga menerima Program HIP yang dilaksanakan oleh kementerian sekarang. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerantut yang menanyakan soalan tambahan tadi. Kita akan memantau Program DLP ini dan kita pada permulaan, kita rasa pencapaian awal agak memberangsangkan dan kita akan lihat bagaimana kita dapat menambah baik lagi program. Sekiranya ada kekhawatiran, kita tengok bagaimana kita dapat menambah baik. Di mana kekurangannya kerana hasrat kita ikhlas. Hasrat kita ikhlas untuk anak-anak kita dapat fasih dalam lebih daripada dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Itu hasrat yang

begitu ikhlas daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan kita akan memantau program ini.

Pada aspek *High Immersive Program* (HIP), saya setuju program ini pun program yang baik dan mendapat banyak sokongan dan untuk makluman Yang Berhormat, *High Immersive Program* 2016 ini, hampir 2,094 buah sekolah telah kita mulakan dan penerimaan cukup baik. Dua strategi kita ambil guna. Satu, DIP dan satu lagi *High Immersive Program*. *High Immersive Program* ini aktivitinya di dalam dan di luar bilik darjah. Kedua-dua ini kita akan amalkan dan kita akan tengok yang mana lebih berkesan. Buat masa ini syukur kepada Tuhan kerana kedua-duanya mencapai objektif yang diperlukan dan kita akan terus memantau dan akan cari kaedah-kaedah bagaimana kita dapat menambah baik mutu penggunaan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apa pendapat kementerian atas spekulasi bahawa beberapa buah kawasan di sepanjang pantai Malaysia akan tenggelam disebabkan kenaikan aras laut menjelang tahun 2020 dan apakah langkah berjaga-jaga kementerian sekiranya kajian tersebut benar.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang menyoal satu soalan pada saya amat penting tetapi malang bagi masyarakat kita apabila berlaku gelombang besar, tsunami, berlakunya ribut taufan dan banjir, baru kita kata perkara besar tetapi masalah ini, persoalan ini sama ada media ataupun dalam kita sendiri lihat perkara ini, enteng sahaja. Jadi pada saya amat penting, Tuan Yang di-Pertua.

Fenomena peningkatan aras laut tidak merupakan spekulasi, Yang Berhormat. Bukan spekulasi tetapi adalah berasaskan kajian unjuran yang dibuat pada tahun 2010. Kajian tersebut mendapati bahawa beberapa buah kawasan pesisir pantai Semenanjung Malaysia akan mengalami kenaikan aras laut menjelang tahun 2100.

Walau bagaimanapun, kajian Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM) menunjukkan bahawa peningkatan aras laut ini di bandar-bandar utama pesisir pantai Malaysia pada tahun 2020 tidak begitu ketara. Kenaikan aras laut tertinggi dijangka berlaku di pantai Kedah iaitu 0.52 meter dan di Kelantan 0.47 meter. Kenaikan aras laut tertinggi di Sarawak adalah di pantai Miri iaitu 0.59 meter dan untuk Sabah adalah di pantai Tawau iaitu 1.06 meter.

Langkah-langkah adaptasi Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui pendekatan struktur dan bukan struktur. Pertama, perlindungan kawasan pantai melalui struktur adalah seperti *groyne wave breakers* dan *rock revetment*.

Kedua, tanpa struktur adalah seperti tanaman semula bakau, penambakan pasir pantai, memberi khidmat nasihat kepada pihak berkuasa tempatan dan pemaju berkaitan dengan aras lantai dan anjakan pembangunan masa depan, menjauhi garis pantai termasuk infrastruktur kritikal contohnya stesen-stesen penjana elektrik, lebuh raya, pelabuhan, industri dan sebagainya.

Dengan kata lain, Yang Berhormat, kalau tembok yang kita buat sekarang empat kaki contohnya untuk menangani masalah ini supaya bandar, pekan dan *township* yang kita hendak buat jangan ditenggelami air pada 70 tahun yang akan datang, kita kena naikkan dua kaki tinggi. Itu maknanya. Maknanya pemaju jangan *cut commerce*. Hendak ambil untung besar. Kerajaan negeri begitu juga. Jangan bagi CF kalau tidak memenuhi syarat-syarat ini. Fenomena kenaikan aras laut merupakan kesan *slow on set* dan memerlukan tindakan jangka panjang. Oleh itu pihak kerajaan juga melaksanakan langkah-langkah *mitigasi* untuk mengatasi masalah-masalah ini, mengurangkan pelepasan gas rumah kaca selaras dengan *outcome Paris Agreement* tahun lepas.

Jadi maknanya *target* di bawah Paris Agreement itu amat penting supaya kepulauan tidak akan ditenggelami air dan paras tanah-tanah rendah di seluruh Malaysia itu tidak ditenggelami air. Mengikut laporan CHOGM, siapa yang ada menghadiri CHOGM, 50 tahun akan datang, 18% katanya tanah besar Bangladesh akan ditenggelami air dan beberapa juta orang manusia terpaksa dipindahkan ke tanah yang lebih tinggi lagi.

Jadi Yang Berhormat, itulah kenapa soalan ini salah satu soalan yang amat penting kepada *humanity*. Kepada manusia sejagat. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. Jawapan Yang Berhormat Menteri sebenarnya menggerunkan. Seolah-olah kalau betul jangkaan-jangkaan, bererti Malaysia akan tenggelam menjelang 2020 akibat kenaikan paras laut. Maknanya tidak sampai empat tahun fenomena itu akan berlaku. Adakah jika ia berlaku, ia akan mengubah bentuk muka bumi Malaysia? Ada atau tidak kawasan yang hilang? Saya di Tanah Merah mungkin nampak gaya tidak selamatlah sebab Yang Berhormat Menteri kata Kelantan pun terjejas. Akan tetapi tidak pastilah di kawasan-kawasan seperti Ledang, Muar. Ada atau tidak lagi kawasan-kawasan yang lain yang akan terjejas termasuklah di Kuching, Sarawak dan sebagainya.

Kalaulah kajian ini, katakanlah kajian ini tidak benar, apa usaha yang dilakukan oleh kementerian supaya orang ramai boleh mendapat maklumat yang benar-benar sahih memandangkan ketika ini pun banyak sudah tersebar berbagai-bagai khabar berkaitan alam sekitar atau bencana sehingga mencetuskan kebimbangan. Jadi kalaulah tadi Yang Berhormat Menteri kata Kedah, saya rasa *Penang* pun mungkin juga bakal tenggelam. Jadi bila saya baca *Utusan Malaysia* hari ini, tajuknya hentikan dolak-dalik. Lim Guan Eng digesa tidak berdolak-dalik dalam isu pembelian banglonya daripada Phang Li Koon.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Okey, jadi mungkin ini antara punca Phang Li Koon jual rumah banglo dengan murah sebab tahun 2020, Penang akan tenggelam. Jadi baik jual murah sekarang. Nanti sudah tahun 2020, sudah tidak boleh jual. Jadi saya tidak tahulah. Inilah rahsia, saya rasa punca sebenarnya. Jadi kawan-kawan jangan marah jual murah ini.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Jadi adakah kementerian berhasrat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** ...Mempelajari teknologi daripada Netherlands untuk mengatasi banjir akibat daripada kenaikan paras laut dalam tempoh tidak sampai satu abad yang akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Tumpukan kepada soalan asal, Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Baik Tuan Yang di-Pertua. Saya akan tumpu jawapan kepada soalan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tidak ada kena mengena dengan penjualan dan pembelian rumah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Pembelian dan penjualan rumah itu biarlah dibincangkan dalam topik lain, Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, bukan tahun 2020. Saya sudah sebut tadi dengan jelas jawapan saya mengatakan...

#### ■1100

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tahun 2100.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Peningkatan aras laut di bandar-bandar utama pesisir pantai Malaysia pada tahun 2020 tidak begitu ketara. Fakta yang saya sebutkan tadi yang mengatakan kawasan-kawasan yang bakal ditenggelami air mengikut kajian iaitu Pantai Kedah, Pantai Kelantan, Sarawak, Pantai Miri Sabah, Pantai Tawau itu tadi tahun 2100. Tahun 2100 maknanya 70 lebih tahun, Tuan Yang di-Pertua lebih *sharp* lagi lah, cantik lah.

Jadi Yang Berhormat, apa yang kita sebut di sini ialah berlandaskan kajian *scientific study*, kajian saintifik seluruh dunia. Itulah kenapa COP 21 itu begitu penting sekali kepada manusia sejagat. Begitulah kenapa kita, bersama. Dalam keadaan ini Yang Berhormat, untuk menangani masalah ini di bawah agenda COP 21 atau pun Paris Agreement yang baru kita persetujui secara bersama, belum lagi ditandatangani hingga 22 April 2016 ini, *insya-Allah* di *New York*. Kertas Jemaah Menteri saya belum masuk lagi untuk dimasukkan, supaya membenarkan kita menandatangani atau pun tidak menandatangani. Jadi, ada empat kementerian yang berfokus khusus untuk menangani masalah ini iaitu Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air atau pun (KeTTHA).

Ini berhubung dengan perkara umpamanya mintak ampun dan maaf menggunakan bahasa Inggeris. *Implementation of tower feed-in tariff mechanism biomass, biogas, small*

*hydropower, solar, photovoltaic, geothermal* dan agenda-agenda *renewal energy* yang saya sebutkan tadi dan banyak lagi agenda-agenda dengan menggunakan *usefound based biodiesel*, menggunakan *application green technology, implementation of green building rating scheme, efficient electric consumption* dan selepas itu ada lagi *energy efficient vehicle, compress natural gas* menggunakan *rail-based transport* di bawah kedua-dua Kementerian KeTTHA dan juga MOT iaitu *reduce significant through development and usage manageable vehicle, compress natural gas and CNG motor vehicle* dan *electric train*.

Di bawah NRE kita ada *emission reduction through sustainable management of power central forest Spine* di Semenanjung dan *hub the Borneo* di Sarawak, Sabah, Kalimantan dan juga di Brunei. Kita juga di bawah Kementerian Komoditi iaitu *waste paper recycling biogas capture palm oil, meal efficient treatment*.

Jadi, keseluruhannya Yang Berhormat pada masa sekarang Malaysia menunjukkan kejayaan yang tinggi dalam *reduction of emission* ini. Kita telah mencapai tahap kalau tidak salah saya 33% daripada perjanjian kita 45% di Paris iaitu 35% *unconditional* dan 10% *conditional*. Kita sudah mencapai 33% bersama dengan sumbangan daripada mengekalkan hutang kita kepada tahap 50% jangan tebang hutan. Bagi balik kepada negeri, minta tolong jangan tebang hutan lagi.

Yang Berhormat, jadi inilah secara ringkas, amat ringkas sekali. Cara Malaysia menangani isu ini dan *insya-Allah* dengan tindakan yang begitu rapi oleh pihak kerajaan, Malaysia boleh menepati *undertaking* yang telah kita buat sama ada yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Copenhagen atau pun yang setelah saya buat pulangnya sekali lagi di Paris pada tahun 2015. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kuala Krai ini sedikit di pedalaman dan paras tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Hampir terdedah dengan banjir Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi, kesan- itu tidak ada tetapi banjir pulalah ya. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *water finds own level*. Jadi, saya meyakini apa Yang Berhormat Menteri menyebut tentang langkah-langkah Malaysia itu boleh membantu tetapi oleh sebab kita hanya sebuah negara, satu sudut kecil dalam dunia ini, peranan negara-negara lain keseluruhannya di seluruh dunia amat penting supaya kesan daripada pemanasan kah, pencemaran kah, atau pun pengeluaran karbon kah dapat dikawal. Kalau kita sahaja kawal, negara lain tidak kawal pun tidak jadi juga.

Jadi, bagaimana penguatkuasaan segala bentuk konvensyen yang telah dipersetujui di beberapa buah tempat seperti di Copenhagen dan di Paris itu dapat memastikan negara-negara seluruh dunia ini patuh dan apakah pada masa yang sama langkah-langkah penambahbaikan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tanah Merah tadi juga sedang diusahakan.

Contohnya mengambil pengalaman di Belanda yang mana bukan sekadar dapat menahan air laut yang tinggi daripada paras bumi masuk, malah mereka dapat memulihkan pula

sebahagian daripada tanah-tanah yang dilindungi daripada air laut melalui *deck* dan sebagainya untuk kegunaan manusia. Adakah kita juga bergerak ke arah itu? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut fakta kita sendiri, *Float Mitigation Programme* kita mempunyai satu kos yang pada masa sekarang ini ialah RM39 bilion termasuklah Yang Berhormat Kuala Krai punya kawasan. Semasa banjir pada tahun 2014, saya berada di Kuala Krai dan saya melihat *police station*, kampung semua ditenggelami air. Bahkan *station* kereta api pun habis diranap oleh air. Jadi, program-program ini secara *detail* nya Tuan Yang di-Pertua kita mempunyai *detail* nya.

Umpamanya kalau di Kelantan itu, kita mempunyai *darn* yang kita perlu supaya mengurangkan air mencurah ke laut dan lepas itu kita ada lagi benteng-benteng dan juga meningkatkan tepian pantai. Ini perlu kerjasama di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat tetapi kalau program ini tidak dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat, kos ini akan melambung naik hingga mungkin ke RM60, RM70 bilion pada masa-masa yang akan datang. Jadi, apa Yang Berhormat menyebut, sama ada kita hendak ikut *common* atau pun kita mengikut negeri China Yang Berhormat yang mempunyai program-program benteng-benteng laut yang amat cantik dan bagus tetapi pokoknya Yang Berhormat ialah sumber kewangan yang banyak.

Inilah yang kita masih fikirkan macam mana kerajaan menangani dan saya masih memikirkan dan berbincang dengan banyak pihak dan masyarakat yang mempunyai kepakaran khusus dalam sudut ini untuk memikirkan macam mana kita boleh membuatkan projek-projek dan program ini untuk mengatasi masalah banjir dan peningkatan kenaikan air laut ini supaya masyarakat kita jadi terselamat dengan kos tidak begitu banyak sangat kepada pihak kerajaan. Dalam masa yang sama kita boleh laksanakan program ini dalam masa yang terdekat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**8. Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah-langkah yang diambil terhadap pekerja yang diberhentikan akibat kegawatan ekonomi pada waktu ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat yang cukup prihatin tentang pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dua kategori pemberhentian pekerjaan pekerja di negara ini. Kita kategorikan kepada dua. Yang pertama ialah pemberhentian biasa dan yang kedua ialah pemberhentian secara sukarela atau pun (VSS).

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2016, saya ambil Mac 2016 seramai 1,294 orang diberhentikan secara biasa. Maknanya biasa ini maksudnya tindakan penamatan kontrak kepada majikan kerana syarikat mengalami masalah kewangan atau pun penstrukturan semula organisasi. Manakala 5,240 ialah pemberhentian secara sukarela. Maknanya pekerja buat pemilihan untuk berhenti.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) amat menggalakkan pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja mendaftar dalam portal *JobsMalaysia*. Kita ada portal *JobsMalaysia* kita panggil bagi memudahkan rekod mereka disimpan dan dihubungi bagi membantu mereka mendapatkan pekerjaan atau untuk tujuan-tujuan lain.

■1110

Berikut adalah statistik pendaftaran dan penempatan pekerja yang diberhentikan melalui Portal *JobsMalaysia*:

Tahun	Bilangan Pendaftaran (orang)	Bilangan Penempatan (orang)
2012	658	87
2013	1,283	330
2014	813	408
2015	1,360	733

Tuan Yang di-Pertua, pekerja yang diberhentikan akan digalakkan untuk mendaftar dengan Portal *JobsMalaysia* yang disediakan secara percuma di mana proses pendaftaran dan pencarian pekerjaan boleh dibuat secara *online*. Dalam masa yang sama, maklumat pencari kerja yang mendaftar ini juga boleh disalurkan kepada agensi pekerjaan swasta untuk tujuan meningkatkan lagi peluang pekerjaan mereka yang diberhentikan mendapat pekerjaan baru.

Antara usaha yang dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja bagi membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan membantu mereka bagi mendapatkan pekerjaan yang baru. Oleh itu, mereka sentiasa dimaklumkan dari semasa ke semasa berkenaan kekosongan jawatan yang wujud bagi membolehkan mereka memohon jawatan tersebut.

Di samping itu, golongan ini akan diberi keutamaan oleh Jabatan Tenaga Kerja untuk dijemput hadir dalam program-program penempatan pekerja yang dianjurkan oleh jabatan, *job fair* dan sebagainya.

Kementerian juga menyediakan program latihan semula pekerja yang diberhentikan yang diadakan untuk membantu mereka mendapat latihan yang bersesuaian dengan keperluan semasa pasaran buruh. Kementerian Sumber Manusia melalui jabatan dan agensi iaitu Institut Latihan Perindustrian, Institut Latihan Lanjutan Tenaga Manusia atau ADTEC, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran menentukan bentuk-bentuk latihan dan bantuan yuran latihan sebagai nilai tambah kepada mereka yang terlibat dengan pemberhentian kerja.

Kementerian Sumber Manusia juga melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah menubuhkan *1Malaysia Outplacement Centre*, dengan izin, yang bertindak sebagai pusat sehenti yang membantu pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja khususnya bekas pekerja majikan yang diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Inisiatif

ini juga akan memberi peluang kepada pekerja yang terlibat mengikuti latihan semula yang akan merapatkan jurang kompetensi mereka dengan keperluan pasaran pekerjaan semasa dan membolehkan mereka juga diserap semula dalam pasaran pekerjaan atau menceburi aktiviti perniagaan sendiri.

Bagi isu- Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, itu sahaja.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri dengan jawapan. Ingat ada lagi, rupanya tidak ada.

Isunya adalah dimaklumkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Apakah Yang Berhormat ingat, ada lagi tak ada lagi itu?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Apakah yang ingat ada lagi tidak ada lagi itu?

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Apabila dia *break* tadi, tidak ada lagi jawapannya. Jadi saya hendak suruh dia pergi gear lima, tidak masuk lagi.

Jadi, saya dimaklumkan jumlah terkini dan mereka yang terbabit dalam pemberhentian dalam jumlah yang agak menjadi tanda tanya kerana dalam masa yang sama, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, perkara kedua dalam proses pemberhentian VSS. Saya yakin VSS ini tidak dibuat secara luruh tetapi ia buat secara paksa dalam keadaan kegawatan ekonomi yang berlaku pada hari ini.

Soalan saya ialah apakah langkah kementerian yang diambil untuk memastikan pekerja yang pakar dalam bidang mereka tertentu, dalam pengalamannya itu, dibantu untuk mereka dapat pekerjaan dalam bidang itu? Maksudnya begini. Kalau dia pramugara, cari dia dalam sektor perkhidmatan perhotelan. Itu maksud saya.

Jadi, apakah langkah itu diambil untuk memastikan- macam Petronas, 1,000 orang lagi bulan ini akan dibuang pekerjaan. Apakah langkah kementerian itu untuk memastikan bahawa mereka ini dalam saluran pengalaman mereka? Bukan sebagai seorang pekerja *engineer* pergi kepada pembawa teksi contohnya. Apakah langkah sebegitu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum pemberian kerja dibuat, kementerian mengambil langkah-langkah untuk memberitahu majikan supaya mengelakkan pemberhentian pekerja.

Antara langkah yang diambil oleh majikan untuk mengelakkan pemberhentian pekerja ialah:

- (i) membekukan pengambilan pekerja-pekerja baru kecuali bagi bidang-bidang yang kritikal. Maksudnya kita galakkan supaya jangan ambil

pekerja baru dengan tujuan pekerja-pekerja yang ada tidak diberhentikan.

- (ii) mengehendkan kerja lebih masa. Oleh sebab apabila kerja lebih masa dilakukan kos akan bertambah, jadi sudah tentulah kesan kepada pekerja yang ada.
- (iii) mengehendkan kerja pada hari rehat, mingguan dan cuti am.
- (iv) mengurangkan hari-hari bekerja dalam seminggu atau mengurangkan bilangan kerja giliran.
- (v) mengurangkan waktu bekerja harian.
- (vi) mengadakan program latihan semula kepada pekerja.
- (vii) mengenal pasti kerja-kerja alternatif dan pertukaran sebahagian pekerja lain dalam syarikat.
- (viii) melakukan pemberhentian kerja sementara. Misalnya dalam bentuk penutupan sementara.
- (ix) mengurangkan gaji pekerja yang dibuat secara adil, iaitu langkah-langkah terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja-pekerja yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, memang saya kira sebenarnya majikan-majikan menilai, melihat pekerja-pekerja yang mempunyai kemahiran, kepakaran, sudah tentulah mereka tidak akan diberhentikan biasanya. Umpamanya kita ambil contoh, bagi isu pemberhentian pekerja MAS, kita tahu kerajaan telah menubuhkan CDC atau *Corporate Development Centre*, dengan izin, melalui Khazanah Nasional Berhad bagi membantu pekerja-pekerja MAS yang tidak ditawarkan kerja oleh Malaysian Airlines Berhad. Fungsi dan tanggungjawab CDC ini adalah untuk membantu mendapatkan pekerjaan baru, melatih semula, *re-skilling* dan *up-skilling*, maknanya menambahkan kemahiran dan kepakaran kepada pekerja-pekerja.

Kita Tuan Yang di-Pertua, kita ada PSMB. PSMB ialah sebuah agensi di bawah kementerian yang mempunyai *fund* dalam usaha kita membantu bagaimana kita boleh meningkatkan kemahiran dan kepakaran pekerja-pekerja ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, secara *detailnya* Tuan Yang di-Pertua boleh kita beri jawapan kepada Yang Berhormat Kuala Langat ini bagi kita menentukan supaya pekerja yang mahir ini, yang berkepakaran ini tidak diberhentikan dan saya yakin ini memang diambil oleh pihak majikan sendiri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kalabakan. Lama tak dengar.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Lama tidak dengar kerana di kawasan saya kemarau, jadi rakyat tidak ada air. Itulah saya tunggu di sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Menteri. Di Sabah, gaji minimum ialah RM800 tetapi

majikan tidak bayar RM800. Kalau mahu kerja, terpaksa sebab didesak mahu bekerja, RM500 sahaja dia bagi. Satu, apakah tindakan kementerian?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, di Sabah apabila sudah gaji minimum RM800 majikan tidak boleh bayar, mereka *employ* pekerja asing. Jadi kalau *employ* pekerja asing dengan akta yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, majikan mahu kena sebat. Jadi, apa macam pandangan kementerian?

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak payah katakan kita dalam dilema. Bagi pekerja, mereka hendak gaji. Baik. Bagi saya, walaupun beberapa pihak menuntut supaya gaji minimum ini diberikan RM1,200 sama dengan *public sector*, ada yang menuntut RM1,500, bagi saya kalau lebih daripada itu, apa salahnya, kerana untuk kebaikan pekerja. Akan tetapi apakah majikan kita mampu?

Ini pun sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kalabakan, di Semenanjung, gaji minimum sekarang ialah RM900 manakala di Sabah, Sarawak dan Labuan gaji minimum ialah RM800. Bermula 1 Julai ini, gaji minimum di Semenanjung ialah RM1,000 dan gaji minimum di Sabah, Sarawak dan Labuan ialah RM920. Kalau hari ini pun RM800 di Sabah ada majikan yang tidak boleh membayarnya dan kalau ikut Akta Gaji Minimum ini, tindakan boleh diambil dan mereka wajib membayar gaji minimum ini. Jadi ini, saya tidak sebutkan dilema tetapi inilah hakikat yang berlaku. Bagi pekerja, memang kita menyokong sebab kebajikan pekerja. Dalam keadaan ekonomi sekarang, kita perlu sokong kenaikan gaji minimum ini tetapi apakah majikan kita mampu untuk membayarnya?

■1120

Apakah kita rela melihat majikan bayar gaji minimum RM1,000, RM2,000 sebagainya tiba-tiba hari esok, "*gulung tikar*" semua pekerjanya akan diberhentikan. Sebab itulah saya bersetuju, saya ambil makluman ini, Tuan Yang di-Pertua sebagai satu pandangan yang positif. Penentuan gaji minimum ini bukan sahaja diletak oleh kementerian tapi kita ada Jawatankuasa Teknikal Khas yang terdiri daripada ILO, *World Bank* dan lain-lain perwakilan dari badan-badan swasta dan sebagainya yang membincangkan dan kita rumuskan sehingga hari ini untuk tahun ini bermula Julai gaji minimum bagi Semenanjung ialah RM1,000 dan gaji minimum di Sabah, Sarawak dan Labuan ialah RM920 dan ini wajib dilaksanakan. Terima kasih.

**9. Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa pendekatan yang digunakan dalam memastikan kestabilan dan keharmonian di peringkat sekolah terus diperkukuhkan supaya krisis atau sentimen perkauman tidak berlaku.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggubal Kurikulum Standard Sekolah Rendah bagi Pendidikan Moral semakan semula dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah ataupun KSSM pendidikan moral dengan menerapkan tiga kontrak perpaduan iaitu pertama menerima, kedua

menghormati dan ketiga mengurus kepelbagaian agama, bangsa, budaya dan bahasa di Malaysia.

Langkah ini boleh mewujudkan kestabilan dan keharmonian di peringkat sekolah bagi mencegah berlakunya krisis atau sentimen perkauman di sekolah. Tindakan ini sejajar dengan langkah meningkatkan intervensi bagi memupuk perpaduan yang dicadangkan dalam gelombang kedua 2016 - 2020, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sik, satu lagi aktiviti utama bagi meningkatkan perpaduan adalah menerapkan Program Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan ataupun dikenali sebagai RIMUP semasa aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah. Pelaksanaan RIMUP telah diberi nafas baru dan dimantapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Rancangan integrasi murid ini memberi fokus kepada aspek kepelbagaian dan semangat cinta negara melalui elemen sukan dan permainan, kesenian dan kebudayaan, jati diri dan patriotisme, akademik dan khidmat masyarakat.

Seterusnya bagi memastikan perpaduan integrasi nasional dapat ditingkatkan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan makmal bagi menyediakan pelan hala tuju perpaduan dengan melibatkan pelbagai kumpulan pendidikan, persatuan dan organisasi bukan kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Terima kasih, Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan jalan terbaik untuk memupuk integrasi kaum. Melihat apa yang berlaku di Sekolah Kebangsaan (Cina) Pai Chee, Mersing pada Januari 2016, baru-baru ini. Kita lihat sedikit sebanyak perpaduan di sekolah sangat perlu dititikberatkan. Kes tersebut telah ditangani dengan begitu baik oleh Menteri. Akan tetapi, kita masih bimbang perkara-perkara begitu berlaku sekiranya usaha tidak diteruskan untuk memastikan perpaduan terus utuh.

Soalan saya ialah apakah kementerian bercadang untuk membuat kajian sikap kepada guru-guru dan sejauh manakah elemen perpaduan telah dapat dipupuk dan kejayaan sistem pengasingan mengikut aliran persekolahan seperti yang sedia ada dapat membantu mengurangkan sentimen dan memperkasakan agenda perpaduan kaum secara holistik. Contohnya seperti RIMUP yang Menteri sebutkan tadi dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Sik. Memang benar seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sik sebentar tadi. Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Padang Terap telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk memantapkan lagi program RIMUP ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat seperti mana yang saya telah maklum dalam jawapan saya Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan makmal bagi menyediakan pelan hala tuju perpaduan ini. Kita telah mengadakan dua mesyuarat fasa pertama yang telah diadakan pada bulan Oktober 2015 dan fasa yang kedua baru kita selesai 7 hingga 10 Mac 2016.

Buat masa sekarang kementerian dalam proses untuk menyiapkan kerangka dan setelah kita telah menyiapkan kerangka ini akan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi dan Yang



Berhormat Menteri dan sekiranya berjalan dengan lancar saya pasti dalam pertengahan tahun ini kita dapat satu hala tuju yang lebih teratur, lebih mantap supaya dapat mengukuhkan lagi program RIMUP dan juga perpaduan di kalangan anak-anak kita di sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tiga aspek utama telah kita muatkan atau ditanamkan dalam perancangan ini. Satu daripada segi polisi bagaimana polisi ini dapat membantu sekolah dan juga komuniti melibatkan diri dalam program perpaduan. Kita juga menitikberatkan untuk memastikan sokongan yang mantap diberi kepada pengetua dan juga guru besar dan juga penyediaan *tool kit* yang sewajarnya untuk mereka melaksanakan program-program perpaduan. Buat masa ini kita adakan indeks perpaduan daripada aspek kementerian. Kita juga akan adakan indeks perpaduan di sekolah untuk menyediakan ini.

Pada masa yang sama kita juga memantapkan untuk pelajar-pelajar di IPGM bagaimana mereka dapat juga memantapkan lagi perpaduan dalam sistem pendidikan mereka di sana. Ini antara cara-caranya bagaimana kita hendak memperkasakan lagi program-program perpaduan di kalangan anak-anak kita. Saya ambil maklum juga cadangan yang diberi, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sejauh mana PIBG adalah bermain peranan untuk membantu sekolah mewujudkan persekitaran harmoni dan perpaduan antara pelajar dari pelbagai agama dan untuk mengeratkan kemesraan dan kasih sayang sesama pelajar. Minta penjelasan, terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan:** Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Bintang. PIBG merupakan di antara nadi penggerak utama perpaduan. Kita di Kementerian Pendidikan Malaysia memang menyarankan penglibatan ibu bapa dalam mesyuarat-mesyuarat dan aktiviti-aktiviti PIBG dimantapkan. Malah Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletakkan enam program dalam saranan ibu bapa bagi mana pihak ibu bapa dapat bekerja sama dengan Kementerian Pendidikan melalui sekolah-sekolah, contoh kehadiran mereka dalam mesyuarat PIBG, kehadiran mereka dalam majlis kecemerlangan, kehadiran mereka dalam sukan, kehadiran mereka dalam hari pendaftaran semua ini sangat penting dan kita telah menetapkan hampir 65% KPI untuk mereka hadir.

Saya harap mereka melibatkan diri dalam program-program supaya mereka dapat juga memaklumkan kepada ahli-ahli yang lain yang tidak hadir mesyuarat PIBG antara perancangan dan inilah aliran yang harus digunakan oleh ibu bapa untuk memaklumkan masalah-masalah dan juga cadangan-cadangan bagaimana mereka dapat membantu pengurusan sekolah untuk memantapkan perpaduan di sekolah. Terima kasih, Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**10. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apa sebarang perubahan boleh dilakukan dalam perjanjian TPPA sekiranya mendatangkan lebih banyak keburukan dari kebaikan bagi rakyat Malaysia.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang dipertua seperti yang tersedia maklum satu sidang khas Parlimen telah diadakan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 26 hingga 28 Januari 2016 dan telah diputuskan bahawa Malaysia akan menganggotai TPPA kerana faedah serta kebaikan yang akan dinikmati oleh Malaysia melebihi keburukannya. Telah diterangkan bahawa TPPA menyediakan peluang memasuki secara keutamaan pasaran 800 juta orang penduduk dan KDNK USD27.5 trilion.

Malaysia akan menikmati akses pasaran keutamaan khususnya ke-empat pasaran FTA yang baharu iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru kerana kebanyakan duti import akan dimansuhkan sebaik sahaja TPP berkuat kuasa. Begitu juga dengan usahawan tempatan yang akan dapat mengembangkan perniagaan dan perkhidmatan mereka dan menyertai rantaian bekalan global melalui pembekalan kepada syarikat-syarikat besar di Malaysia atau pun syarikat-syarikat di negara TPP.

■1130

Sebagai contoh dengan TPP, duti import bagi hampir 73 peratus dari eksport barangan tekstil ke Amerika Syarikat akan dimansuhkan dengan serta-merta dengan kuat kuasanya TPP. Selain itu, TPP juga akan memansuhkan duti import bagi produk-produk utama eksport Malaysia seperti elektrik dan elektronik (E&E), barang getah, minyak sawit, alat ganti automotif serta produk kayu-kayan ke pasaran TPP khususnya Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru. Malah daripada segi pelaburan pula, Malaysia dijangka kekal sebagai destinasi pelaburan dan hak pembuatan yang menarik di rantau ini.

Pada 2015, mencatatkan sejumlah RM186.7 bilion pelaburan dalam sektor pembuatan dengan jumlah pelaburan asing yang sebanyak RM36.1 bilion. Pelaburan asing ini tertumpu kepada industri pembuatan produk elektrik dan elektronik, produk logam asas, produk galian bukan logam, kimia dan produk kimia. Ia seterusnya akan dijangka mewujudkan 180,240 peluang pekerjaan baru. Tadi kita dengar jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia tentang mereka yang diberhentikan tetapi kita juga perlu mengetahui peluang-peluang pekerjaan baru sentiasa diadakan oleh kerajaan.

Bagi pengguna pula, mereka akan menikmati pilihan produk dan perkhidmatan yang lebih luas, berkualiti tinggi serta pada harga yang lebih kompetitif. Dalam menimbang obligasi penyertaan Malaysia dalam TPP, kerajaan sedar akan cabaran yang perlu ditangani di samping manfaat yang sedang menunggu kita. Sehubungan itu, dalam setiap dasar atau keputusan yang kita ambil, ada baik dan buruknya.

Begitu juga dengan liberalisasi pasaran. Walau bagaimanapun, selepas perjanjian TPP ini berkuat kuasa iaitu dijangka pada tahun 2018, sekiranya ia didapati mendatangkan lebih banyak keburukan pada negara Malaysia, kita boleh membawa perkara ini ke perhatian negara TPPA yang lain melalui Suruhanjaya TPPA yang akan diwujudkan selepas TPPA ini berkuat

kuasa bagi membincangkan jalan penyelesaian atau membantu Malaysia mengatasi kesulitan jika ada yang dihadapi akibat TPP.

Di samping itu, perjanjian ini mempunyai klausa ulang kaji atau *review* yang boleh digunakan untuk menangani masalah yang dihadapi oleh Malaysia akibat TPPA. *Review* ini akan dijalankan dalam tiga tahun selepas perjanjian berkuat kuasa dan sekurang-kurangnya setiap lima tahun berikutnya. Akhirnya, jika kalau Malaysia merasakan ia tidak memadai, Malaysia mempunyai pilihan untuk menarik diri dari TPP dengan pemberian notis enam bulan seperti mana yang diperuntukkan dalam artikel 30.6 perjanjian TPP. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ampang.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan itu memang sudah saya jangkakan kerana kita sudah bahas ya, walaupun kami di sini tidak bersetuju dengan menandatangani TPPA namun kita telah menandatangani tetapi belum diratifikasikan. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri mengenai isu ISDS yang mana ia lebih melindungi pelabur-pelabur dan bukan rakyat dalam segi kebajikan rakyat dan hak kemanusiaan seperti apa yang terjadi pada bauksit di Kuantan dan Indera Mahkota dan Lynas, di mana pelabur-pelabur asing ini ada hak untuk menyaman negara kita kerana kalau kita hendak menghentikan perjanjian perniagaan bauksit dan Lynas ini.

Seperti apa yang hari ini, memorandum yang hendak dihantar oleh *red to green*. Jadi harapkan sekiranya ada ruang Suruhanjaya TPPA atau enam bulan tarik diri, perkara ini harus dibincangkan kerana kita lihat di bawah ISDS ini ia mementingkan pelabur dan tidak isu-isu kemanusiaan dan kebajikan rakyat. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita hanya lihat pelabur asing yang datang ke Malaysia tetapi pada ketika yang sama, kita perlu memikirkan syarikat-syarikat kita yang berada dalam negara TPP. Sebagai contoh, UEM Sunrise Berhad dalam bidang pembangunan hartanah di Australia, sebuah negara TPP. Petronas dalam bidang gas dan petroleum di Kanada dan satu lagi, ISDS ini menjaga pelabur-pelabur kita sebagai contoh di dalam negara TPP, saya sebutkan syarikat-syarikat kita yang berada dalam negara TPP. UEM, Berjaya, Maybank, Malaysia Airlines, Petronas, AirAsia, YTL, Sime Darby, Sapura Kencana, Genting, Khazanah Nasional, Ingress Auto Ventur, CIMB Group, Malaysia Airport, Bina Puri, Axiata. Itu antara syarikat-syarikat besar yang perlu kita jaga, yang telah pun mereka melabur di negara TPP.

PKS Malaysia juga ada dalam TPP- Julies, Mamee, Hup Seng, Aik Cheong, NPTM, Old Town White Cofee, Lingham's Hot Sauce, Mary Browns, Ramly Food Industries misalnya. Mereka sudah berada dalam negara TPP. Kadang-kadang kita hanya melihat dari satu sudut tetapi sudut yang lebih penting ialah syarikat kita juga berada di negara sana dan kita boleh dilindungi dengan ISDS.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

### **USUL**

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.35 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan di peringkat dasar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10, hari Selasa, 29 Mac 2016.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2015) 2016**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua**

**11.36 pg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bersama satu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada wang yang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2015 ini dibentangkan menurut perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan ataupun kurang diperuntukkan dalam Bajet 2015 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Pertambahan Pertama 2015 yang dibentangkan adalah berjumlah RM5,601.1 juta iaitu sebanyak RM2280.5 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan yang kedua RM3,313.6 juta adalah untuk pembiayaan perbelanjaan bekalan. Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal rang undang-undang yang dibentangkan adalah sebanyak RM3,313.6 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut.

Sebanyak RM132.3 juta, tambahan secara langsung untuk menampung lebih perbelanjaan Kementerian Luar Negeri. Sebanyak RM2,901.2 juta adalah untuk pindah-pindahan lebih daripada akuan hasil disatukan 2015 ke kumpulan wang pembangunan. Pindahan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan termasuk B.12 peruntukan kepada kumpulan wang terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 dan bukan satu perbelanjaan baru tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2015 yang berjumlah RM40,767.7 juta bakinya dibiayai melalui pinjaman. Sebanyak RM1,090.1 juta adalah bagi merekod semula jumlah yang telah didahulukan pada kumpulan wang luar jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan luar jangka tahun 2015 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4, Tahun 2016.

■1140

Tuan Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat dalam Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebanyak RM507.5 juta;
- (ii) Peruntukan kepada kumpulan wang terkanun sebanyak RM240 juta;
- (iii) Kementerian Luar Negeri sebanyak RM132.3 juta;
- (iv) Kementerian Pendidikan sebanyak RM125 juta;
- (v) Kementerian Pengangkutan sebanyak RM58.2 juta;
- (vi) Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM50.4 juta; dan
- (vii) Parlimen sebanyak RM41 juta.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2015 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2, Tahun 2016 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 2A, Tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2015. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2015 yang dipohon merupakan pendahuluan yang telah dikeluarkan daripada Simpanan Luar Jangka iaitu sebanyak RM391 juta. Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan yang diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

- (i) sebanyak RM130 juta untuk Maksud P.22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (ii) sebanyak RM120 juta untuk Maksud P.32 Kementerian Wilayah Persekutuan;
- (iii) sebanyak RM80 juta untuk Maksud P.63 Kementerian Pelajaran;
- (iv) sebanyak RM25 juta untuk Maksud P.24 Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri;
- (v) sebanyak RM20 juta untuk Maksud P.64 Kementerian Pendidikan Tinggi;
- (vi) sebanyak RM15 juta untuk Maksud P.7 Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
- (vii) sebanyak RM1 juta untuk Maksud P.25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Selain daripada itu, anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda ataupun token sebanyak RM460 bagi 19 buah kementerian. Peruntukan tanda ini adalah bagi mewujudkan butiran baru untuk membolehkan pindaan peruntukan dilakukan antara butiran. Penerangan dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2015 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3, Tahun 2016 dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A, Tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya maklumkan di sini bahawa anggaran perbelanjaan tambahan yang dipohon ini yang berjumlah RM5,601.1 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM391 juta untuk perbelanjaan pembangunan adalah sebahagian daripada jumlah perbelanjaan sebenar untuk tahun 2015 dan ia tidak menjejaskan defisit fiskal yang telah ditetapkan pada paras 3.2% pada 2015.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2015 – Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 2015 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya menyokong.

USUL**ANGGARAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN PERTAMA 2015**

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [*Akta 406*], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga ratus sembilan puluh satu juta empat ratus enam puluh ringgit (RM391,000,460) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2015 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2015 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3, Tahun 2016 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2015, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* ini diedarkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan daripada Kementerian Luar Negeri yang dijadualkan di nombor 3, diturunkan ke nombor 21 menggantikan giliran Kementerian Pendidikan dalam susunan ringkasan Jadual Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan Peringkat Dasar sehingga jam 5 petang dan Yang Berhormat Menteri boleh menggulung jam 5 petang. Oleh itu, kita menghadkan masa setiap Ahli Yang Berhormat selama 15 minit.

Ya, Yang Berhormat Bagan.

**11.47 pg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih kepada rang undang-undang yang dibawakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Di sini saya rasa secara am menyebut tentang beberapa perkara berkaitan dengan apa yang disebut oleh Bank Negara iaitu berkaitan dengan pengganti kerana menjadi tumpuan bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi tumpuan seluruh dunia. Saya amat tertarik dengan kenyataan yang dibawa oleh Gabenor Bank Negara yang akan

bersara Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti yang menyatakan bahawa beliau hendak menyelesaikan masalah 1MDB sebelum beliau bersara.

Di sini adakah pihak kerajaan akan memberikan kerjasama yang penuh supaya beliau boleh menyelesaikan masalah 1MDB supaya apabila pengganti – ini mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan sedikit maklumat siapakah penggantinya. Ada yang mengatakan mungkin bekas Timbalan Menteri Kewangan, mungkin kawan baik kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu Datuk Dr. Awang Adek ataupun orang dalaman dalam Bank Negara.

Akan tetapi apakah formula yang boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah 1MDB kerana tanpa kerjasama daripada pihak Kerajaan Persekutuan, skandal ataupun masalah 1MDB tidak boleh diselesaikan dan kita hanya tinggal dua bulan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu adalah penting bahawa kita ada satu komitmen dalam peringkat yang paling tinggi sekali. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bantu tetapi saya rasa perlu satu komitmen yang lebih tinggi lagi supaya skandal 1MDB boleh diselesaikan dalam masa dua bulan ini kalau tidak saya rasa sukar untuk pengganti dan beliau pun akan dihantui oleh masalah 1MDB.

Pada masa yang sama tentang isu kenyataan yang dikeluarkan oleh peguam negara *Switzerland* masih belum mendapat satu jawapan yang menyeluruh, apakah respons atau mengapakah tidak ada sebarang respons terhadap siasatan yang dijalankan oleh peguam negara *Switzerland* tentang isu-isu berkaitan yang melibatkan jumlah sehingga USD4 bilion? Ini bukan RM4 bilion Tuan Yang di-Pertua, ini ialah USD4 bilion, oleh itu ia adalah sangat penting supaya kita boleh dapat satu penyelesaian dan formula yang menyeluruh.

#### ■1150

Kalau tidak seperti yang disebut oleh beberapa pihak, perkara ini akan terus berlarutan dan berpanjangan. Tidak akan ada satu *crucial* perlu ada satu *crucial* supaya ekonomi boleh diselamatkan. Sekiranya tidak, ekonomi akan terus jatuh menjunam. Di sini Tuan Yang di-Pertua, macam mana pun kita lihat kenyataan oleh bekas oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir, saya bukan peminat besar bekas Perdana Menteri, mantan Perdana Menteri. Seperti yang sedia maklum oleh semua, saya pernah dipenjarakan atau ditahan sebanyak dua kali di bawah beliau.

Tetapi, macam mana pun kalau kita lihat daripada aspek nasional, daripada segi strategi ekonomi. Tidak boleh dinafikan apa yang dinyatakan ini memang benar. Iaitu kalau kita boleh ringkaskan tiga ulasan apa yang disebut oleh Tun Dr. Mahathir semasa beliau menjadi Perdana Menteri. Tidak pernah lihat nilai mata wang ringgit turun sampai tahap RM4.20 atau RM4.30 berbanding dengan US1. Semasa beliau menjadi Perdana Menteri, tidak pernah juga GST dilaksanakan sehingga menjahanamkan kehidupan harian dan juga standard ekonomi rakyat Malaysia. Bukan sahaja peniaga-peniaga sekarang susah untuk terus berniaga kerana *volume* perniagaan jatuh menjunam. Tetapi, untuk mereka yang makan gaji, sama-sama susah, tidak cukup wang belanja.

Saya baru balik dari negeri Sabah dan dapat reaksi yang sama. Kerana untuk orang miskin, sebelum ini tidak pernah bayar cukai. Tidak kira mereka dekat kawasan pedalaman Sabah ataupun rumah panjang dekat Sarawak. Tidak pernah bayar cukai, sekarang kena bayar



6% dan ini merupakan satu beban yang amat besar. Oleh itu, ini tidak dilaksanakan oleh beliau dan tentu yang ketiga yang disebut oleh mantan Perdana Menteri semasa beliau menjadi Perdana Menteri tidak pernah ada RM2.6 bilion masuk dalam akaun bank peribadi dia dan ini saya rasa isu-isu yang besar.

Oleh yang demikian, ini semua berpunca daripada skandal 1MDB, skandal yang melibatkan RM42 bilion. Melibatkan wang haram. Oleh itu, kami harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya rasa seorang *chartered* akauntan yang berwibawa dan juga berpengalaman, bolehlah jadi isu ini penting supaya Gabenor Bank Negara yang baru bila masuk boleh memimpin ekonomi, setia dengan ekonomi, memandu ekonomi supaya dia dapat pulihkan keyakinan di kalangan pelabur-pelabur. Khususnya pengurus-pengurus dana kewangan, *fund managers*.

Kalau kita lihat, apa yang dinyatakan oleh bukan sahaja pelabur-pelabur luar negara tetapi yang disebut oleh Pengerusi CIMB, ia harus diberi perhatian kerana impak amat besar dan sehingga sekarang selagi negara terus dibelenggu oleh skandal 1MDB, sukar sekali untuk kita dapat pulihkan keyakinan di kalangan pelabur-pelabur dan saya rasa ia akan menjadi satu impak yang amat besar kepada rakyat Malaysia.

Satu lagi isu adalah berkaitan dengan kementerian perumahan, di mana saya telah difahamkan oleh ahli Exco saya, bahawa dalam pertelingkahan yang berlaku dalam sesi Dewan Rakyat. Saya hendak ambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah pun menyatakan bahawa perkataan “bohong” yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri, adalah *unparliamentary* dan beliau harus menarik balik perkataan “biadab” itu dan sepatutnya beliau juga telah menyebabkan saya dikeluarkan dari Dewan dan ini bukanlah satu tingkah laku oleh seorang Menteri yang mulia, *not a honorable Parliamentarian* dan saya harap bahawa beliau boleh akur kepada arahan yang dikeluarkan oleh Speaker untuk menarik balik perkataan “bohong”, apabila beliau masuk ke dalam Dewan yang mulia ini.

Sejak 2008 bila saya pulang ke Parlimen, saya tidak pernah dikeluarkan dari Dewan. Selalu akur kepada arahan yang dikeluarkan oleh Speaker, sungguhpun kurang bersetuju. Tetapi dalam kes ini ia memang adalah berpunca dari Yang Berhormat Menteri yang tidak sepatutnya menggunakan jawatannya sebagai seorang Menteri untuk menekan saya dan hendak menghalalkan apa yang haram iaitu sesuatu yang biadab yang salah beliau telah sahkan sebagai yang betul dan saya harap beliau kalau seorang Ahli Parlimen, seorang Menteri yang mulia harus menarik perkataan bohong kerana ini memang tidak *unparliamentary*.

Sekiranya beliau berbuat demikian, saya rasa sekurang-kurangnya dapat menebus kesalahan yang dibuat dan tidak akan terus mencemarkan imejnya. Imejnya tidak penting, tetapi imej sebagai seorang Menteri itu yang penting. Saya hendak tanya di sini, kerana saya dimaklumkan oleh ahli Exco perumahan saya, Yang Berhormat Jarjit Singh iaitu tentang harga rumah kos rendah. Beliau selalu sebut-sebut bahawa beliau bersetuju bahawa harga maksimum rumah mampu milik sebanyak RM400,000 tidak ditetapkan oleh pihak kerajaan Persekutuan. Sungguhpun kita telah tunjukkan bukti dalam Bajet 2012, Bajet 2013, Bajet 2014 di mana Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengumumkan bahawa harganya maksima RM400,000 dan dalam *website* PR1MA juga disebutkan bahawa harga maksima RM400,000.

Janganlah, jadikan putih jadi hitam, hitam jadi putih. Ini semua tertera dalam ucapan bajet dan juga *website*. Tetapi beliau terus menyatakan tidak pernah. Di sini saya tidak mahu cakap bohong kerana saya tahu itu *unparliamentary*. Saya sebut beliau terus bercakap tidak benar, dengan menyatakan bahawa, ia tidak ditetapkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan sebaliknya boleh diputuskan oleh pihak kerajaan negeri dan saya memang tidak faham. Ini kerana kita telah amalkan harga maksimum rumah mampu milik sejak Bajet 2012 lagi iaitu maksimum RM400,000. Akan tetapi tidak semestinya bermakna semua RM400,000 tidak, tetapi sebahagian kecil, tetapi hakikatnya ialah harga maksimum rumah mampu milik RM400,000 dan ini ditetapkan oleh Kerajaan Pusat, kerajaan negeri ikut dan beliau sebut bahawa boleh diputuskan dan tunjukkan minit bahawa Yang Berhormat Exco saya pun pulang untuk bersetuju dan juga akan kembali kepada pihak kerajaan negeri untuk menetapkannya.

Bila saya tanya Yang Berhormat Exco, beliau cakap dia tidak pernah setuju. Sebaliknya beliau menentang cadangan yang dibuat iaitu untuk menaikkan harga rumah kos rendah dan rumah-rumah kos sederhana rendah iaitu LC dan MC. LC RM42,500 dinaikkan kepada RM65,000 kalau saya tak silap, saya sudah lupa. Tetapi ada cadangan untuk naikkan pada RM42,000 kepada RM65,000 dan LMC daripada RM72,500 dinaikkan kepada RM100,000 dan ini ditentang oleh Yang Berhormat Jarjit bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan bukan sahaja negeri Pulau Pinang tidak setuju, negeri-negeri lain pun tidak setuju, dan saya harap janganlah cuba putar belitkan apa yang sebenarnya berlaku atau cuba alihkan daripada isu yang sebenarnya.

Sini saya hendak dapat jaminan, adakah rancangan ini akan diteruskan kerana seperti mana pendirian pihak kerajaan negeri, kita tidak setuju bahawa harga rumah kos rendah dinaikkan daripada RM42,000. Kami daripada kerajaan negeri Pulau Pinang juga tidak setuju rumah kos sederhana rendah dinaikkan daripada RM72,500 kepada RM100,000. Kita harap dapat jaminan dan saya rasa semua rakyat Malaysia pun serupa, dapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri Perumahan, bahawa beliau tidak akan teruskan rancangan untuk naikkan harga-harga tersebut. Saya harap beliau juga boleh kembali untuk menjawab isu-isu seperti ini kerana janganlah kita main-main.

#### ■1200

Ini bukanlah satu perkara yang dipertandingkan. Seperti yang kita sebut bahawa kita harap apa yang beliau menyebut ini, dalam ucapan di mana saya dikeluarkan dalam Dewan, saya harap beliau boleh ulangi dekat luar kerana sekurang-kurangnya kita boleh jawabkan kerana ada banyak tohmahan-tohmahan yang diberikan. Saya hendak rujuk kepada jawapan itu di mana beliau menyatakan bahawa tanah Taman Manggis di Pulau Pinang yang menjadi isu kontroversi yang dipertandingkan oleh pihak Barisan Nasional. Putar belitkan apa yang saya sebut bahawa Taman Manggis ini sebenarnya dikhususkan untuk PPR, sungguhpun dalam pelan yang

kita ada, pelan yang telah *disubmit* dan dibentangkan oleh Jabatan Perumahan Negara 2001, *layout plan* tak sebut langsung.

Tanah Taman Manggis disebutkan hanya untuk pembangunan masa depan. Ini tidak boleh lari punya. Ini bukan pelan daripada kerajaan negeri, ini *layout* pelan dari Jabatan Perumahan Negara yang diterima oleh kerajaan negeri pada masa itu, pun Barisan Nasional, *future development* iaitu pembangunan masa depan. Tidak ada langsung sebut untuk PPR, tidak ada sebut langsung untuk LC dan sebagainya. Beliau menyatakan bahawa memang tanah ini telah diwartakan untuk PPR ataupun untuk rumah kos rendah. Tak ada langsung. Saya balik, saya semak, saya tanya, mereka cakap tidak ada langsung diwartakan untuk LC iaitu rumah kos rendah ataupun PPR tidak ada.

So, mungkin dia ada maklumat yang saya tak ada, saya harap beliau boleh tunjukkan. Janganlah cakap kosong...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah boleh gulung Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya sekejap lagi. Janganlah cakap kosong.

Saya rasa mungkin beliau tidak tahu seperti mana Yang Berhormat Jarjit telah membuat satu kenyataan dan satu laporan polis telah pun dibuat semalam, tentang satu *criminal defamation*, satu fitnah jahat daripada pihak pemimpin-pemimpin politik Barisan Nasional bahawa saya telah jual tanah untuk orang miskin, untuk bina LC ataupun PPR rumah kos rendah ataupun PPR untuk komersial. Saya rasa itu satu fitnah dan saya harap Ketua Polis Negara boleh ambil tindakan, dan boleh buat siasatan tentang laporan polis yang dibuat oleh Yang Berhormat.

Ini kerana ini tidak benar bahawa kita jual tanah orang miskin untuk tujuan komersial. Sebenarnya beliau telah cabar Barisan Nasional untuk nafikan pada tahun 2005, adakah benar bahawa Kerajaan Barisan Nasionallah yang tukarkan syarat tanah itu daripada tujuan asal kepada komersial. Itulah sebabnya sehingga kini, kita tidak ada maklumat langsung termasuk dakwaan Yang Berhormat Menteri bahawa tanah ini diwartakan untuk buat rumah orang miskin, tak ada maklumat langsung. Kerana adakah ini benar bahawa tahun 2005, kerajaan negeri sendiri yang telah tukarkan kepada komersial. Akan tetapi bila Kerajaan BN yang tukarkan, salah pula ditanggung oleh pihak kerajaan baru.

Saya rasa ini memang tidak adil, so di sini saya harap bahawa periksalah fakta dengan baik-baik. Janganlah hentam semberono, buat fitnah-fitnah jahat supaya hendak buat serangan peribadi hendak mengaibkan saya. Tadi ada beberapa tuduhan yang saya rasa bukanlah sesuatu yang elok. Kalau hendak serang pun, serang pun berdasarkan fakta, serang dengan serangan peribadi ini, saya rasa itu sudah terlanjur dan melampaui batas. Saya akan ikut arahan Speaker bahawa untuk gulung dan seperti yang kita selalu sebut, kita selalu akur kerana kita mahu mesyuarat ini berjalan mengikut peraturan mesyuarat yang ditetapkan. Sebagai seorang Ahli Parlimen yang selalu hormati peraturan mesyuarat, sungguh pun mungkin kita tidak

bersetuju tetapi kita harap yang Menteri ini jagalah baik-baik. Janganlah bertingkah laku, terlanjur dan juga terlampau. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sungai Siput.

#### 12.05 tgh.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu tanya Menteri Kewangan, ini satu jumlah tambahan yang telah pun dibelanjakan pada tahun 2015 dan sekarang kita diminta untuk beri sokongan kepada bayaran itu. Ini juga ditajukkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2015. Adakah kemungkinan ada lagi satu anggaran perbelanjaan tambahan kedua selepas ini ataupun ini yang *last* sekali tambahan untuk tahun lalu. Isu kedua saya hendak tanya ialah jumlah yang diminta untuk dana tambahan ini untuk perbelanjaan mengurus RM3.3 bilion yang diminta.

Daripada itu, RM2.1 bilion adalah di bawah B.12, ini peruntukan untuk pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Ini merupakan 60% lebih daripada jumlah yang dipohon. So, apa ini yang dipakai untuk apa, adakah sebahagian ini dipakai untuk *constituency fund*, *you know* untuk perbelanjaan di kawasan-kawasan. Saya mahu tahu kerana ini satu bahagian yang besar daripada apa yang diminta dan apakah tujuan ini dipakai 2.1 bilion itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

#### 12.06 tgh.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang berikan ruang kepada saya untuk turut terlibat dalam perbincangan perbekalan tambahan. Saya hendak minta penjelasan daripada rakan saya Yang Berhormat Menteri untuk kefahaman saya, macam mana Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab dalam penyediaan bajet ini termasuk perbekalan tambahan ini menilai sesuatu peruntukan kepada setiap kementerian ataupun agensi itu. Adakah dengan mengambil kira pengurusan kewangan yang cekap, efisien yang berlaku di dalam setiap kementerian itu?

Sebab kita sering kali, setiap tahun Tuan Yang di-Pertua dilaporkan oleh Audit Negara yang menunjukkan berlakunya ketidakcekapan dalam pengurusan kewangan di peringkat kementerian-kementerian ini. Walaupun saya faham bahawa kalau itu diambil sebagai satu syarat untuk Kementerian Kewangan, mungkin ada kementerian-kementerian tertentu yang berlaku ketirisan dan sebagainya tidak akan mendapat peruntukan yang besar. Akan tetapi, persoalan saya ialah, bagaimana Kementerian Kewangan ini menyelia untuk memastikan cadangan-cadangan nasihat ataupun pandangan yang diberikan oleh audit itu dapat diimplementasikan oleh kementerian-kementerian termasuk Kementerian Kewangan sendiri.

Sebab audit juga melaporkan kementerian-kementerian kewangan. Jadi ini untuk memastikan supaya setiap nanti pengurusan kewangan perbelanjaan itu dapat dkecilkan atau

dapat dielak dan dapat dikecilkan, ketirisan dan kebocoran tersebut. Ini kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan ini maknanya kalau kita lihat audit cukup-cukup tinggi. Hari ini kita telah pun didedahkan sebelum ini bagaimana Kementerian Belia dan Sukan kehilangan RM100 juta. Saya rasa bahawa mungkin apakah RM100 juta itu satu yang dapat dikesan ataupun masih banyak lagi ketirisan yang berlaku yang tidak dapat dikesan oleh pihak SPRM termasuk juga oleh pihak-pihak audit.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sekejap-sekejap bagi saya habiskan. Sebab saya sendiri pun mempersoalkan juga audit Tuan Yang di-Pertua. Sebab kepada KBS macam mana dia boleh bagi 4 Bintang untuk tahun 2014, 4 Bintang sebab dia ada bintang macam raja lawak, ada rating macam raja lawak dia ada empat. Dia bagi 4 Bintang tetapi saya hairan macam mana sedangkan sudah ada Laporan Audit, Laporan Audit untuk tahun 2012-2013 yang menunjukkan pengurusan kewangan berlakunya ketirisan di dalam KBS.

■1210

Jadi saya dok fikir, macam mana boleh bagi 4 Bintang? Adakah tidak dilihat laporan tahun 2011, 2012, 2013 itu sebagai pengukuran untuk hendak dianugerahkan 4 Bintang kepada KBS dalam tahun 2014? Jadi, apa berlaku di mana audit tidak mendapat dokumen-dokumen yang mencukupi yang cuba dielak oleh kementerian-kementerian daripada menyerahkan dokumen-dokumen tertentu untuk mereka mendapatkan kepastian untuk memastikan supaya tidak berlaku penyelewengan ataupun ketirisan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, seterusnya Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Pokok Sena, sedarkah Yang Berhormat Pokok Sena bahawa dalam satu-satu jabatan, apatah lagi kementerian sebesar Kementerian Belia dan Sukan ini, ada prosedur-prosedur *Treasury Instruction* yang cukup jelas. Sekian banyak wang hendak dikeluarkan, siapa *authority officer* dia. Sekian banyak wang hendak dikeluarkan, tentu ada dua atau lebih *authority officemya*. Tidak mungkin.

Yang Berhormat Pokok Sena bersetuju dengan saya, tidak mungkin duit ini terlepas, tidak mungkin. Kalaulah betul-betul pegawai yang dipertanggungjawabkan itu melihat betapa ke perinciannya. Maknanya kalau di kementerian, sudah tentulah KSU ataupun TKSU dan juga akauntannya akan bukan sahaja *approval* tetapi juga *sign check*. Akan tetapi untuk melepas RM100 juta dan Yang Berhormat Menteri tidak tahu serta ini sesuatu yang amat ganjil dan mustahil berlaku. Apakah pendapat Yang Berhormat Pokok Sena tentang hal ini?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ini sudah jadi satu trend. Semua orang bila ditanya kata tak tahu. "Tak thu". Bahasa Baling kata, "tak thu", ya "tak thu". Semua kata, tak tahu, terkejut, terkejut. Perdana Menteri pun beritahu bahawa RM42 juta itu saya pun tak tahu, tak sedar kata masuk dalam akaun saya, tak sedar. Dia tak sedar kata ada duit dalam akaun dia RM40 juta... [Disampuk]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Bagan pun tidak tahu apa-apa. Yang Berhormat Bagan pun "*tak thu*"...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Menteri Belia dan Sukan pun macam itu juga, dia pun tak tahu, tak tahu kata RM100 juta... [*Disampuk*] Perdana Menteri pun, Perdana Menteri pun boleh terkejut..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Dia pun tak tahu nama dia, dia tak tahu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Perdana Menteri boleh terkejut, hilang RM100 juta di KBS.

**Seorang Ahli:** Depa pun "*tak tahu*".

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi bagi saya, tidak sewajarnya tanpa pengetahuan kerana bagi saya bahawa persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini ialah apa prosedur yang Kementerian Kewangan juga menyelia tentang pembayaran-pembayaran secara tunai.

Pembayaran secara tunai yang diamalkan di banyak kementerian dan agensi-agensi ini. Ini yang berkemungkinan kepada saya yang menyebabkan berlakunya ketirisan-ketirisan yang sukar untuk hendak dikesan kerana ia dibuat secara tunai. Ini kerana juga saya lihat bahawa kadang-kadang dalam pemberian-pemberian tender umpamanya, dalam pemberian-pemberian tender, saya juga hendak mempersoalkan dalam isu KBS ini.

KBS- Kementerian Belia dan Sukan. Sudah ada orang buat *joke*, depa kata, mudah sebut "*kebas*". [*Ketawa*] KBS mudah sebut "*kebas*", dia kata "*kebas*". Depa kata, "*kebaslah*" atau sapuluh. Bukan kebas tak rasa apa ini, kebas sapu. Itu *joke* oranglah.

Saya hendak mempersoalkan umpamanya dalam kes Festival Belia Putrajaya 2014. Festival Belia Putrajaya 2014, Menteri telah mengumumkan pada 2013 lagi dia kata, tahun 2014, nanti akan dibuat festival itu dengan tender secara terbuka, tender secara terbuka. Ini ekoran daripada beberapa nasihat daripada kononnya daripada Audit yang menunjukkan bila Audit buat, ada pada saya ini, yang ini yang tak di bentang kepada Dewan. Yang tak dibentang kepada Dewan, kepada *public* iaitu Laporan Audit Pengurusan Hari Belia 2011 – 2013 ini memang berlaku, tersangat buruklah. Memang berlaku tersangat buruk tetapi tidak dibentang. Ini yang saya dituntut untuk dibentangkan kepada Parlimen tetapi diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan dengan nasihat dan cadangan.

Jadi Menteri mengaku bahawa untuk 2014, kita akan buat secara yang lebih baik, secara tender yang terbuka dengan belanja yang lebih kecil. Belanja yang lebih kecil daripada perbelanjaan-perbelanjaan sebelum itu. Akan tetapi apa yang kita dapat lihat bahawa apa yang berlaku ialah perbelanjaannya bukan kecil, perbelanjaannya makin besar. Makin besar walaupun peruntukan asal itu hanyalah untuk RM10 juta tetapi perbelanjaan sebenarnya RM30 juta. Perbelanjaan sebenarnya RM30 juta, dan yang menghairankan saya ialah, apabila saya difahamkan bahawa iklan tender untuk 2014 punya festival ini, festival itu berlaku pada pertengahan bulan Mei. Akan tetapi iklan tender dikeluarkan pada 17 April. Tutup tender, 1 Mei.

Akan tetapi syarikat yang memperoleh tender ini iaitu sebuah syarikat yang dikenali sebagai Freeform. Syarikat ini dari bulan Februari sudah pun berada di kementerian. Sudah pun berada di kementerian.

Ini yang saya hairan macam mana iklan tender buka April, tutup tender 1 Mei, syarikat yang dapat tender ini sudah berlegar di kementerian itu pada bulan Februari lagi, pada bulan Februari. Malah pada bulan Mac, kementerian sendiri yang mencadangkan supaya diberikan pejabat sementara kepada Freeform di kementerian, ditempatkan berdekatan dengan Pejabat Menteri di Aras 17, Menara KBS. Tender belum iklan, Freeform sudah dapat, dapat pejabat sementara...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Huh, dahsyat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini saya. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Efisien, efisien.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, ya, efisien. So, sebab itu saya mempersoalkan, walaupun dalam kes perbelanjaan tambahan ini hanya token RM10, tetapi dengan RM10-RM10 pun depa kebas nanti. *[Ketawa]* Jadi, sebab itu saya cukup terkejut bila saya dengar, saya mengamati laporan yang ada kepada saya ini, cukup menghairankanlah. Bermaknanya, macam mana boleh berlaku sedemikian rupa dengan tiba-tiba tender yang berlaku pada bulan April, tiba-tiba bulan Mac, Freeform sudah berlegar. Bulan Februari sudah mula berlegar, bulan Mac, di penghujung bulan tiga sudah boleh buka pejabat sementara di- dia diam. Ha, saya tak tahu. Ini mungkin Yang Berhormat Menteri pun tak tahu walaupun di aras yang sama dengannya aras menara pangkat Menteri di Menara KBS.

**Seorang Ahli:** "Tak tahu", dia "tak tahu".

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** "Tak tahu", "tak tahu", mu "tak tahu". *[Ketawa]* Jadi, saya minta penjelasanlah daripada pihak kementerian, macam mana pihak kementerian monitor perkara-perkara yang sebegini sebab pihak kementerian hendak bertanggungjawab untuk hendak memperuntukkan perbelanjaan bajet tahunan dan juga perbekalan tambahan dan sebagainya kepada kementerian-kementerian ini. Jadi kalau tidak dibuat pemantauan, tidak dibuat penyeliaan yang lengkap, saya bimbang bahawa akan berlaku. Oleh sebab itu berlaku secara yang lebih buruk sebab, sekejap. Sebab itu saya membangkitkan pada minggu baru-baru ini dalam penggulungan Yang Berhormat Menteri Belia, saya kata macam mana seorang Ketua Setiausaha boleh dipindahkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, boleh dipindahkan dengan dinaikkan taraf daripada JUSA ini kepada, apakah Yang Berhormat Sungai Petani hak yang lebih tinggi?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** TURUS.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** TURUS 3, kepada TURUS 3, sedangkan berlaku unsur-unsur ketidakcekan, ketirisan itu pada zaman dia. Jadi saya bagi peluang juga Yang Berhormat Bayan Baru sikit, ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Saya hendak tanya sikit Yang Berhormat Pokok Sena, sekarang Yang Berhormat Menteri kata dia akan *take full responsibility*. Apakah maksud *full responsibility* itu? adakah dia pada pendapat Yang Berhormat Pokok Sena, dia akan *resign* atau dia akan *stay on* dan ingin jadi Perdana Menteri pula. Apakah pendapat Yang Berhormat Pokok Sena? Apakah Yang Berhormat Pokok Sena akan buat kalau Yang Berhormat Pokok Sena jadi Menteri?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. *[Ketawa]* *[Disampuk]* Itu satu pertanyaan yang sukar untuk saya hendak jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Nak saya jawab kepimpinan Yang Berhormat Pokok Sena itu... *[Disampuk]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya, *sat, sat*, bagi saya, terpulanglah kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengambil tanggungjawab sebagai seorang muda. Seorang muda yang harus memperlihatkan integriti yang sangat tinggi, kredibiliti dan integriti yang tinggi yang harus ditampilkan kerana ini merupakan pemimpin masa depan. Selalunya orang melihat anak muda ini ialah harapan masa depan, harapan Malaysia, harapan masa depan negara kita yang tercinta.

■1220

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi sebab itu bagi saya bahawa sewajarnya dia tahu apa yang sepatutnya dia buat, sama ada dia nak terus *stay* ataupun apa. Akan tetapi saya hendak sebut di sini bahawa mohon kepada satu penyiasatan yang menyeluruh bukan hanya kepada RM100 juta yang telah mengalami kehilangan tersebut tetapi lebih daripada itu sebab laporan yang ada di tangan saya ini tidak cukup 15 minit untuk saya nak sebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, memang tidak cukup Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Akan tetapi saya fikir bahawa adalah sesuatu yang sangat meragukan saya dan ini menunjukkan bahawa ada usaha-usaha untuk cuba menutupi unsur-unsur penyelewengan ini kerana ada mungkin dokumen-dokumen tertentu yang tidak diserahkan kepada audit yang menyebabkan audit tidak dapat membuat satu audit secara yang lebih telus sehingga tidak dapat nak kesan ketirisan yang lebih besar yang berlaku. Saya hendak sebut satu lagi akhir Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa dah habis Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya pun agak hairan bagaimana Freeform ini dia boleh lantik satu subkontrak ialah dari Australia sedangkan di dalam pekeliling



kerajaan jelas mengatakan bahawa tidak boleh lantik sub yang lain, yang luar daripada negara kita kalau benda itu boleh dapat dalam, kepakaran, kemahiran itu boleh diperolehi di dalam negara kita. Sedangkan saya katakan bahawa untuk nak buat penyediaan pada festival hari belia itu, kepakaran-kepakaran itu telah sedia ada.

Jadi dilantik dan syarikat daripada Australia ini pun datang lebih awal sebelum Freeform ini diaward, sebelum dia diaward, dia sudah datang, syarikat dari Australia ini sudah pun datang, namanya Parachute International dari Australia. Dia sudah sampai ke Malaysia, sudah pun memulakan kerja-kerjanya. Jadi saya pun fikir bagaimana benda ini boleh berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya terkejut kerana Perdana Menteri terkejut. Jadi saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

#### 12.22 tgh.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan 2015 (2016).

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh perkara-perkara berkenaan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, Pelajaran, Pendidikan dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Negara kita ini maju, sekarang ini maju hasil daripada pemikiran dan usaha-usaha gigih sejak merdeka lagi. Dari tahun 1950-an, peruntukan yang banyak telah diturunkan kepada pendidikan yang menyebabkan negara kita hari ini kadar literasinya sangat tinggi.

Kita lihat kalau kita buat perbandingan dengan negara-negara lain, contohnya di Vietnam, di Kemboja mahupun di Indonesia, kita jauh lebih baik kerana hari ini di mana-mana, selang sebatu, dua kita nampak ada sekolah. Sama banyak dengan masjid kadang-kadang. Kita lihat ada sekolah dan di jauh ceruk pedalaman pun kita lihat ada sekolah. Ini menunjukkan kerajaan telah memberikan perhatian yang cukup serius dan mengotakan janjinya supaya pendidikan diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan ini satu perkara yang sangat penting untuk mencapai negara maju kerana ukuran kemajuan negara itu bergantung pada pendidikan rakyat di situ. Jadi kita boleh bayang, kalau seorang daripada sebuah kampung telah dapat pelajaran tinggi, mungkin keluarganya akan berubah, kampungnya akan berubah, daerahnya akan berubah. Kalau ramai orang yang berpendidikan tinggi, negeri akan berubah malah negara akan berubah menjadi negara yang maju disebabkan pendidikan yang tinggi itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pendidikan yang tinggi ini, manusia lebih baik mengendalikan dirinya. Pendidikan yang tinggi akan mengurangkan jenayah, pendidikan yang tinggi akan mengurangkan *pollution* dengan izin, pendidikan yang tinggi ini akan memberikan keharmonian yang lebih kerana tidak ada orang yang akan buat benda yang tidak elok kerana ada ilmu dan macam kes yang saya katakan tadi, pendidikan akan tinggi akan mendatangkan rakyat yang lebih sihat.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu peruntukan untuk memantapkan pendidikan, pelajaran haruslah diteruskan, mestilah diteruskan dan bagus ditambah supaya kita dapat memantapkan lagi kerana kita bukanlah yang terbaik tetapi apa yang saya maksudkan di sini ialah kita jauh daripada orang yang lain. Jadi, peruntukan ini penting untuk menggalakkan lagi pendidikan yang lebih baik.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu ada bezanya antara sekolah-sekolah ataupun universiti-universiti. Sekolah-sekolah di kampung, di luar bandar berbanding dengan sekolah-sekolah di kota raya. Umpamanya mungkin zaman sekarang, kota raya di mana ramai orang yang berpelajaran lebih tinggi dan berpendapatan yang lebih tinggi. Tentu beza, ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 ataupun ibu bapa yang berpendapatan di sebuah sekolah melebihi RM50,000. Jadi, kerajaan patut fikirkan bagaimana sekolah-sekolah yang mempunyai keluarga yang jauh lebih miskin, jauh juga pendapatan yang kurang untuk diberi bantuan.

Manakala sekolah-sekolah ataupun universiti-universiti penyelidikan, universiti-universiti yang dianggap kaya-raya, ada dana, mereka boleh menjana kewangan sendiri, mereka boleh mencari jalan untuk menambah dana untuk membuat program dan juga pembaikan fizikal umpamanya di sekolah masing-masing. Jadi ini sebab apa kita lihat barulah penambahan dana ini akan membantu sekolah-sekolah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat sekolah-sekolah di luar bandar, di Parlimen saya Parlimen luar bandar, Parlimen Bagan Serai. Ada sekolah yang umurnya lebih 50 tahun, lebih tua dari sesetengah ibu bapa. Sekolah-sekolah yang terlampau lama ini, kita pergi tengok pun seramlah sebab ada sekolah yang dimakan anai-anai, ada yang *wiringnya* dah teruk, ada banyak yang tidak cukup infranya. Jadi kita lihat ada sekolah-sekolah yang tidak ada dewan yang baik, yang tidak ada padang yang baik, yang tidak ada kerusi meja yang baik. Saya bercakap tentang sekolah-sekolah yang wujud, yang dah lama di seluruh Malaysia.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, boleh...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Yang Berhormat Bagan Serai, belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Rasah bangun Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Tenom dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terpandang Yang Berhormat Tenom dulu kan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terdengar.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Dia terdengar bukan terpandang Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat Bagan Serai berkenaan dengan sekolah luar bandar yang memang saya kira saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bagan Serai kalau sekolah-sekolah di luar bandar ini terlalu daif. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Bagan Serai, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak berjuta-juta ringgit untuk melaksanakan menaik taraf sekolah-sekolah terutama di luar bandar.

Sedarkah Yang Berhormat Bagan Serai, terdapat juga masalah apabila kerajaan memberi peruntukan dan memberi kontraktor untuk melaksana sekolah-sekolah, menaik taraf pelbagai, menaik taraf bilik darjah, menaik taraf bangunan sekolah, bangunan asrama. Ada di antara kontraktor-kontraktor yang telah diamanahkan untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut walaupun mereka telah melaksanakan kerja tersebut dengan begitu sempurna tetapi sehingga hari ini ada juga di antara kontraktor-kontraktor ini belum lagi mendapat bayaran. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Bagan Serai. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Sekurang-kurangnya beliau seorang Ahli Parlimen yang menyuarakan suara rakyat di mana sebenarnya saya rasa keseluruhan negara kita, kebanyakan sekolah khususnya sekolah-sekolah kita di luar bandar ini memang fasiliti mereka ataupun bangunan-bangunan mereka telah pun uzur. Saya rasa memang adalah satu kewajipan bagi pihak kerajaan untuk memastikan segala infrastruktur di dalam sekolah-sekolah tidak kiralah di bandar ataupun di luar bandar patut dijaga dengan baik. Saya menyokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tambah sikit Yang Berhormat Bagan Serai, Tuan Yang di-Pertua.

■1230

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Kita kalau meneliti tambahan peruntukan ini adalah hampir RM125 juta, antara yang paling tinggi kenaikan berbanding dengan kementerian-kementerian lain dan ia digunakan untuk menampung kekurangan peruntukan penyelenggaraan sekolah-sekolah bantuan kerajaan, bermaksud duit ini sudah dipakai. Permintaan ataupun penjelasan yang saya perlu diberikan oleh kementerian adalah mengapa berlakunya pertambahan ini. Mengapa tidak boleh ditampung dengan dana yang telah disediakan. Adakah ini disebabkan oleh kelambatan untuk menyelesaikan ataupun kontraktor-kontraktor yang telah diberi, tidak menjalankan tanggungjawab mereka secara sempurna. Penjelasan Yang Berhormat, terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih semua yang mencelah. Itu sebab Tuan Yang di-Pertua, saya nyatakan tadi saya, kebimbangan saya ialah bila saya pergi ke kawasan-kawasan sekolah itu, saya lihat bangunannya kalau bangunan ini runtuh macam mana? Kalau jadi apa-apa macam mana? Jadi kita tidak boleh tunggu sampai sesuatu jadi, baru kita

hendak buat. Nanti bila dah masuk surat khabar, semua orang hendak meluru pergi tengok sedangkan jelas nampak. Kita boleh bagi tumpuan dan kerajaan memohon peruntukan yang lebih adalah bagus. Tanda kementerian ini fokus kepada perkara-perkara yang saya sebut tadi.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai boleh sebentar...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Contohnya sekolah-sekolah di tempat yang saya jelas nampak, saya sudah pergi dua tiga kali Sekolah Kebangsaan Datuk Mas'ud, Sekolah Kebangsaan Parit Haji Aman dan juga Sekolah Menengah Mudzaffar Shah. Kita hendak lahirkan jaguh-jaguh sukan, padang pun tidak ada.

Kita hendak buat program-program dekat sekolah kebanyakan sekolah-sekolah kebangsaan di Parlimen Bagan Serai tidak ada Dewan. Bila saya pergi baru minta buat dewan, RM300,000. Minta buat ini, minta buat ini semua sekolah minta buat dewan, *check* bukan di bidang saya, bidang kawalan saya. Jadi maksud saya kalau hari hujan hendak buat latihan jasmani di mana dan program-program yang berkaitan dengan sekolah, PIBG hendak buat di mana. Jadi yang ini menjadi keresahan rakyat sebenarnya di semua Parlimen saya rasa, sebab di seluruh Malaysia. Jadi kementerian sepatutnya beri tumpuan kepada perkara ini..

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat Bagan Serai...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kita jangan tunggu bangunan yang 50 tahun runtuh, baru kita hendak ambil tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Setiawangsa.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Bagan Serai, terima kasih. Kadang-kadang saya tidak rasa Kementerian Pendidikan contohnya memberi pengkhususan tentang sekolah sukan ini. Kadang-kadang nama sekolah sukan ini seolah-olah besar. Contohnya di kawasan Parlimen saya ada satu Sekolah Sukan Titiwangsa. Padang teruk, segala-galanya tiada, sehingga datang ke saya memohon peruntukan untuk membetulkan padang, peralatan dan sebagainya. Akan tetapi nama sahaja sekolah sukan. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hidup BN!

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Saya hendak bawa, setujukah Yang Berhormat Bagan Serai ini, Sekolah Jenis Kebangsaan Tong Wah, Bagan Serai di mana saya dilahirkan di Bagan Serai dan sekolah inilah saya belajar dahulu, 6 tahun. Sekolah ini perlu diberikan perhatian di mana bilik-bilik pun sudah beranai-anai dan tidak ada dewan dan tidak ada padang permainan. Bolehkah Yang Berhormat supaya bawa perkara ini kepada kementerian.

*[Beberapa Ahli Yang Berhormat berdiri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai yang bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sudah cukuplah itu. Kita hendak pencelahan yang berkualiti sahaja. Yang Berhormat Kapar duduk, cukup [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, jelas nampak apa yang dicelahkan oleh pembangkang dan juga Ahli Parlimen daripada sebelah sini bersetuju dengan apa yang saya cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Timbalan Speaker tidak mencelah lagi, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Timbalan Speaker tidak mencelah lagi isu sekolah ini... [*Dewan riuh*]

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang baru-baru ini tentang penempatan Tingkatan 6. Penempatan Tingkatan 6 di Parlimen Bagan Serai bertapak di Sekolah Menengah Alang Iskandar. Saya pergi melihat, pelajaran baguslah tetapi persediaannya ada. Kalau kita hendak buat, kita kena buat betul-betul. Jadi kita tengok, saya pergi tengok bangunan lama, infra kerusi bangku tidak cukup, siling bocor, *wiring* lama membahayakan dan banyak lagi perkara-perkara yang disuarakan oleh pihak PPD. Pihak PPD pening, cikgu-cikgu pun pening kepala. Bagaimana hendak selesaikan benda ini. Pelajar-pelajar...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Bagan Serai...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pelajar-pelajar ditempatkan daripada Tingkatan 6 ditempatkan di sebuah tempat. Bagaimana dengan mereka yang duduk jauh daripada Bandar Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagaimana dengan keadaan mereka yang tinggal jauh, bagaimana *transport*, bagaimana hendak datang dan sebagainya. Ini semua masalah yang boleh menentukan pencapaian Tingkatan 6 itu sendiri.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Penjelasan sedikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ringkaskan...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ingat saya hendak tanya fasal untuk hendak tanya statistik sekolah dua sesi, hendak tukar kepada satu sesi. Akan tetapi Yang Berhormat Bagan Serai beritahu sekolah lama hendak runtuh. Boleh tidak Yang Berhormat Bagan Serai, setuju tidak dengan saya kalau kita minta statistik seluruh negara. Beberapa buah sekolah yang hendak runtuh ini, yang makan anai-anai, yang tidak ada padang semua ini untuk kita lihat apa yang sepatutnya kerajaan buat, boleh tidak?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Saya sudah nyatakan tadi secara umumnya kebanyakan sekolah. Saya tidak kata Parlimen Bagan Serai sahaja, kebanyakan sekolah. Kita tunggulah jawapan daripada Yang Berhormat Menteri nanti. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Bagan Serai sedikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak pindah sudah...

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya seronok tengok Yang Berhormat Bagan Serai cerita fasal penyelenggaraan sekolah-sekolah kita, tidak kiralah di luar bandar ataupun di pedalaman. Cuma kadang-kadang kita lihat peruntukan diberi oleh kerajaan tetapi mungkin Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pelaksanaan saya perhatikan, kadang-kadangnya peruntukan ada tetapi tidak diberi kepada pihak yang paling akhir daripada segi pengurusan kita.

Maksudnya kalau duit ini diturunkan kepada PPD dan PPD mengambil kira pandangan daripada sekolah, apa yang diperlukan sebenarnya oleh sekolah. Sebab saya melihat dalam kawasan saya sendiri di Parlimen Jerantut, ada peruntukan dikeluarkan tetapi macam istilah yang digunakan oleh rakan-rakan kita di sekolah, dia kata peruntukan dari langit.

Katalah sekolah itu diberikan RM200,000 tetapi kontraktor datang hendak tukar ini, hendak tukar ini, hendak tukar ini. Dia tukar kerja yang paling mudah, buat atap, buat cat sedangkan keperluan penyelenggaraan yang sebenar mungkin berada di tandas ataupun di pintunya rosak dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai kalau sekiranya peruntukan itu turun mesti diturunkan di PPD dan PPD mengambil kira keperluan sebenar di sekolah bukan keperluan yang diadakan oleh pihak kontraktor yang berjaya mendapatkan peruntukan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, bagi pandangan dan kemudian gulung, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hendak gulung Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis sudah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya ada lagi dua kementerian tidak cakap ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bagi dengan kawan lain.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, ya terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat Jerantut tentang kerja-kerja, contohnya ataupun peruntukan yang turun, kita patut melihatlah apa yang patut dilakukan dan buat cara yang betul supaya bila sudah buat, sudah nampak, sudah bayar semua dan nampak elok. Kalau tidak nanti sudah bayar, sudah ambil semua tengok-tengok barang tidak jadi juga dan sistem yang ada tidak dapat dijalankan juga. Jadi ini tidak bagus.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh sedikitlah tentang Kementerian Pendidikan Tinggi ini saya hendak nyatakan adakah kita cukup bilangan profesor untuk masuk ke negara maju ini.

Profesor-profesor yang sudah lama umpamanya, yang dalam kontrak ini adakah mereka akan disambung kerana kita perlu ada satu dikatakan kerjasama universiti awam dengan pihak sekolah dan juga meningkatkan pembangunan tenaga sumber manusia.

Maksud saya di sini kementerian-kementerian patut bekerjasama dengan universiti awam supaya dapat semua fokus kepada pembangunan dan penyelidikan dan dengan itu banyak perkara yang dibuat contohnya ikut negara maju dapat dilaksanakan. Daripada segi contohnya penyelidikan tentang makanan negara, kajian robotik dalam industri pertanian dan alam sekitar dan juga untuk meningkatkan aktiviti akademik pensyarah untuk meningkatkan kepakaran demi kebaikan negara.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua saya sedikit tentang Kementerian Luar Bandar ini iaitu di bawah MARA dan juga satu kolej yang dinamakan *Royal College Medicine of Perak*. Ini di bawah MARA, UniKL. Sebab apa kolej ini telah berusia lebih kurang 15 tahun lebih dan sehingga sekarang tidak ada *teaching hospital*. Saya hendak menyatakan ini sebab apa dengan adanya, dengan wujudnya hospital pengajaran ini akan meningkatkan kualiti graduan, akan meningkatkan lagi kualiti dan juga *skill* pensyarah-pensyarah di sana dan peri pentingnya juga ini adalah untuk meningkatkan ramai bilangan doktor-doktor pakar yang akan dilahirkan nanti.

Jadi kita mintalah supaya kerajaan memberi perhatian yang serius kerana permintaan ini telah lama juga disuarakan tetapi kita dapat kuota tidak meningkat dan juga keputusan yang jitu belum dibuat. Saya lihat sebab kita ini hendak pergi ke negara maju kita perlukan lagi lebih banyak doktor pakar tetapi doktor pakar hari ini tidak cukup dan kita tidak cukup hospital. Oleh sebab itu bila doktor-doktor yang kelulusan dari dalam atau luar negeri hari ini terpaksa menunggu begitu lama sebelum mereka dapat memulakan kerja.

Masalahnya, tunggu begitu lama sebab kadang-kadang ini memerlukan *skill work*. Dia kerja, kalau kita tidak menumpukan pada pesakit, pada kerja-kerja dan sebagainya seorang doktor, lama-lama dia kan hilang dia punya kepakaran itu. Jadi itu yang saya minta sangat.

#### ■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tebrau.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, itu keadilan dari sudut pandangan Yang di-Pertua. Ya, Yang Berhormat Tebrau.

#### 12.40 tgh.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bincang beberapa isu yang saya tidak sempat bangkitkan semasa saya berbahas Usul Menjunjung Kasih Titah Tuanku.

Perkara yang pertama yang saya hendak bangkitkan ialah berkenaan dengan bil utiliti sekolah. Saya terima aduan daripada ahli-ahli PIBG bahawa setakat ini masih ada sekolah yang

belum terima bantuan utiliti. Ada yang sudah selama lima, enam bulan belum ada terima bantuan utiliti. Jadi pihak sekolah tertekan dengan pihak TNB. Oleh sebab bil belum dijelaskan, saya difahamkan ada sekolah yang hendak minta tingkatkan bekalan *electricity* kepada *three phase* tetapi tidak dibenarkan oleh kerana ada hutang bil TNB yang belum dibayar. Jadi ini mendatangkan masalah dan juga tekanan kepada pihak pentadbir sekolah. Saya berharap bahawa Kementerian Pendidikan boleh mengatasi masalah tersebut dengan kadar yang paling segera.

Perkara yang kedua ialah berkenaan Perlembagaan PIBG. Tuan Yang di-Pertua, Perkara 27(a) dalam Perlembagaan PIBG yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan menyatakan anggota yang dicalonkan untuk memegang jawatan dalam Jawatankuasa PIBG hendaklah hadir dalam mesyuarat. Ini bermakna kalau ada seseorang yang tidak dapat hadir dalam mesyuarat agung, beliau tidak berhak dicalonkan. Ini mungkin menyusahkan individu-individu yang tertentu yang sanggup dan boleh memberikan sumbangan kepada PIBG dan mungkin selama ini dia sudah berikan sumbangan yang besar tapi oleh kerana mungkin pada hari mesyuarat agung itu beliau ada urusan lain ataupun uzur dan sebagainya yang tidak dapat hadir, beliau tidak layak untuk dicalonkan. Hal ini mendatangkan kerugian kepada PIBG yang berkenaan.

Saya bercadang bahawa pihak kementerian menambah satu klausa yang membenarkan individu yang layak dan sanggup dicalonkan dan dipilih sebagai ahli jawatankuasa PIBG dengan syarat beliau menandatangani surat penerimaan pencalonan terlebih dahulu. Pada saya, sebenarnya banyak NGO pun ada syarat ini. Kalau orang yang berkenaan ini mungkin tidak dapat hadir tapi dia sudah tandatangan surat penerimaan pencalonan lebih awal, ini diterima.

Perkara yang ketiga saya hendak tanya ialah berkenaan dengan sekolah kluster. Saya ingin tahu setakat ini ada berapa buah sekolah pelbagai aliran yang telah dianugerahkan sekolah kluster dan saya juga ingin tahu adakah sekolah-sekolah yang digelar sekolah kluster itu akan menikmati gelaran tersebut selama-lamanya ataupun ada tempoh tertentu sahaja? Juga, adakah kedudukan sekolah kluster itu diaudit dari semasa ke semasa untuk menjamin dan memastikan kualiti sekolah kluster tersebut?

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Pendidikan Tinggi, saya ingin tanya berkenaan dengan fakulti perubatan dan program-program perubatan. Saya ingin tahu, ada berapa buah universiti awam dan swasta yang menawarkan program-program kajian perubatan dan bilangan penuntut yang sedang mengikuti program-program perubatan di universiti-universiti awam dan swasta. Adakah kita ada kawalan pengambilan penuntut program perubatan dan memastikan mereka dapat menjalani *housemanship* sebaik sahaja tamat dan lulus pengajian masing-masing?

Ini kerana saya terima maklumat bahawa kini ada ramai yang sudah habis dan sudah lulus, tunggu lebih setengah tahun, tidak dapat *housemanship*. Ada yang lebih panjang lagi. Jadi ini akan datangkan masalah dan tidak adil kepada mereka. Kalau kita tidak ada kemudahan untuk *housemanship*, pada saya, saya rasa kita harus *control* bilangan pelajar yang ambil program perubatan.



Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan hal berkenaan dengan bantuan kematian KWSP. Saya difahamkan bahawa pencarum-pencarum KWSP, sekiranya meninggal dunia, layak diberi bantuan kematian sebanyak RM2,500. Malangnya, baru-baru ini, saya baru sedar bahawa pemberian bantuan kematian itu hanya dihadkan kepada pencarum-pencarum yang meninggal dunia sebelum usia 55 tahun sahaja. Jadi, oleh sebab ini mungkin peraturan lama di mana kita semua bersara pada usia 55 tahun tapi apabila sekarang...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat, hendak minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat Tebrau juga bersetuju bahawa untuk menuntut wang tersebut, RM2,500, perlu adanya surat kuasa dalam tempoh enam bulan? Selalunya keluarga si mati tidak sempat mendapat surat kuasa. Kalau tidak ada penamaan pun, mereka perlu ambil surat kuasa melebihi enam bulan yang dihadkan oleh KWSP. Setujukah tidak kalau tempoh ini dilanjutkan daripada enam bulan dari tarikh pemfailan? Sebab, kadang-kadang memang tidak cukup untuk memohon wang kematian tersebut.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Saya memang bersetuju bahawa tempoh itu dilanjutkan untuk memberikan masa kepada pewaris untuk membuat tuntutan. Tapi saya rasa bahawa mungkin ini satu *oversight* oleh pihak kerajaan, oleh sebab sekarang umur persaraan sudah dinaikkan kepada 60 tahun dan ke atas, jadi sesiapa yang sekiranya meninggal dunia selepas usia berusia 55 tahun, mereka tidak layak, tidak boleh dapat. Pada saya, ini tidak adil kerana mereka juga sedang mencarum kepada KWSP dan sepatutnya diberikan kemudahan yang sama.

Jadi saya hendak tanya pihak kementerian, berapa orangkah yang meninggal dunia sebelum persaraan dan layak menerima bantuan kematian tersebut daripada tahun 2013 hingga 2015? Pada saya, saya percaya tidak ramai kerana tahap kesihatan orang sekarang memang okey. Soalan kedua, berapa orang pencarum yang meninggal dunia selepas umur 55 tahun dan tidak layak menerima bantuan kematian RM2,500 itu? Oleh sebab saya rasa bahawa bantuan itu bukan besar sangat dan tidak merupakan beban kepada kerajaan, jadi saya bercadang bahawa kerajaan meminda syarat pemberian bantuan kematian supaya semua pencarum KWSP yang aktif layak menuntut bantuan kematian sekiranya mereka meninggal dunia.

Tuan Yang di-Pertua, satu aduan yang saya baru terima dalam minggu lepas ialah ada orang yang beritahu saya bahawa kad Touch 'n Go itu, sekiranya tidak dipakai selama lebih setahun, dia akan menjadi *expired*, luput tempoh. Bukan itu sahaja, kalau pemegang kad itu hendak menuntut balik baki wang di dalam kad itu, ada denda, setiap enam bulan RM5. Jadi saya tidak tahu adakah ini benar. Pada saya, saya rasa ini tidak munasabah dan saya minta bahawa kementerian berikan penjelasan berkenaan dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sekian saja isu-isu yang saya hendak bangkitkan. Jadi, Tebrau mohon menyokong Rang-rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2015. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu.

**12.49 tgh.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut ingin membahaskan perkara ini dalam kita sedar kita membahaskan bajet ini dalam keadaan negara kita cukup resah.

**■1250**

Dalam ingatan saya, tidak pernah satu sesi sidang Parlimen di luar bajet ini kita tidak ada bajet tambahan. Ini seolah-olah sudah menjadi satu kelaziman, setiap kali kita bersidang kita ada bajet tambahan. Ini sedikit sebanyak mencerminkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran kewangan kita. Saya setuju sepenuhnya dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai.

Oleh itu saya tidak mahu ulang, tetapi dengan ucapan yang kita dengar pun, kebelakangan ini kita lihat bahawa garis yang memisahkan sebelah sana dan sini pun makin kabur sekian hari. Ini adalah keadaan yang cukup luar biasa dan mungkin ada sesuatu yang positif tetapi luar biasa ini juga dicerminkan di luar semasa kita lihat. Tidak tahulah kita dengar sama ada ini datang dari pembangkang, atau datang dari kerajaan. Masing-masing bagi kita, kita nampak masalah yang sama iaitu hujah-hujah yang sama. Mungkin kita tidak setuju dengan *solution* yang sama.

Saya hendak kembali kepada *supplement* bajet ini dengan satu pertamanya keseluruhan, kita nampaknya seolah-olah *priority* tadi disebut sekolah pendidikan ini kita tidak diutamakan. Akan tetapi kita meluluskan kebanyakan perkara adalah perkara pengurusan. Kenapa kerajaan atau lebih khusus lagi Menteri Kewangan tidak dapat *anticipate* benda-benda seperti kita akan menjadi Ketua ASEAN dan kita pula minta bajet pada tahun itu dan hendak tambah bajet sebab kita menjadi Pengerusi ASEAN. Padahal Pengerusi ASEAN itu ditentukan jauh lebih awal lagi. Ini sedikit sebanyak juga menunjukkan seolah-olah kita tidak *ready* untuk memegang jawatan ini dan tidak ada penyediaan peruntukan yang cukup. Inilah perkara yang menyebabkan kita hilang keyakinan terhadap kepimpinan yang sedia ada.

Saya rasa yang kita kurang ini juga, tidak ada usaha, tidak ada. Saya hendak melobi untuk Jabatan Penerangan. Padahal sekarang yang kita hadapi ialah penerangan kepada rakyat, sama ada dalam negeri atau luar negeri memang tidak ada satu strategi yang konsisten untuk menangani persepsi-persepsi negatif, *unless* kita sebenarnya mengaku persepsi itu bukan persepsi tetapi adalah kebenaran. Satu yang saya ingin dapat penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri, bagaimana kita hendak menangani bertubi-tubi media asing yang melaporkan skandal yang ada.

Kita tidak ada peluang untuk membahas selepas malam ini, saya dapat maklumat bahawa Four Corners dari ABC Australia akan siarkan lagi pendedahan kewangan yang cukup membimbangkan kita dan juga agak *damaging*, dengan izin kepada prestasi kita. Saya harap kita dapat penjelasan bagaimana kalau benar ikut laporan *Four Corners* yang akan disiarkan malam ini di pertengahan 2013, ada tiga akaun telah dibuka atas nama Perdana Menteri sendiri

atau Menteri Kewangan sendiri dan wang yang sekian banyak telah dimasukkan. Ini tidak ada kena mengena dengan RM2.6 bilion yang kita sudah lama bahas.

Satu dakwaan yang cukup *damaging* sekali dengan izin ialah bahawa ABC dapat *confirmation* daripada bekas *Attorney General* bahawa memang ada dakwaan jenayah terhadap Perdana Menteri. Kalau benar itu datang daripada Tan Sri Gani Patail, apakah tindakan kerajaan terhadap berita seperti ini. Kita sudah sedia maklum juga, *Four Corner* adalah satu program media yang cukup berpengaruh di Australia dan ia akan membentuk satu perspektif yang sangat negatif terhadap negara kita.

Pada masa yang sama, kita masih tidak dapat menyelesaikan pelarian ke Australia, Sirul yang masih di Australia. Dan saya dalam perbincangan, hendak tanya apakah peringkat siasatan, bagaimana dia boleh buat pengakuan video dalam tahanan. Sekarang pihak Kerajaan Australia telah mengatakan sebenarnya mereka mengesahkan bahawa video itu bukan dibuat dalam pusat tahanan.

Semua perkara ini termasuk isu yang kita bahaskan tentang sebelum ini adalah isu wang yang telah dibayar kepada Razak Baginda, dibayar melalui syarikat di Hong Kong dan semua perkara ini perlukan penjelasan. Saya ingin dapat tahu apakah cara kerajaan untuk menyelesaikan perkara ini.

Saya tidak mahu pergi ke arah Yang Berhormat Pokok Sena di mana RM100 juta telah dikatakan telah disonglap atau diselewengkan dalam Kementerian Belia dan Sukan. Sekarang ini cukup kritikal kerana sekarang kita nampak tidak ada kredibiliti hendak tuduh sesiapa pun. Saya dari pembangkang, kita akan terloncat-loncat suruh Menteri letak jawatan tetapi susah. Macam mana kita hendak Menteri letak jawatan atas RM100 juta penyelewengan padahal RM2.6 bilion dan banyak lagi dipegang dan disyaki oleh Menteri Kewangan sendiri telah disyaki menyeleweng. Nampaknya kita tidak boleh tidak konsisten, termasuk bagi pihak mereka hendak serang Yang Berhormat Bagan tentang banglo.

Rakyat di bawah, apa isu banglo, tidak ada isu? Akan tetapi yang lebih banyak wang yang diselewengkan oleh sebelah sana. Namun bagi saya kalau kita hendak berlaku adil, kita hendak ambil tindakan terhadap saya, yang atas itu betul. Kalau betul semua di bawah sini *subject to the same rules*. Itulah yang kita hendak. Kita bukan hendak bela pihak kita dan hanya serang kepada sana. Rakyat ingin lihat kita mempunyai ukuran yang sama terhadap semua. Setakat ini kita tidak boleh buat apa-apa, hendak tuduh pembangkang, rakyat di bawah kata *you selective persecution*. Hendak tuduh Menteri, tetapi orang kata Perdana Menteri dan Menteri Kewangan sendiri tidak betul. Bagi saya yang penting sekarang kita hendak bahas semua skandal ini tidak akan menyelesaikan masalah selagi tindakan berani tidak diambil oleh Perdana Menteri sendiri.

Sebelum saya mengakhiri, saya juga rasa adalah *priority* tertentu supaya SUHAKAM dan juga tuntutan yang banyak sehingga sekarang ini tidak diselesaikan. Saya yakin kawan-kawan kita dari Sabah, Sarawak akan berdiri juga untuk bincang tentang jalan raya, pembangunan kampung dan semua ini. Akan tetapi semua tidak ada dalam bajet ini. Seolah-olah kerajaan

memilih kasih apa yang dianggap sebagai penting dibelanjakan tanpa kelulusan Parlimen tetapi ada sesuatu yang rakyat rasa terdesak dan mendesak tetapi tidak diambil berat.

Akhir sekali saya ingin ulangi seruan saya sekali lagi, kita boleh berbahas di sini sampai bak kata pepatah *until cows comes home*, tidak akan ada penyelesaian. Saya ulangi seruan saya ialah bahawa sekurang-kurangnya kalau boleh telah banyak kali dibuktikan, Menteri Kewangan tidak boleh meyakinkan kita bahawa dia sanggup untuk menguruskan ekonomi kita dengan baik sekurang-kurangnya langkah pertama ialah meletakkan jawatan sebagai Menteri Kewangan.

Isu tidak ada pakar yang layak itu, saya rasa itu tidak masuk akal dan tidak boleh diterima. Sebab Menteri Kewangan itu boleh dilantik di kalangan Senator. Carilah pakar ekonomi yang mana-mana yang sesuai, kita boleh sokong. Sekali lagi ini bukan hak kita untuk tentukan, tetapi itu harus diambil langkah yang berani oleh pihak sebelah sana sebab rakyat akan menilai dan menentukan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong, kita mula petang nanti Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri kena jawab pada jam 5.00 petang. Jadi jam 5.00 petang mesti Yang Berhormat Menteri menjawab. Saya juga difahamkan bahawa setiap Ahli diberi 15 minit. Yang Berhormat Lenggong ada 15 minit lagi. Jadi siapa yang akan berucap nanti selepas Yang Berhormat Lenggong, juga 15 minit lagi. Lebih satu saat, saya berhentikan. Sila.

### **2.33 ptg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2015. Saya dengar Yang Berhormat Batu sebut tadi. Dia sebut bahawa amalan Kerajaan Persekutuan yang sentiasa mengadakan bajet tambahan. Betul, kita akui. Sentiasa ada bekalan tambahan dan dia tuduh kita tidak telus dan tidak bijak mengurus kewangan kerana amalan ini dilakukan. Akan tetapi dia lupa, dia juga tidak sedar bahawa kalau kita tengok di negeri Selangor pun, beberapa kali bajet tambahan dibuat. Saya boleh sebut kerana kita ada rekod. Misalnya pada tahun 2009, tambahan dibuat sebanyak RM120 juta dan meningkat sebanyak 8.6%. Ini bajet tambahan.

Kalau tengok tahun 2010, bajet asal sebanyak RM1.3 bilion, tambah lagi, Yang Berhormat Serdang. Tambah juga 14.9% bajet tambahan juga. Saya rasa perbelanjaan juga

digunakan oleh Yang Berhormat Serdang untuk kawasan dia, bajet tambahan. Tambah lagi pada 2011. Tiga kali tambahan dibuat bantuan dalam tahun yang sama. Berapa tambahan? [Disampuk] RM199.9 juta tambahan melibatkan perbelanjaan yang dibuat tidak sama dengan bajet asal, ia juga berlaku pada tahun 2012. Berlaku juga tambahan sebanyak 10.4%, Yang Berhormat Serdang.

Maknanya apa? Maknanya jangan tuding jari pada orang. Tengok diri sendiri. Diri sendiri pun teruk, Yang Berhormat sekalian. Itu mesej yang saya hendak sampaikan. Samalah tadi macam Yang Berhormat Bagan. Tidak payah sangat. Ya, boleh sila.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya tertarik tentang bajet tambahan negeri Selangor ini kerana saya ada mengkaji sedikit tentang bajet tambahan yang saya fikir ia juga akan dijadikan satu lagi bajet tambahan mungkin, memandangkan krisis air di negeri Selangor tahun 2017. Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lenggong. Dalam konteks ini, adakah Yang Berhormat Lenggong setuju bahawa dengan adanya kemungkinan krisis air pada 2017, akan ada lagi bajet-bajet tambahan terutama sekali dalam menguruskan pengurusan air Selangor yang semakin teruk saya lihat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sekejap Yang Berhormat Parit Sulong. Saya hendak *respond* yang sahabat saya sebut tadi. Memang betul. Kalau tengok kepada *track record* nya, saya ingat berlaku lagi. Oleh sebab itu jangan tuding jari kepada orang. Tengok diri sendiri sebab amalan kewangan dibuat Kerajaan Negeri Selangor pun sebenarnya tidaklah terbaik sebagaimana yang diuar-uarkan. Sila, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong, tadi saya mendengar apa yang dibicarakan oleh Yang Berhormat Lenggong. Setuju atau tidak Yang Berhormat Lenggong apabila saya katakan apabila kerajaan membuat satu lagi ataupun membawa anggaran tambahan pengurusan tambahan ini, sesetengahnya adalah untuk menampung perkara-perkara di luar jangka dan bukannya ia digunakan satu pembaziran.

Saya bagi contoh. Kalau misalannya, suatu yang di luar jangka yang kita maksudkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Ada penambahan disebabkan untuk menampung operasi pencarian MH370. Bukankah itu suatu yang baik yang perlu kita bincangkan dalam ini dan kemudian kita luluskan bersama sebab tujuan akhirnya adalah untuk rakyat itu sendiri. Macam mana pendapat Yang Berhormat Lenggong mengenai perkara ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya setuju, Yang Berhormat Parit Sulong. Sebab itu perbelanjaan tambahan ini dibuat bukan dengan sewenang-wenangnya atau kerana berlaku sesuatu yang tidak baik tetapi sebenarnya apa yang dibuat oleh kerajaan ialah untuk menyelesaikan dan mungkin juga ada perbelanjaan-perbelanjaan tambahan kerana

isu-isu tertentu misalnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tempoh hari. Yang ini tidak ada dalam bajet sebelum ini. Inilah sebenarnya yang dibuat.

Oleh sebab itu yang penting saya hendak sebut di sini ialah saya dengar sangat tadi kononnya hebat sangatlah Yang Berhormat Batu sebut tadi tetapi itulah hakikatnya bahawa banyak negeri, sama juga di Pulau Pinang pun, bajet tambahan ini juga menjadi amalan mereka sebenarnya. Saya sebut tadi. Tadi saya dengar Yang Berhormat Bagan. Tadi kebetulan saya ada di luar. Saya hendak nasihatkan Yang Berhormat Bagan mudah sahaja. Ikut bagaimana keberanian Yang Amat Berhormat Pekan. Apabila dia dituduh dengan pelbagai tuduhan, mudah sahaja. Serahkan kepada SPRM, serahkan kepada *Audit Report*, serahkan kepada agensi penguat kuasa untuk buat siasatan. Itu sahaja. Yang hendak salahkan itu hendak salahkan ini buat apa? Serahkan.

Jadi, saya tidak dengar lagi Yang Berhormat Bagan sebut bahawa dia hendak serahkan kepada SPRM. Itu yang sepatutnya dia lakukan. Oleh sebab itu saya hendak cabar Yang Berhormat Bagan, serah sahaja kepada agensi penguat kuasa supaya siasatan dibuat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan salahkan orang lain. Tidak apa, saya hendak bagi Yang Berhormat Sepang sebab Yang Berhormat Sepang ini dia memang pembela kuat. Orang kuat kepada Yang Berhormat Bagan sebab itu dia berhijrah daripada PAS kepada oren.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak bagi atau tidak bagi ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jadi dia betul-betul oren. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat daripada Lenggong. Yang Berhormat Lenggong, dalam kes Yang Berhormat Bagan ini, Yang Berhormat Bagan tidak ada langsung terlibat dari segi pelantikan AG dan sebagainya tetapi dalam kes PM ini, memang dari satu segi kita serahkan kepada SPRM tetapi dari satu segi pula dia boleh tukar AG, dia boleh buat sesuatu yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai daripada saat ini, saya tidak benarkan untuk berhujah mengenai dengan perkara yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibahas. Yang dibahas *supplementary*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia yang masuk dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang dibahas *supplementary*, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekian, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong, jangan kaitkan perkara-perkara yang tidak ada dalam *supplementary*.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang penting, akhirnya saya sebut kita yakinlah dengan agensi penguat kuasa yang ada, hormat mereka dan jika ada masalah, kita serahkan kepada mereka untuk buat keputusan dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita berhadapan dengan perubahan cuaca dan iklim dalam negara yang perubahan iklim ini kita rujuk kepada perubahan dalam iklim dunia yang kita tahu memberi impak besar kepada manusia dan ekosistem sama ada secara langsung atau tidak langsung.

■1440

Kita menghadapi keadaan ini dan ia tentu memberi kesan dalam banyak perkara kerana perubahan cuaca dan iklim ini antaranya disebabkan juga oleh kegiatan yang dilakukan oleh manusia itu sendiri. Salah satu cara manusia menyumbang kepadanya ialah gas rumah hijau adalah dengan membakar bahan api misalnya. Contohnya, penggunaan arang batu, minyak, gas asli untuk menghasilkan elektrik, memberi kuasa kepada kilang, penggunaan automatif dan sebagainya.

Kita dapat lihat bahawa kesan terhadap manusia dia meliputi pelbagai perkara. Antara ialah kita terdedah kepada pelbagai serangan penyakit. Hasil pengeluaran, tanaman, perikanan berkurangan. Kemudian, bekalan air bersih berkurangan. Ini secara tidak langsung memang telah menjejaskan kita dan sebab itu saya juga hendak mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini untuk bertanya kepada kementerian yang berkaitan apakah langkah-langkah komprehensif yang dibuat oleh kerajaan terkini?

Kita tahu banyak sudah dibuat tetapi apakah langkah-langkah yang dibuat kerana kita juga mahu supaya langkah yang dibuat itu bukan hanya untuk menyelesaikan masalah waktu ini tetapi kita menjangkakan juga keadaan yang sama akan berulang pada tahun hadapan dan tahun-tahun yang seterusnya. Jadi, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh kerajaan?

Saya juga ingin bertanya, apabila perkara ini berlaku tentu ia juga melibatkan kesan dari segi implikasi kewangan. Jadi, Menteri Kewangan ada di sini. Apakah implikasi yang berlaku dari segi apakah berlaku pertambahan perbelanjaan dan sebagainya?

Selain daripada itu, kita sering dengar apabila berlaku perubahan iklim kesannya kepada rakyat ialah cuaca panas ini yang menyebabkan strok haba dan difahamkan juga boleh berlaku kanser kulit, demam, migrain yang teruk dan sebagainya. Jadi, setiap lapisan masyarakat biasanya boleh terdedah kepada perkara-perkara ini. Jadi, sejauh mana juga pihak kementerian yang berkaitan telah menguar-uarkannya kepada rakyat untuk supaya berjaga-jaga dan bersedia untuk menghadapi situasi ini dan juga tentu saya ingin tahu apakah perancangan supaya keadaan ini tidak berlaku pada masa-masa akan datang?

Kesan yang besar ialah saya lihat bahawa hasilnya kepada pengeluaran tanaman dan perikanan yang saya difahamkan agak juga terjejas akibat daripada berlaku peningkatan suhu ini. Saya bersama dengan Yang Berhormat Jerantut, saya dengar di kawasan beliau banyak industri perikanan, ternakan ikan terjejas kerana air menjadi panas dan sebagainya. Ini juga menyebabkan kerugian kepada penternak, kepada pengusaha yang melakukan aktiviti-aktiviti ini

apakah ada insentif daripada pihak kementerian untuk membantu mengurangkan bebanan terutama kerugian-kerugian yang dihadapi oleh mereka akibat daripada perubahan iklim yang berlaku pada hari ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa perubahan iklim ini akan menyebabkan ekosistem terjejas. Para petani, nelayan akan menghadapi masalah hasil pengeluaran mereka sedikit seperti yang saya sebutkan tadi. Tentunya tidak mampu untuk menampung keperluan makanan sebagaimana yang dilakukan sebelum ini. Jadi, sekali lagi saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, saya faham bahawa memang banyak nelayan, pengusaha-pengusaha sama ada bidang pertanian atau perikanan terjejas dengan perkara ini.

Apakah ada usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti selain daripada yang sedang mereka lakukan ini untuk memastikan dalam jangka waktu yang pendek ini pendapatan mereka tidak terjejas teruk dan bekalan kepada rakyat dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi tidak terjejas dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih sedikit kepada isu yang lain berkaitan dengan kos sara hidup. Kita akui bahawa hari ini berlaku kenaikan dalam kos sara hidup rakyat. Kerajaan melalui pelbagai kementerian, agensi dan badan-badan tertentu melakukan pelbagai usaha untuk membantu rakyat dalam memastikan supaya kesan ini tidak benar-benar memberi impak besar kepada mereka termasuklah memberi bantuan-bantuan sebagainya, mengubah berbagai-bagai pendekatan bantuan dan sebagainya.

Cuma, satu perkara yang saya fikir...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong ada tiga minit lagi, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiga minit.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cuma satu perkara yang saya hendak sebut di sini ialah berkaitan dengan perbelanjaan bagi sektor perkhidmatan yang juga merupakan satu daripada *indicator* penting dalam kos kenaikan sara hidup ini iaitu tambang bas sekolah. Bayangkan Tuan Yang di-Pertua lalau tambang bas antara RM50 untuk seorang pelajar. Bayangkan kalau satu keluarga ada empat atau lima orang anak, berapa perbelanjaan yang terpaksa mereka sediakan?

Sebab itu saya minta apakah mekanisme yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk memantau kerana ada sesetengah pengusaha syarikat bas ini menaikkan kadar tambang bas sesuka hati. Perkara ini saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ambil kesempatan juga dalam Dewan ini untuk meminta supaya kerajaan memperbanyakkan lagi program-program Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Harga Murah dan sebagainya di pelbagai peringkat supaya rakyat berpeluang untuk mendapat dan membeli barangan-barangan dengan harga murah dalam keadaan yang begitu sukar hari ini. Saya juga mengambil kesempatan kalau boleh apa yang sudah dirancang untuk dilaksanakan di kawasan saya di Lenggong itu untuk Kedai Rakyat 1Malaysia dicepatkan



kerana saya percaya ini merupakan keperluan rakyat di peringkat akar umbi. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong bajet tambahan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Sepang, 15 minit.

#### 2.46 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut sama berbahas mengenai peruntukan tambahan ini atau pun Bajet Tambahan ini.

Saya hanya ingin memfokuskan berkaitan dengan peruntukan mengenai Kementerian khususnya Kementerian Pendidikan. Saya ingin bertanyakan kepada Menteri, pada bajet yang lepas kita tahu bahawa ada satu tabung iaitu dipanggil Tabung Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang pada 2015 diperuntukkan sebanyak RM200 juta tetapi pada Bajet 2016 ini telah dikurangkan ke RM10 juta sahaja.

Saya telah bangkitkan perkara ini dalam perbahasan mengenai bajet lepas di mana jawapan Yang Berhormat Menteri kepada persoalan yang saya bangkitkan itu adalah wang itu terpaksa dikurangkan kerana jawapan Yang Berhormat Menteri wang RM200 juta itu tidak semuanya telah diguna pakai atau pun dengan izin, *utilize*. Jadi, saya ingin bertanya, kalau benar apa dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa wang itu dikurangkan kerana *not fully utilize*, dengan izin.

Saya ingin mendapatkan beberapa penjelasan kerana saya membaca beberapa laporan daripada akhbar dan juga semakan-semakan yang saya buat. Kalau wang itu telah dikurangkan daripada RM200 juta kepada RM10 juta, bermakna kita lihat wang itu sekarang ini telah berkurangan tetapi dalam Laporan KOSMO bertarikh 3 Januari 2016 saya ingin membacakan bertajuk '52,999 murid di Sarawak terima BKAP1M atau Bantuan Khas Awal Persekolahan 1Malaysia.

Dengan izin saya baca "di samping itu seramai 20,360 orang layak menerima bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) eKasih membabitkan kos hampir RM9.1 juta. Manakala 80,081 orang lagi disahkan layak menerima KWAPM. Data sedia ada berjumlah 16 juta sehingga 30 November tahun lalu."

Jadi, saya nampak macam ada satu percanggahan di sini. Kalau sekarang tinggal RM10 juta, setakat ini dikatakan akan belanja lebih kurang RM9.1 juta. Adakah RM9.1 juta ini merangkumi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak? Adakah setakat 20,360 orang sahaja yang layak terima ini? Adakah cukup dengan jumlah RM10 juta itu? Jadi, saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri apakah sebenarnya prosedur yang akan dilakukan oleh pihak kerajaan sekiranya wang yang diperuntukkan RM200 juta tidak digunakan dan dikurangkan kepada RM10 juta? Adakah kita boleh membelanjakan wang yang tidak digunakan itu untuk tujuan yang sama? Sebab dikatakan juga di sini, setakat bulan November 2015 sebanyak RM16 juta telah dibelanjakan.

Bermakna kalau kita... kepada Bajet 2015 itu, selepas bajet sudah tentu wang tinggal RM10 juta sahaja yang perlu digunakan. Jadi saya ingin tanya apakah prosedur? Adakah wang itu dikembalikan semula atau macam mana? Kalau hendak digunakan, apakah prosedur-prosedur yang sepatutnya dipatuhi oleh pihak kerajaan?

Seterusnya saya juga merasa hairan kalau peruntukan RM200 juta itu kita tahu satu peruntukan yang agak besar tetapi kita juga menerima maklumat bahawa saya bacakan juga berdasarkan laporan daripada *The Sun Daily*. Minta maaf berdasarkan kepada akhbar juga *Harian Metro* yang mengatakan bahawa pihak kementerian juga sebenarnya merayu kepada orang ramai juga untuk mendermakan wang untuk membantu meningkatkan ataupun membantu dana ini.

Bermakna, seolah-olah peruntukan yang diperuntukkan itu RM200 juta itu tidak cukup sampai minta supaya adakan satu minta bantuan orang ramai pula. Sekarang ini dikurangkan pula daripada RM200 juta kepada RM10 juta. Jadi macam mana keadaan ini? *In one hand, you are saying that RM200 million* tetapi minta juga bantuan orang ramai sebab kita percaya seolah-olah wang ini sudah tidak cukup tetapi *at the same time* kurangkan RM10 juta. Jadi saya ingin dapat kepastian daripada kementerian. Sebenarnya *what is really happening?* Apakah sudah berlaku sekarang ini?

Seterusnya Menteri, kalau kita lihat juga kepada laporan bertarikh 10 Januari 2016, tahun ini Menteri Pendidikan juga menyatakan bahawa antara punca kenapakah pelajar-pelajar ini kita hendak bantu pelajar ini kerana peratusan pelajar yang hendak ke sekolah khususnya daripada golongan-golongan yang miskin...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebagaimana Yang Berhormat Sepang beritahu tadi bahawa tabung tadi menggunakan hanya lebih kurang RM10 juta, sedangkan diperuntukkan RM200 juta. Bolehkah wang ini dipindahkan kepada penggunaan untuk menampung penyelenggaraan sekolah-sekolah bantuan kerajaan ini? Keperluannya hanya RM120 juta. Jadi boleh bawa kepada sini. Jadi tidak perlu kepada penambahan sebagaimana yang diminta oleh kerajaan untuk tambahan ini. Apakah pendapat Yang Berhormat Sepang? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, jawapan sebenarnya saya akan minta Menteri menjawab. Saya *adopt* apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh itu dan saya minta supaya Menteri menjawab. Cumanya kalau kita lihat kepada bajet ini peruntukan yang diminta oleh pihak Kementerian Pendidikan ialah bersifat umum termasuk keperluan-keperluan sekolah.

Jadi saya lebih fokuskan berkaitan dengan isu Wang Kumpulan Pelajar Miskin ini. Saya sambung tadi Menteri, Tuan Yang di-Pertua, antara punca kenapa tabung ini diadakan menurut Menteri Pendidikan adalah untuk memastikan kita membantu pelajar-pelajar miskin ini pergi ke sekolah sebab Menteri menyatakan bahawa di sekolah-sekolah biasa berdasarkan laporan *The*

*Sun Daily*, 10 Januari 2016 bahawa kehadiran pelajar di sekolah-sekolah biasa, di sekolah-sekolah yang mungkin pelajar miskin tidak begitu ramai ialah lebih kurang 98% ataupun 99%. Satu statistik yang agak baik.

Akan tetapi kehadiran pelajar-pelajar di sekolah-sekolah yang daripada keluarga *poor urban families*. Bermakna keluarga daripada yang penduduk di bandar tetapi miskin, kehadiran mereka hanya setakat 87% atau 88%. Makna kehadiran ini suatu yang agak merisaukan diri kita.

Jadi, saya bacakan apa yang dikatakan oleh *Minister* yang dilaporkan oleh surat khabar. “*One is the ‘furbish’ because some students are forced to work to help their families. The Minister focuses to help poor urban families*”. Maknanya ada pelajar-pelajar ini kerana mereka tidak pergi sekolah kerana hendak tolong ibu bapa sedangkan kita tahu bahawa telah ada satu undang-undang yang saya rasa telah pun dikuatkuasakan. Ibu bapa pelajar wajib menghantar pelajar-pelajar apabila berumur tujuh tahun.

Saya hendak tahu, saya hendak tanya kepada kementerian, kepada Menteri apakah keberkesanan undang-undang ini yang mewajibkan pelajar-pelajar mesti pergi sekolah? Sejauh manakah saya hendak dapatkan statistik daripada pihak Menteri, pertama berapakah jumlah pelajar-pelajar yang sepatutnya pergi sekolah, tidak pergi sekolah untuk tahun 2015? Mungkin dari tahun 2014 lagi. Saya minta statistik.

Selepas itu kenapa, adakah kajian dibuat kenapa mereka tidak ke sekolah? Ketiganya, sejauh manakah akta yang mewajibkan pelajar ini pergi ke sekolah ini telah dilaksanakan? Berapa ramai ibu bapa yang telah diambil tindakan. Apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan pelaksanaan akta ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan dapat mencapai matlamatnya? Jadi saya minta supaya jawapan diberikan.

Jadi saya juga merasa pelik dengan keadaan apabila ada pelajar-pelajar yang terpaksa bantu ibu bapa untuk *survival*, dengan izin bermakna mereka tidak fikir pasal sekolah lagi. Akan tetapi apabila kita kurangkan jumlah wang daripada RM200 juta kepada RM10 juta, bagaimanakah kita boleh menyelesaikan masalah ini? Dalam keadaan RM200 juta itu pun masih lagi pelajar yang tidak bersekolah kerana hendak tolong ibu bapa. Tiba-tiba kita kurangkan lagi RM10 juta. Saya tidak nampak rasionalnya Menteri.

Adakah tindakan-tindakan telah diambil ke atas kalau betul jawapan Menteri bahawa wang ini tidak digunakan. Maknanya lebih kurang kalau kita faham wang diperlukan untuk Bajet 2016 untuk bantu pelajar miskin setakat RM10 juta sahaja boleh mencapai matlamat hendak sampai untuk bantu pelajar miskin.

Jadi bermakna lebih kurang RM190 juta dikurangkan. Jadi saya hendak tanya, adakah satu siasatan telah dibuat kenapakah wang ini tidak *disburse*, tidak digunakan untuk bantu pelajar miskin ini? *There must be something*. Adakah telah ada wang-wang yang patut digunakan oleh pelajar miskin telah disalah gunakan? Saya hendak minta satu jawapan yang telus daripada pihak kementerian, sebab ni bukan jumlah yang sedikit, RM190 juta telah dikurangkan. *There must be reason why it was reduced?*

Takkan alasan setakat tidak digunakan? Kalau tidak digunakan, kenapakah tidak digunakan? Kalau sudah digunakan, berapa sebenarnya telah digunakan? Kenapakah *justify* sampai RM10 juta? Jadi saya minta jawapan Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang betul-betul telus daripada pihak kementerian.

Saya juga ingin minta supaya untuk lebih spesifik kepada pihak Parlimen saya Sepang. Dalam Parlimen Sepang, saya hendak minta satu statistik daripada pihak kementerian, berapakah jumlah pelajar-pelajar miskin yang layak menerima dana ini iaitu KWAPM ini? Berapa, selepas itu berapa banyak yang telah dibelanjakan untuk tahun 2016, berapa untuk tahun lepas dan tahun ini? Saya minta supaya kementerian boleh memberikan segala jawapan yang saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor.

**2.58 ptg.**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk terlibat sama untuk bahas Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2015 (2016). Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut tentang rumah, ia dikaitkan dengan peranan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Akan tetapi kalau kita melihat tentang fungsi rumah. Fungsi rumah merujuk kepada keperluan asas yang menjadi tempat perlindungan bagi semua rakyat di seluruh negara.

Cuma yang membimbangkan saya Tuan Yang di-Pertua, apabila harga rumah yang semakin melambung tinggi sememangnya menjadi keluhan rakyat di semua peringkat sama ada yang tua ataupun yang muda, sama ada yang miskin ataupun yang kaya. Ini merupakan antara topik perbualan, khususnya bagi graduan-graduan muda apabila mereka ingin mencari rumah.

Tuan Yang di-Pertua, apabila merujuk kepada rumah juga, saya teringat dan digambarkan ungkapan "Rumahku Syurgaku" yang menunjukkan betapa pentingnya rumah dalam kehidupan individu, juga bagi yang sudah berkeluarga. Kenaikan kos sara hidup serta rumah juga mencetuskan pelbagai kesulitan khususnya bagi golongan berpendapatan rendah dan juga sederhana.

Namun begitu pelbagai langkah dan usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan melalui KPKT dalam membantu rakyat untuk memiliki rumah. Sikap kerajaan dalam membantu rakyat memiliki rumah adalah tindakan yang baik. Namun saya amat kluatir sekiranya harga rumah terus meningkat, adakah ia cukup untuk pihak kerajaan berterusan memberi bantuan seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia dan Skim Perumahan Belia (SPB) sebagai contoh.

■1500

Saya ingin berkongsi sedikit maklumat mengenai kajian yang dilakukan oleh beberapa pihak. Ini kerana golongan muda sebagai contohnya tidak mampu memiliki rumah sendiri adalah disebabkan peningkatan harga hartanah itu sendiri. Harga ini meningkat disebabkan monopoli pemain sektor hartanah yang menjadikan rumah kos sederhana rendah yang berharga sekitar RM200,000 ini dijadikan sebagai sasaran pelaburan dan amalan 10% bayaran muka yang

berjumlah RM20,000 serta dua kali bayaran guaman untuk perjanjian dengan pemaju dan bank berjumlah sekitar RM15,000 menjadikan pekerja muda hanya mampu melihat rumah tersebut tanpa memilikinya.

Menurut Khazanah, kajian yang dilakukan oleh Khazanah Research Institute (KRI) dengan izin, mendedahkan bahawa harga rumah di Malaysia yang terlalu tinggi menyebabkan terlalu ramai rakyat tidak mampu untuk memilikinya ia dikira berdasarkan median harga rumah pada 4.4 kali berbanding median pendapatan tahunan isi rumah tahunan lebih tinggi berbanding median atau bangsa bagi rumah mampu milik pada tiga kali pendapatan isi rumah tahunan.

Pada 24 Ogos 2015, Institut Penyelidikan Khazanah membuat pendedahan bahawa harga rumah mampu milik Malaysia yang terlalu tinggi menyebabkan sehingga ia tidak mampu dimiliki oleh rakyat Malaysia itu sendiri ia menurut laporan bertajuk, '*Mewujudkan Perumahan Mampu Milik*' dan antara negeri di Malaysia yang mempunyai perumahan mampu milik yang agak baik adalah negeri Melaka dengan median tiga kali berbanding pendapatan isi rumah tahunan. Sementara itu di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, ia dicatatkan pada median 5.4 dan 5.2 berbanding pendapatan tahunan isi rumah sekali gus menjadikannya kawasan perumahan yang sangat tidak mampu dimiliki.

Tuan Yang di-Pertua, terpuakul dengan kajian yang dilakukan ini Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu mencari jalan penyelesaian untuk cuba mengekang kenaikan rumah daripada meningkat dan terus meningkat. Saya ingin menyatakan di sini bahawa harga rumah bukan ditentukan oleh pihak KPKT tetapi saya ingin menyarankan kerajaan boleh mewujudkan pelbagai elemen dan pendekatan sebagai contoh penguatkuasaan undang-undang, mungkin, yang boleh membantu rakyat mengenal pasti rumah pada harga patut dan sekiranya harga rumah tersebut terlampau batas tanpa sebab musabab, maka wajarnya ia disarankan dan digesa untuk diturunkan pada harga paras yang berpatutan.

Saya memberitahu dan mencadangkan kepada kerajaan untuk menggalakkan pemaju membina rumah dengan cara dengan izin, *Industrialized Building System* atau lebih dikenali sebagai IBS dan saya difahamkan sistem ini lebih cepat dan murah dan hasrat kerajaan untuk menggunakan sistem ini harus dipercepatkan dan jika kita dapat memperbanyakkan rumah dan siap dalam jangka masa 14 hari sahaja, sudah pasti harga rumah yang dibina secara konvensional akan lebih kompetitif malah terpaksa diturunkan harga.

Menurut laporan Tahunan Bank Negara 2015 yang dikeluarkan pada hari ini, negara jiran seperti Singapura dapat menjimatkan kos pekerja melebihi 45% dengan menggunakan kaedah IBS berbanding kaedah konvensional. Sistem IBS membabitkan kaedah pasang siap dan tidak memerlukan tenaga buruh yang ramai dan ini merupakan satu sistem yang sangat dinamik, sistem binaan yang menggunakan teknik, produk dan komponen yang disediakan di luar tapak dan dipasang ditapak binaan Tuan Yang di-Pertua.

Oleh hal yang demikian, kita tidak perlu kluatir untuk mengimport pekerja asing. Kita beri peluang kepada anak muda Malaysia menceburi bidang ini dengan menyediakan latihan dan terus bekerja. Saya juga ingin menyarankan agar pihak CIDB dapat meyakinkan rakyat dengan

pelbagai kaedah kesedaran mengenai kualiti rumah pasang siap ini. Pihak kontraktor juga harus mengambil kira ciri-ciri penting yang boleh mendapat sambutan rakyat seperti keselesaan, keselamatan dan mampu dimiliki.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang ingin saya utarakan iaitu mengenai bilik guru. Tuan Yang di-Pertua, bila menyebut tentang guru, guru saya anggap seperti lilin membakar dirinya untuk menerangi orang lain. Semua sedia maklum bahawa jasa guru memang terlalu banyak dalam mendidik anak bangsa kita. Mereka tetap memberikan komitmen walaupun di saat cuaca panas dan kering dengan ekuinoks yang semakin meningkat ini yang melanda mereka tetapi guru tetap datang ke sekolah untuk meneruskan tugas tertentu sekali pun pelajar diarah untuk tidak ke sekolah. Komitmen ditonjolkan oleh guru-guru wajar kita contohi.

Namun, Tuan Yang di-Pertua sewaktu saya melawat bilik-bilik guru di sekitar Kuala Selangor. Saya dapati Tuan Yang di-Pertua bilik guru adalah kurang memuaskan. Di saat cuaca yang sangat panas, bilik guru menjadi amat tidak sesuai untuk melaksanakan tugas-tugas bilik guru. Sehubungan dengan ini wajarlah saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk semua bilik guru dinaiktarafkan seperti melengkapkan bilik guru dengan penghawa dingin. Keselesaan bilik guru adalah penting bagi membolehkan tugas guru menjadi efektif dan juga produktif. Dengan ini saya memohon peruntukan yang akan datang akan dapat menjamin kesejahteraan guru agar ia lebih dihargai pengorbanan dalam mendidik anak-anak bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga saya hendak merujuk kepada penggantian pendawaian lama di sekolah-sekolah yang lama. Saya juga amat mengharapkan agar pada masa akan datang pihak kerajaan perlu memberikan penumpuan kepada sekolah-sekolah yang masih menggunakan pendawaian elektrik yang lama. Pendawaian elektrik di sekolah-sekolah lama tidak mampu menampung keperluan elektrik pada satu-satu masa. Apa yang dikhuatirkan, ia boleh berlakunya litar pintas dan seterusnya mengakibatkan kebakaran. Ini berlaku di Kuala Selangor Tuan Yang di-Pertua, bila saya mendengar keluhan daripada guru mereka menyatakan mereka perlukan *aircond*.

Jadi saya pun sumbanglah penyaman udara kepada bilik guru. Akan tetapi, malangnya Tuan Yang di-Pertua, bila hendak membuka dan menggunakan penghawa dingin ia tidak boleh digunakan kerana litar pintas kerana sistem pendawaian sekolah yang agak lama. Jadi ini seterusnya menyebabkan harapan mereka terbantut untuk mendapat keselesaan dalam bilik guru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berharap pihak kementerian dapat mengenal pasti semua sekolah yang masih menggunakan pendawaian lama dengan menyegerakan penggantian pendawaian yang baru. Kita tidak mahu sekolah ditamatkan dengan berlakunya tragedi-tragedi yang tidak disangka. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah sudi membantu sedikit untuk Parlimen saya dalam usaha untuk penggantian pendawaian elektrik di sekolah-sekolah lama di Daerah Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua iaitu program dwibahasa DLP di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebagaimana yang kita tahu DLP atau lebih

dikenali sebagai *Dual Language Programme* merupakan sebuah program pengukuhan bahasa Inggeris di sekolah yang diberi peluang menawarkan pengajaran dan pembelajaran subjek Sains, Matematik, Teknologi Maklumat dan juga Komunikasi serta Reka Bentuk dan Teknologi dalam dua bahasa iaitu bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris. Pemilihan program ini bergantung kepada sekolah berdasarkan kepada permintaan ibu bapa dan pengetua serta kesediaan sekolah melaksananya. Hanya sekolah yang terpilih sahaja yang menawarkan DLP untuk murid Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1.

Buat permulaan saya difahamkan program ini ditawarkan kepada sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah menengah kebangsaan. Cuma yang menjadi kebimbangan saya Tuan Yang di-Pertua, jika adanya program ini bagaimanakah pengukuran khususnya peningkatan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar luar bandar boleh dijadikan ukuran untuk kita tingkatkan Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana saya juga mendengar keluhan daripada guru-guru terutama kepimpinan pengetua menyatakan wujud kekurangan guru bahasa Inggeris khususnya di kawasan luar bandar.

#### ■1510

Perkara yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, iaitu mengenai Program Imersif Tinggi (HIP) yang ini juga program di bawah Kementerian Pendidikan. Bila bercakap soal HIP, HIP ini dikenali sebagai *Highly Immersive Programme* adalah sebuah program yang ditawarkan bagi meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris melalui peningkatan penggunaan dan penguasaan bahasa dalam komuniti sekolah dengan menanamkan sikap positif kepada murid terhadap pembelajaran dan penggunaan bahasa Inggeris.

Program ini dilaksanakan secara berperingkat iaitu dengan mengambil kira beberapa buah negeri seperti Perlis dan juga Perak. Kementerian Pendidikan, saya puji, mengambil pendekatan yang sangat memberi fokus kepada pengupayaan sesebuah sekolah dan juga potensinya. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan membekalkan kepada sekolah dengan sarana pelaksanaan supaya aktiviti yang dirancang adalah berdasarkan konteks dan kemampuan sekolah dan juga komuniti.

Dalam mengukuhkan bahasa Inggeris ini, terdapat beberapa faktor yang perlu diambil kira oleh pihak Kementerian Pendidikan agar pelaksanaannya secara menyeluruh boleh menjamin keberkesanan metodologi. Antara perkara yang perlu diambil kira ialah pertama, iaitu taraf sekolah bandar dan juga luar bandar. Ini kerana saya lihat wujud jurang terutama sekali dari segi penguasaan bahasa Inggeris di antara kedua-dua buah sekolah tersebut.

Kedua, guru yang profesional atau tenaga pakar. Saya mintalah kepada Kementerian Pendidikan supaya memperbanyakkanlah guru-guru pakar ini, diletakkan di kawasan-kawasan yang memerlukan bimbingan dan dijadikan pakar rujuk. Ini kerana kadang kalanya saya cemburu Tuan Yang di-Pertua, apabila melihatkan keputusan SPM baru-baru ini, saya lihat sekolah-sekolah yang harian biasa yang berjaya peningkatan bahasa Inggeris, kebanyakannya sekolah-sekolah di bandar. Jadi saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, kerana dalam Malaysia hendak

menuju ke negara maju, kita harus seragamkan terutama sekali dalam peningkatan bahasa Inggeris.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat Tuan Yang di-Pertua sudah jeling saya. Saya faham Tuan Yang di-Pertua, lima minit itu. Jadi, saya menyokonglah Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila yang belakang sana itu. Yang Berhormat Lumut? Sila Yang Berhormat Lumut.

### 3.13 ptg.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan kepada Menteri, dengan pembentangan rang undang-undang D.R. 2/2016, saya mentafsirkan bahawa ini merupakan kelemahan kerajaan dalam menguruskan dana yang diperuntukkan pada tahun 2015. Oleh sebab itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan bertanggungjawab. Kalau Malaysia ini dianggap satu organisasi korporat yang besar, CEOnya Menteri Kewangan, dah lama kena pecat, Tuan Yang di-Pertua oleh sebab mengurus wang tidak cukup untuk perbelanjaan tahun 2015.

Saya juga tidak selesa dengan kaedah pembentangan Kertas Perintah 2 Tahun 2016 ini oleh sebab kita membincangkan peruntukan tahun 2015. Ia bukan lagi anggaran perbelanjaan Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita berada dalam tahun 2016 dan perbelanjaan tahun 2015 semua telah kita ketahui berapa jumlahnya dan berapa kurangnya. Jadi oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya melihat balik kertas perintah ini. Ia bukan lagi untuk tambahan kepada anggaran perbelanjaan tetapi tambahan kepada perbelanjaan tahun 2015. Itu Tuan Yang di-Pertua.

Keduanya, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat— saya berkhidmat dalam Tentera Laut Diraja Malaysia menguruskan kewangan. Kita diberi amaran, kalau berbelanja lebih daripada peruntukan, ia akan dikenakan surcaj. Ini berlaku di satu unit TLDM. Pegawai memerintah KD Pelanduk telah dikenakan surcaj oleh sebab berbelanja lebih RM100,000 pada tahun tersebut.

Oleh yang demikian, kalau kita lihat kepada jadual yang dibentangkan kepada kita, Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak kementerian yang berbelanja lebih pada tahun 2015. Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan supaya semua pegawai atau menteri-menteri yang bertanggungjawab berbelanja lebih pada tahun 2015 dikenakan surcaj. Saya anggap Yang Berhormat Menteri Kewangan, mungkin tidak ada masalah, ada RM 2.6 bilion, tetapi kepada kementerian-kementerian yang lain, kita lihat kenapa mereka boleh berbelanja lebih daripada peruntukan yang ditetapkan.

Oleh sebab itu, sebagaimana saya diberi amaran pada tahun 1990-an, maka pada hari ini, saya mengambil kesempatan supaya kerajaan tegas, kenakan surcaj kepada kementerian-kementerian yang berbelanja lebih daripada peruntukan yang telah ditetapkan.

Ya, Yang Berhormat Shah Alam.



**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lumut. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Lumut, tadi ada Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional yang mengatakan bahawa bajet tambahan ini perkara biasa dan ia juga diamalkan di Selangor dan juga di Pulau Pinang. Cuma, saya merasakan bahawa bajet peringkat kerajaan pusat selama ini bajet defisit dan ia bermula pun dah defisit dah pun. Akan tetapi apabila sudah ada tambahan lagi, maka sudah pasti ia akan bertambah defisitnya.

Sedangkan di Selangor, ia berlaku adanya bajet tambahan dalam keadaan ada *surplus funds*, duit yang selama ini telah disimpan dan tidak dibelanja dari tahun-tahun yang sebelumnya dan juga penjimatan dari segi perbelanjaan. Maka, sudah pasti dalam keadaan yang sebegitu rupa dan juga di Pulau Pinang yang tidak ada, kalau tidak silap saya, hutang di peringkat kerajaan negeri, maka dalam keadaan yang sedemikian rupa, kalau adanya bajet tambahan atas sebab adanya surplus, adanya pendapatan tambahan, maka sudah pasti ia merupakan satu keadaan yang berbeza dengan keadaan Kerajaan Pusat. Ini yang pertama ya, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lumut.

Kedua, ada juga yang mengatakan bahawa berlakunya bejat tambahan ini kerana peristiwa MH370, oleh sebab ini, oleh sebab itu. Akan tetapi saya dapati bahawa bajet tambahan yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional peringkat pusat ini, ia berlaku tiap-tiap tahun. MH370 bukan berlaku tiap-tiap tahun. Begitu juga dengan keadaan-keadaan yang luar biasa. Lalu, adakah Yang Berhormat Lumut berpandangan bahawa bajet-bajet tambahan ini adalah merupakan atas sebab-sebab yang luar biasa yang ada justifikasinya atau pun atas sebab kurangnya kawalan dan pengurusan kewangan seperti mana yang disebutkan tadi? Terima kasih.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lumut, sedikit sahaja. Beri jawab sekali.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Saya hendak jawab Yang Berhormat Shah Alam. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat Shah Alam bahawa perbandingan yang dibuat oleh wakil-wakil rakyat dari sana agak-agak tidak relevan, oleh sebab perbezaan kerajaan negeri dibandingkan dengan kerajaan pusat. Lebih-lebih lagi kerajaan negeri ada surplus, *reserve* RM2.39 bilion. Ini Kerajaan Malaysia berhutang hampir RM800 bilion. Ini menunjukkan kelemahan pengurusan kewangan oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian, saya rasa kerajaan kena melihat balik, muhasabah dirilah, oleh sebab kelemahan menguruskan kewangan negara.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lumut.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Sudahlah pendapatan pun RM275 bilion sahaja setahun...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Lumut, bagi penjelasan sedikit. Sedikit sahaja. Sekejap lagi jawab.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Sedikit sahaja? Tadi sudah cakap banyak sudah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sikit sahaja, saya nak cakap sikit lagi.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Boleh tidak Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sikit sahaja.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Okey, silakan. Tuan Yang di-Pertua diam, okey.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2015. Ini merupakan belanjawan tahun 2015, sejarah defisit terbesar Kerajaan Negeri Selangor. Tahun 2015. Sebab apa? Saya hendak beritahu, anggaran belanjawan negeri Selangor pada tahun itu ialah RM 2.42 bilion tetapi hasil cukai negeri sebenarnya hanyalah RM1.97 bilion. Ini defisit kah apa ini? Cuba ulas sikit.

■1520

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Yang Berhormat Lenggong, hari ini rekodnya, hari ini negeri yang banyak sekali berhutang dengan Kerajaan Pusat ialah negeri mana? Negeri Pahang. Negeri Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini kalau periksa, dapat kosong. Tanya lain, jawab lain.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tidak apalah, oleh sebab ini bukan peperiksaan...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau cikgu, dapat kosong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang sedang berdiri, duduk dahulu Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Tolong duduk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli yang sedang berdiri, duduk. Yang Berhormat Lumut, diberikan 15 minit. Apabila Yang Berhormat Lumut membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk mencelah, maka masa Yang Berhormat Lumut pun akan pendek, satu. Kedua, yang dipertengahkan ini perkara yang tidak melanggar peraturan mesyuarat. *Supplementary* tidak melanggar peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Shah Alam membahaskan pula hujah daripada Yang Berhormat Lenggong. Jadi kalau saya membiarkan itu nanti kalau ada perkara baru yang nanti akan dibahaskan juga oleh orang lain...

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Baiklah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Hanya oleh sebab *scoring political point* menghabiskan masa.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Baiklah Tuan Yang di-Pertua, hampir habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, ini sebab hendak memperjelaskan kekeliruan yang dicernakan oleh Yang Berhormat Lenggong. Ini kerana benar ia defisit apabila perbelanjaan melebihi pendapatan tetapi hakikatnya...

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Tidak, saya sebut dua. Satu ada surplus, satu ada simpanan.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Kongkalikung.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau sudah ada simpanan, rizab yang tinggi yang terhasil daripada simpanan sebelum, bila zaman Barisan Nasional rizab Kerajaan Negeri Selangor RM1.4 bilion, sekarang ini sudah RM3.9 bilion. Apa salahnya kalau kita menggunakan sebahagian daripada simpanan itu, rizab itu untuk keluarkan belanja untuk kebaikan rakyat dan ini tidak boleh disamakan dengan keadaan Kerajaan Pusat yang ada RM800 bilion hutang dan masih dalam keadaan defisit dan masih hendak membuat bajet tambahan. Saya rasa Yang Berhormat Lumut perkara ini cukup jelas tapi orang yang tidak hendak faham, terus akan tidak faham.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Soalan kedua Yang Berhormat Shah Alam memang kita lihat perbelanjaan yang berlaku, lebih perbelanjaan yang berlaku ini bukan yang tidak dirancang. Sebenarnya ia merupakan kelemahan-kelemahan kementerian membuat perancangan peruntukan tidak mencukupi apabila dilihat pada hujung tahun. Ini kita mintalah kementerian-kementerian melihat cara mereka berbelanja.

Oleh sebab kalau kita lihat jadual perbelanjaan ini, mereka membuat perkiraan terlalu mudah. Anggarannya terlalu mudah. Oleh sebab itu, mungkin Yang Berhormat Menteri juga bersetuju supaya melihat semula cara pembentangan perbelanjaan yang dibuat oleh kementerian-kementerian ini supaya tidak berlaku lagi permohonan tambahan peruntukan untuk perbelanjaan bukan anggarannya, perbelanjaan tahun 2015, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab kita sudah tahu berapa jumlah perbelanjaan tahunan 2015, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagaimana kita saya mencadangkan tadi kementerian-kementerian yang harus dikenakan surcaj ialah Kementerian Pengangkutan. Ini kita kenakan surcaj oleh sebab perbelanjaan berlebihan. Jabatan Perdana Menteri yang mendapat peruntukan yang paling banyak pun ada lebih perbelanjaan. Oleh sebab itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun akan dikenakan surcaj. Setuju Tuan Yang di-Pertua? Kalau kita melaksanakan apa yang kita cakap, *we walk the talk* kita harus mengenakan surcaj kepada orang-orang yang

bertanggungjawab membuat perbelanjaan yang lebih dan kita minta selepas ini tidak ada lagi permohonan tambahan peruntukan untuk tahun 2015.

Oleh sebab kita di dalam tahun 2016, kita boleh cerita anggaran perbelanjaan 2016. Tahun 2015 sudah tutup buku, tidak ada lagi anggaran Tuan Yang di-Pertua, itu adalah perbelanjaan sebenar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Parit Sulong.

### **3.15 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad. [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan lain hendak bersama berbahas dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan peringkat dasar.

Saya tengok dalam perkara ini – saya hendak bercakap mengenai kemudahan infrastruktur sekolah yang kita lihat sekarang ini memainkan peranan yang sangat penting dalam masa untuk meningkatkan prestasi pencapaian pelajar-pelajar terutamanya di sekolah-sekolah. Jadi saya memang menyambut baik langkah dan usaha yang dibuat pihak kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan infrastruktur ini sama ada di bandar dan juga di luar bandar.

Saya lihat dalam perbekalan tambahan ini ada diperuntukkan beberapa perkara yang berkaitan dengan pendidikan tetapi salah satu daripadanya adalah yang dinamakan tabung penyelenggaraan sekolah. Jadi saya hendak memuji langkah yang dibuat ini sebagai satu inisiatif kerajaan untuk menyelenggarakan sekolah-sekolah terutamanya sekolah yang daif, uzur terutamanya di luar bandar supaya ia dapat di baik pulih dalam suasana untuk menjadikan ia satu suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

Walau bagaimanapun saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kerajaan, pertamanya mengenai apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan sekolah-sekolah – sebab sekolah-sekolah ini banyak, satu Malaysia. Sekolah-sekolah yang kekurangan daripada segi infrastruktur ini betul-betul mendapat manfaat daripada tabung yang disediakan ini terutamanya apabila ada kes yang mana bangunan itu didapati tidak selamat oleh JKR sudah semestinya bangunan tersebut perlu dirobohkan bagi mengelakkan perkara yang tidak berkenaan terjadi.

Dari segi itu saya tengok masih ada lagi bagaimana keadaan sekolah-sekolah yang diiktiraf tidak selamat oleh JKR di sekolah-sekolah masih ada lagi, masih lagi wujud setelah berpuluh-puluh tahun. Adakah kementerian mengambil faktor-faktor ini dalam menyalurkan peruntukan yang dibuat ataupun yang dinamakan tabung untuk menyelenggarakan untuk membaik pulih ataupun meruntuhkan bangunan-bangunan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, berapa banyak kah yang mendapat manfaat daripada jumlah tambahan ini. Saya kira ini sangat penting dan kalau sekiranya perlu ada peruntukan tambahan seperti ini, kami tidak ada masalah hendak menyokong sebabnya kita lihat kita selalunya pihak – bila dinamakan bajet, memanglah bajet kadang-kadang terlebih bajet atau terkurang bajet. Saya hendak menyokong apa yang dibuat

oleh pihak kementerian untuk memastikan bahawa bantuan yang diberikan kepada rakyat itu walaupun ia melalui sekolah-sekolah dapat digunakan dengan sebaik mungkin walaupun ia perlu kita bawa di dalam Dewan ini melalui peruntukan tambahan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini cuaca semakin panas, terik dan sekarang ini pula musim semua wakil rakyat pergi apabila dijemput, ada sesetengah kami dijemput untuk merasmikan mesyuarat PIBG dan segalanya, kita melihat bahawa keadaan panas ini kadangkala menyebabkan *dehydrate* kepada anak-anak kemudian sampai demam dan segalanya. Antara yang disuarakan oleh pihak ibu bapa dan sekolah itu sendiri adalah mengenai perlunya kemungkinan sekarang ini mengenai pembinaan dewan-dewan di sekolah bagi anak-anak kita menjalankan pelbagai aktiviti di sana. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah tindakan kementerian dalam usaha menangani perkara atau permohonan seperti ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai pendidikan pra sekolah. Pendidikan pra sekolah ini menjadi semakin penting dalam usaha untuk meningkatkan kejayaan modal insan di negara kita. Oleh itu, saya tengok modul pra sekolah di bawah KEMAS itu secara spesifiknya perlu ada tambah baik bagi menjadikan imejnya seiring dan setaraf terutamanya dengan pra sekolah swasta yang lain, apa lagi banyak program pra sekolah sekarang ini ditawarkan kepada masyarakat. Akan tetapi apa yang menyedihkan masih ada lagi persepsi daripada kalangan orang ramai yang masih lagi memandang rendah kepada tabika KEMAS ini kerana menganggap bahawa KEMAS ini belum lagi bersedia untuk menyiapkan anak mereka dengan baik bagi memasuki sekolah rendah.

Soalan saya kepada pihak kementerian adalah bagaimanakah cara, bagaimana kah tindakan yang akan dan sedang serta perlu dibuat oleh pihak kementerian dalam usaha untuk memastikan bahawa modul KEMAS ini *up-to-date* dan juga mengikut standard dengan izin, dengan keadaan semasa itu sendiri biar ia dapat bersaing dengan apa yang ditawarkan oleh pihak swasta.

■1530

Saya juga ingin mencadangkan supaya satu program pemantapan berterusan profesion perguruan khusus untuk tenaga pengajar di KEMAS ini dapat diteruskan terutamanya bagi membolehkan mereka ini menguasai bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris dengan baik dan mampu untuk mengajar pelajar-pelajar ataupun kanak-kanak di KEMAS ini. Terutamanya bahasa yang kedua iaitu bahasa Inggeris. Jadi seterusnya, saya juga hendak bertanya mengenai usaha untuk meningkat fasiliti di KEMAS ini terutamanya kemas di luar bandar. Masih terdapat KEMAS di luar bandar yang kemudahannya sekadar mencukupi, belum lagi di tahap yang dikategorikan terbaik dan saya harap peruntukan ini dapatlah diberikan kepada mereka ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai rangkaian jalan raya yang baik ini, memang mampu dan boleh menghubungkan antara kampung luar bandar dan dengan jalan utama yang menjadikan ia sebagai satu daripada strategi pembangunan yang sangat penting dalam usaha untuk menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Saya hendak menyokong penuh perancangan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas di mana kerajaan meletakkan sasaran sepanjang 3,000 kilometer jalan berturap yang akan dibina.

Walau bagaimanapun, lebih kurang 35% rakyat Malaysia ini berada di kawasan luar bandar dan yang lebihnya 8% masih lagi belum dapat dihubungkan dengan jalan raya yang berturap. Jadi, bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan bila ada pembinaan jalan-jalan, kadang-kadang menjadi *complain* kepada masyarakat setempat adalah mengenai kualiti jalan itu sendiri. Jadi, apabila ianya dibina, kemudian kualitinya tidak sampai ke tahap yang diperlukan, jadi bagaimanakah pihak kementerian dapat memastikan bahawa kualiti-kualiti jalan yang dibina ini sebenarnya mengikut standard yang diperlukan?

Sebab jalan raya yang baik untuk masyarakat luar bandar ini, memang kita sangat perlukan dalam usaha untuk meningkatkan kesihatan, macam tadi saya katakan untuk penghubungan. Akses jalan raya yang baik ini boleh memendekkan perjalanan. Kalau hendak pergi ke tempat-tempat keperluan seperti pusat hospital dan juga sekolah-sekolah juga, jalan raya yang elok ini sangat diperlukan, yang lain-lainnya Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pembekalan tambahan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa belakang Yang Berhormat Tanjong, sebelah Yang Berhormat Sandakan, siapa sebelah Yang Berhormat Sandakan itu, sebelah Yang Berhormat Sandakan siapa? *[Disampuk]* Sila.

### 3.33 ptg.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang ini untuk membangkitkan beberapa isu. Saya hendak bangkitkan tiga isu sahaja yang saya mohon pihak kementerian untuk jawab mengenai bajet tambahan ini dan juga situasi kewangan di negara kita ini.

Isu pertama ialah saya hendak mohon pihak kementerian untuk menyatakan jumlah jaminan berkanun atau pun dengan izin, *total loan guarantee* pada akhir 2015 dan juga jumlah pembayaran kerajaan untuk membantu syarikat-syarikat yang tersenarai dalam *total loan guaranty* ini untuk menanggung hutang-hutang mereka. Untuk makluman dewan yang mulia ini, jumlah jaminan berkanun pada akhir tahun 2013 adalah sebanyak RM157.5 bilion dan telah naik kepada RM172 bilion pada tahun 2014.

Kenaikan jaminan berkanun ini pasti ada kesan terhadap bajet kerajaan. Saya hendak memberi contoh Tuan Yang di-Pertua, dengan menggunakan PTPTN ataupun Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional sebagai satu contoh. Sebahagian besar daripada PTPTN ini dijamin oleh kerajaan, *they are government guarantee debt*, dengan izin. Jaminan berkanun PTPTN telah naik daripada 29.2 bilion pada tahun 2013 kepada 33.2 bilion pada tahun 2014. Oleh kerana pinjaman PTPTN yang begitu tinggi, kos dana pembiayaan jangka panjang ataupun *interest servicing* juga amat tinggi.

Untuk memberi beberapa angka pada tahun 2013, kos ini adalah 1.26 bilion ringgit dan pada tahun 2014 kosnya adalah 1.38 bilion ringgit. Oleh kerana pinjaman PTPTN yang begitu

tinggi ini dan pembayaran *interest servicing* ini yang begitu tinggi yang jauh lebih banyak daripada pembiayaan pinjaman bersih, hanya 330 juta pada tahun 2013 dan 283 juta pada tahun 2014. Pihak PTPTN ini tidak dapat menanggung *interest servicing* ini yang begitu tinggi, jadi kerajaan terpaksa memberi geran sebanyak RM1.37 bilion ringgit pada tahun 2013 dan RM1.39 bilion ringgit pada tahun 2014 kepada PTPTN.

Jadi saya hendak tanya pihak kementerian, berapakah geran yang akan diberikan oleh kerajaan kepada PTPTN, ini di bawah Lenggong, pada tahun 2015. Pada masa yang sama, berdasarkan laporan tahunan PTPTN 2014, kos pelupusan pembiayaan kelas pertama dan juga pembiayaan diskaun, pemberian diskaun pembiayaan pendidikan yang berjumlah RM330 juta pada tahun 2013 dan RM145 juta pada tahun 2014 yang sebelum ini semua dibayar oleh PTPTN, sekarang bermula pada tahun 2015 akan diambil alih oleh kerajaan dan akan dinyatakan dalam bajet.

Jadi, soalan saya ialah berapakah jumlah kos yang akan diambil alih oleh kerajaan untuk membiayai pemberian diskaun dan juga pelupusan pembiayaan kelas pertama oleh PTPTN pada tahun 2015. Jadi PTPTN hanya satu contoh sahaja Tuan Yang di-Pertua, ada lagi contoh lain seperti DanaInfra Nasional Berhad, jumlah *total loan guaranty* 14.1 bilion pada tahun 2014. Syarikat Prasarana RM13.9 bilion pada tahun 2014 dan juga Turus Pesawat Sdn. Bhd. pada tahap RM5.3 bilion pada tahun 2014.

Jadi saya mohon Menteri untuk memberi jumlah jaminan berkanun untuk tahun 2015 dan bayaran kerajaan kepada syarikat-syarikat berkanun untuk membantu mereka membayar *interest servicing* ke atas hutang mereka. Itu adalah isu pertama. Isu yang kedua ialah saya minta pihak kementerian untuk menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan perbelanjaan kerajaan pada tahun 2015 dan juga 2016 akibat daripada penurunan hasil dari sumber minyak. Saya rasa kerajaan telah sedar bahawa bajet kerajaan perlu diubahsuai akibat dari penurunan harga minyak antarabangsa. Oleh itu Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Pekan juga telah membuat pengumuman pada awal tahun 2015 dan 2016 untuk mengubahsuai bajet.

Akan tetapi saya rasa pengumuman yang dibuat tidak begitu tepat atau ikhlas. Jika kalau pengubahsuaian bajet itu tepat, pembatalan Biasiswa JPA keluar negara pada tahun 2016 tidak akan diumumkan dengan notis yang begitu singkat dan pada masa yang sama telah mengejutkan dan mengecewakan pelajar yang terlibat. Pada masa yang sama Menteri telah memberi jawapan bahawa peruntukan kepada Biasiswa JPA di luar negara untuk tahun 2015 adalah RM1.5 bilion dan terpaksa ditambah sebanyak RM160 juta untuk menampung kenaikan kos pelajar yang sedang belajar di luar negara akibat dari penurunan nilai mata wang ringgit. Pada pandangan saya kerajaan memang tidak ada *political will*, dengan izin untuk mengurangkan ketirisan yang sedang berlaku dalam perbelanjaan kerajaan termasuk ketirisan yang sedang berlaku dalam perbelanjaan kerajaan.

Termasuk pembiayaan kos pelajar JPA. Saya hendak memberikan satu contoh yang senang untuk semua orang faham iaitu satu surat yang telah diterbitkan dalam *The Star Online*

pada 1 Jun 2015 yang bertajuk “*JPA book Airlines ticket, highlight overprice*”. Di mana tiket penerbangan yang jauh lebih mahal berbanding dengan harga pasaran telah ditempah untuk seorang JPA *scholar* yang belajar di Portland United States.

Mengikut surat ini tiket yang ditempah untuk dia melalui ejen yang ditetapkan oleh kerajaan ataupun JPA adalah RM15,000 untuk *one way* dari Portland USA balik ke Kuala Lumpur berbanding dengan RM4,000 untuk tiket ulang-alik jika tempahan itu dibuat secara *online* oleh JPA *scholar* ini. Jadi saya rasa ini adalah satu contoh yang senang untuk difahami oleh semua orang bahawa ketirisan ini masih berlaku dan pada masa yang sama tidak ada apa-apa yang dibuat untuk mengurangkan ketirisan, akibatnya perbelanjaan oleh kerajaan pun telah naik mendadak.

#### ■1540

Saya juga mohon pihak Menteri untuk menyatakan langkah-langkah spesifik yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan perbelanjaan operasi kerajaan. Isu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir ialah saya memohon pihak Menteri untuk menyatakan perbelanjaan di bawah pembinaan PFI Sdn. Bhd. pada tahun 2015 dan tahun 2016. Saya hendak rujuk kepada jawapan yang diberikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau *Chief Secretary of Treasury* kepada Jawatankuasa Kira-kira ataupun PAC untuk isu pembinaan PFI yang telah diberi perhatian di dalam Laporan *Auditor General*.

Sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan yang telah disalurkan melalui satu syarikat milik kerajaan iaitu syarikat pembinaan PFI Sdn. Bhd. untuk mengelakkan *debt to service, debt to GDP ratio*, dengan izin mencecah 55%. Jumlah yang disalurkan melalui PF11 ialah RM20 bilion, dan PF12 adalah RM10 bilion. Saya rasa langkah yang diambil ini tidak begitu telus ataupun *transparent* oleh sebab ini adalah cara untuk menyembunyikan sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan. Jadi saya harap Menteri boleh memberi maklumat kepada Dewan yang mulia ini tentang jumlah perbelanjaan pembinaan PFI Sdn. Bhd. pada tahun 2015 dan juga tahun 2016. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang.

#### 3.41 ptg.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya ruang untuk bersama-sama turut serta dalam membahaskan Akta Perbekalan Tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara dari sudut kos sara hidup rakyat. Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua saya ingin pihak kerajaan terutamanya KPKT melihat tentang harga-harga rumah yang seperti sebelum ini telah saya nyatakan seperti kelihatannya tiada kawalan. Pihak-pihak pemaju meletakkan harga-harga rumah yang berganda-ganda tinggi daripada harga sebelum ini dijual dengan pelbagai alasan tersendiri. Dalam keadaan sebegini manalah mampu rakyat negara kita yang rata-rata masih lagi berpendapatan sederhana, mampu memiliki rumah-rumah.



Jika hendak bergantung pada rumah-rumah mampu milik sahaja seperti Kerajaan Negeri Johor yang telah melaksanakannya dan masih terus mencari jalan untuk melaksanakan rumah-rumah mampu milik rasanya masih tetap tidak mencukupi. Jadi sehubungan dengan itu adalah wajar dan sudah sampai masanya pihak kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi memastikan harga-harga rumah dibina mengikut harga-harga yang ditetapkan spesifikasinya oleh pihak kerajaan. Begitu juga dengan pembinaan-pembinaan rumah PR1MA yang masih juga agak lewat pembinaannya.

Perkara ini juga haruslah diteliti dan dapat disegerakan pembinaannya. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menambah soal bajet daripada Kementerian Pendidikan dan Pelajaran yang dipotong agak banyak. Ini saya mendapat banyak SMS dan juga keluhan daripada guru-guru. Guru-guru ini mengajar anak-anak kita tanpa jemu. Walau apa pun keadaan mereka, mereka akan terus mengajar anak kita.

Akan tetapi kita pun kena prihatin juga kepada mereka di mana bajet kokurikulum banyak dipotong yang akhirnya menyebabkan aktiviti-aktiviti tidak dapat dijalankan. Jika dijalankan juga guru-guru terpaksa menampung aktiviti ini kerana kalau minta kepada ibu bapa pun sendiri berada di dalam satu keadaan kewangan yang tidak baik untuk terus membantu pihak sekolah mengadakan aktiviti-aktiviti sebegini.

Begitu juga daripada soal peruntukan untuk pembangunan sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah kadang-kadang untuk membaik pulih kerosakan memakan masa terlampau lama, sehingga mereka mencari wakil rakyat untuk membantu. Kita boleh membantu sekadar apa yang kita mampu tetapi Tuan Yang di-Pertua keadaan ini semakin berleluasa di mana keadaan sepertinya sistem pendawaian yang perlu diperhalusi kembali, dilihat kembali. Selain daripada ia tidak baik untuk persekitaran sekolah, dari sudut keselamatan juga harus diteliti. Ini kerana ia boleh mengakibatkan litar pintas dan sebagainya yang akhirnya menyebabkan kebakaran dan menyebabkan kos yang lebih tinggi. Saya juga ingin pihak KPKT meneliti perkara ini kerana dalam keadaan rakyat cuba meningkatkan ekonomi tanpa bergantung pada kerajaan.

Jadi sudah sampai masanya pihak kementerian melihat dengan teliti di mana ramai anak-anak muda kita yang sekarang minat berniaga. Mereka menggunakan konsep moden, bukan macam kita dulu-dulu berniaga. Mereka gemar kepada sistem *food truck* ini. Kita tahu sekarang sistem *food truck* ini tidak ada di dalam kategori jika mereka memohon lesen kepada Majlis Perbandaran atau PBT tidak ada kategorinya. Jadi macam mana mereka hendak berniaga tidak ada lesen? Nanti kalau berniaga juga menjadi satu kesalahan. Jadi apalah kiranya pihak kementerian meneliti dan memberi arahan yang segera untuk menilai dan seterusnya menambah satu lagi konsep iaitu dari sudut pelesenan *food truck* ini dibenarkan.

Begitu juga dengan lesen-lesen sementara saya tak faham kenapa lesen ini tidak dibenarkan. Kita kena lebih prihatin, kalau rakyat kita mencuri kita marah, menjadi kesalahan undang-undang, jadi isteri-isteri ini Tuan Yang di-Pertua di kawasan saya ini saya sangat kasihan dan rasa sedih apabila mereka ini cuba untuk meningkatkan ekonomi keluarga membantu mereka berniaga sarapan sahaja. Dua jam punya perniagaan memang tidak ada lesen Tuan

Yang di-Pertua tetapi tindakan akan diambil. Jadi perkara ini saya yakin berlaku di mana-mana pun jadi kita jangan teruskanlah keadaan ini bagi kelonggaran kepada mereka.

Mungkin sudah sampai masa juga pihak KPKT mengarahkan supaya peniaga-peniaga kecil ini tidak perlu membayar lesen pun hanya mendapat kebenaran, kebenaran untuk berniaga supaya dapat dipantau. Kalau dikenakan juga sebagai yang sangat minimalah. Jadi yang pentingnya mereka ini ada inisiatif untuk meningkatkan ekonomi keluarga kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab kita mesti menggalakkan orang-orang yang berusaha untuk menambah pendapatan keluarga mereka. Tuan Yang di-Pertua, lagi satu isu saya minta diberi perhatian oleh Kementerian Kesihatan ialah saya kira saya sudah minta perkara ini agak lama iaitu dari sudut menaikkan taraf pusat kesihatan poliklinik di Pasir Gudang ini.

Dulu saya sudah cakap banyak kali, beberapa kali pun saya telah bawa Yang Berhormat Timbalan Menteri turun tetapi bagilah perhatian. Mereka ini terlampau kecil, terlampau sesak sangat dengan keadaan satu hari tidak kurang daripada *average* 700 pesakit yang mereka lihat. Jadi dengan keadaan itu sangatlah tidak sesuai. Saya mohon sangat-sangat diberikan keutamaan supaya poliklinik Pasir Gudang ini dinaikkan ke KK2 untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat. Tanah ada, yang penting adalah kelulusan daripada pihak kementerian untuk melihat perkara ini.

Saya juga ingin melihat kepada sebuah RTC dibina di kawasan saya di mana di bawah pentadbiran majlis ada juga *bus stop* yang tak berapa efektif dan masih di tahap lama seawal bandar itu mungkin 20 tahun, tetapi banyak gerai-gerai kosong yang tidak digunakan daripada elak pembaziran mencari kawasan baru mungkin ini boleh *diconvertkan* menjadi RTC dan *bus stop* di bawah.

Dalam masa yang sama dapat membantu rakyat untuk tidak perlu pergi ke bandar yang memakan masa 40 minit. Jadi untuk urusan yang mudah-mudah tetapi yang sebelum ini tetapi sehingga ke hari ini masih tidak betul lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya dulu minta pindahkan Pejabat Pendaftaran Negara yang beroperasi di lot rumah kedai yang orang ramai terpaksa beratur tengah panas kah, hujan kerana tidak ada tempat untuk orang hendak duduk. Jadi jika RTC ini dibina bolehlah kementerian sama ada Kementerian Kewangan, luar bandar dan KPKT kerana bangunan dalam kawasannya majlis boleh menggunakan perkara ini untuk kemudahan rakyat. Itu perkara penting yang ingin saya sampaikan, sekian sahaja terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

■1550

**3.50 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang saya turut berbahas peringkat dasar bagi Perbekalan Tambahan yang tentunya sudah dibelanjakan tetapi secara akademik bahaskan pada ketika ini. Saya terus pergi kepada isu di mana kita lihat perbelanjaan yang dibelanjakan untuk beberapa kementerian dan Tuan Yang di-Pertua saya nampak untuk Kementerian Luar Negeri sahaja kita belanjakan lebih kurang

RM132 juta. Ini kerana mata wang Ringgit Malaysia jatuh, maka keutamaan untuk berbelanja supaya kita dapat menampung peningkatan kos operasi pejabat perwakilan di Malaysia. Saya bawakan contoh ini kerana saya sekali lagi walaupun teman-teman lain sudah bangkitkan, mahu kontrakan dan bandingkan dengan perbelanjaan dan kesungguhan kita dalam mengutamakan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa dalam isu pendidikan bagi graduan kita, bagi anak-anak, siswa-siswi yang mendapat keputusan 9A lebih dalam SPM, 744 daripada mereka tidak dibenarkan, tidak boleh lagi pergi ke luar negara, ke universiti-universiti terkemuka, terbaik di dunia kerana biasiswa JPA hanya akan diberikan untuk pelajar-pelajar ini belajar di universiti tempatan. Saya ingin bangkitkan bagi 744 mereka ini, lukanya lebih dalam kerana bukan sahaja pada awalnya akan diberikan biasiswa di universiti tempatan sekarang, kalau mengikut pada 25 Februari 2016, biasiswa dalam negara pun Tuan Yang di-Pertua, ditukarkan kepada pinjaman di mana graduan yang bekerja di sektor awam dikecualikan dan kita tahu sektor awam pun Jabatan Perdana Menteri telah membekukan pengambilan tenaga kerja yang baru.

Maka graduan yang bekerja di GLC, perlu membayar balik separuh daripada jumlah pinjaman dan graduan yang tidak bekerja di sektor awam mahupun GLC perlu membayar balik semua pinjaman tersebut. Ini akhirnya, Ahli Parlimen Ayer Hitam, maklum balas beliau di media Tuan Yang di-Pertua adalah ini bukan keputusan Jemaah Menteri. Jadi saya pun kadangkala kita melahirkan kekecewaan. Inilah ruang yang ada untuk kita bangkitkan beberapa keputusan dasar yang utama yang harus dilihat dan dirungkai semula oleh kerajaan. Kalaulah boleh lebih RM100 juta kita belanjakan untuk pejabat-pejabat kita di luar negara, kita belanjakan banyak lagi.

Kalau dilihat daripada belanjawan pejabat Perdana Menteri begitu tinggi. Kalau tengok bajet Jabatan Perdana Menteri, RM20.3 bilion. Peruntukan untuk pelajar JPA ini ya tidak sampai 1% pun. Jadi pada saya amat mengecewakan dan saya pinta dalam ruang di mana kita melihat dan terpaksa menerima pakai, menelan perbelanjaan bekalan tambahan yang sudah dibelanjakan, kita tidak boleh hendak cuba menyalurkan kepada 744 pelajar dalam ruang melabur dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita petik laporan OECD, melabur Ringgit Malaysia satu dalam pendidikan tinggi, kita dapat pulangan RM6 dalam bentuk cukai kerana graduan-graduan ini tentunya akan pulang, kerja dan di sinilah mereka menyumbang kepada negara. Saya fikir bila masa kita berhadapan, mereka yang berpendidikan *tertiary* hanyalah sekadar 25% hingga 30%. Hendak melawan ini, dia kata *high income nation* Tuan Yang di-Pertua. Hendak melawan dengan negara-negara maju di mana graduan mereka sekitar 80% atau 90%, apalah 30% yang kita sedang gembar-gemburkan.

Jadi ini penting Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap di mana kita bila merangka dasar, harus juga ambil kira kalau kita harapkan semua pelajar akan meneruskan pengajian di peringkat IPTA. Jangan lupa Yang Berhormat Serdang pun sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, mereka sudah belikan tiket, sudah buat penyediaan sudah kerana pengumuman yang dibuat oleh kerajaan begitu di saat akhir, bukanlah untuk perancangan bagi tahun 2017. Ini dilakukan serta-merta.

Pada saya tidak boleh sebegitu kerana kita memberi kesan yang besar kepada nasib graduan-graduan khusus pelajar SPM yang telah bertungkus-lumus dalam keputusan mereka, satu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup penempatan bagi semua pelajar yang gagal atau tidak dibenarkan pergi ke luar negara untuk belajar di IPTA. Jawapan kerajaan mereka ada tempat di IPTS tetapi saya mahu tekankan jumlah kos kursus di IPTS lebih mahal. Tuan Yang di-Pertua harus tahu ya, antaranya nilai sama dengan pengajian di luar negara. Saya ambil contoh universiti *Quest International University Perak* di Malaysia ini, berapa yuran bagi jurusan perubatan di Malaysia setahun, RM249,000. Kalau dilihat pada *International Medical University (IMU)* – RM410,000, *Management and Science University* –RM295,000, *MAHSA University College*, kadang-kadang ditempatkan pelajar di mana, di Hospital PPUM, hospital kerajaan, kurangkan masa untuk latihan bagi para doktor, RM300,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir isu ini sebenarnya menafikan hak pelajar untuk terus ke menara gading. Saya tekan sebelumnya dan saya mahu Yang Berhormat Menteri, tolong ambil secara terbuka cadangan ini. Kalau pada 1995 kita mampu hantar 20% daripada graduan kita ke luar negara, universiti terbaik luar di negara. Kita mampu belanjakan USD700 juta. Pada saya sekarang pengurusan, bagaimana kita beri keutamaan. Bila sudah ada belanjawan tambahan, sekurang-kurangnya di kala ini, kita lakukan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di saat ini ingin membangkitkan isu berkaitan dengan MAS. Walaupun saya akan bangkitkan dengan lebih *detail* lagi di peringkat jawatankuasa tetapi yang saya ingin sebut di sini adalah baru-baru ini kita telah bertemu atau berjumpa dengan beberapa rangka pesawat di Mozambique. Isu yang saya ingin bangkitkan sekali lagi berkaitan dengan kredibiliti kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Kita melunaskan sejumlah belanjawan tambahan untuk Kementerian Pengangkutan berkaitan dengan pencarian MH370 tetapi kita berhadapan dengan pelbagai saman yang dibawa oleh keluarga-keluarga. Mereka mahu isu seperti ganti rugi, kita melanggar perjanjian katanya dan disebabkan kecuaiian dan pelanggaran kewajipan berkanun.

Kerajaan dan MAB sekarang berhujah mereka tidak punyai liabiliti kerana mereka baru sahaja ditubuhkan sebagai sebuah syarikat baru, lapan bulan selepas pesawat MH370 hilang. Maka MAS memindahkan semua aset dan operasi kepada MAB tahun lepas sebagai sebahagian daripada langkah penyusunan semula dan tentunya keluarga mungkin berhadapan dengan kemungkinan tidak dapat dibayar ganti rugi. Saya fikir ini isu penting kerana selain daripada mendapat makluman terkini, adakah pihak ICAO akan mengambil cadangan kira Malaysia bagi melakukan pantauan terhadap pesawat *on a real time basis*, dengan izin tetapi keduanya bagaimanakah kita mampu mendepani masa depan di peringkat perairan udara bila kita dilihat seolah-olah mencari jalan pintas untuk melepaskan diri daripada akauntabiliti. Ini saya rasa pendirian yang penting dijawab oleh kerajaan.

Saya juga sebagai isu terakhir kerana ini berkaitan penstrukturan semula MAS Tuan Yang di-Pertua. Kita kena faham kerana sekarang bila masa Khazanah telah ada dengan perancangannya, *blueprintnya* untuk *rebrand* MAS, kita berhadapan dengan beribu, lebih 6,000 kakitangan MAS dipecat. *Half of the pilots from MAS* Tuan Yang di-Pertua, mereka telah

berpindah kerana begitu buruk layanan yang dikenakan dengan setiap *benefit*, manfaat sebelumnya telah dihapuskan.

Pada masa yang sama, CEO baru MAS, saya akhiri dalam dua minit terakhir, *Christoph Mueller* telah melantik semua warganegara asing untuk mengepalai jawatan-jawatan yang strategik dalam MAS. COO – *Peter Bellew*, CCO – *Paul Simmons*, Chief HR – *Claudia Cadena*, Head of Engineering – *Paul Cere*, Head of Revenue – *Loiue Ju Peleklesis* dan ini tidak termasuk dengan semua para konsultan, para perunding. Jadi persoalan saya bagaimana kita boleh merelakan.

#### ■1600

Kita bercakap tentang bila masa MAS itu dibina satu ketika dahulu, diwujudkan adalah untuk mengupayakan tenaga kerja warganegara Malaysia. Seolah-olah kita tidak ada kepakaran sekalipun sedangkan kitalah di antara peneraju *top airlines* di rantau Asia Tenggara.

Jadi permohonan saya, semua ini wajib dijawab kerana kalau tidak ada pantauan daripada kerajaan, maka kita akan melihat satu trend di mana pembaziranlah menjadi prasyarat utama oleh kerajaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik.

#### 4.00 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun turut bersama untuk membahaskan tambahan bajet yang telah dibelanjakan pada tahun 2015 untuk kita luluskan pada hari ini.

Berdasarkan kepada di sini, saya ingin bercakap soal isu di bawah Kementerian Pendidikan. Yang pertama, kemudahan yang perlu disediakan yang ramai rakan telah perkatakan seperti bilik guru, bangunan yang lama, usang, pendawaian terutama sekali saya melihat soal tandas pun perlu diambil kira oleh pihak kementerian di mana kita melihat kebanyakan sekolah sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah, tandas-tandas mereka, ya lah, sejauh mana sangat nak jaga kalau dah bocor di sana dengan kualiti paip yang dibekalkan pun agak kurang memuaskan. Tiba masanya pihak sekolah, pihak kementerian membekalkan barangan yang berkualiti kerana ini ialah untuk anak-anak kita belajar di sekolah tersebut. Itu perkara yang pertama di peringkat Kementerian Pendidikan.

Isu yang kedua, pendekatan-pendekatan baru yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan ini mesti diperjelaskan kepada ibu bapa dan juga orang ramai. Seperti DLP iaitu memperkasa

dan memperkukuhkan kedua-dua bahasa, bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, di mana sebenarnya ini bukannya paksaan daripada Kementerian Pendidikan. Seperti yang telah dijelaskan oleh kementerian pagi tadi tetapi ialah satu pilihan sama ada di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah yang ada empat syarat tetapi saya rasa ibu bapa tidak menyedari perkara yang berkenaan. Ini yang perlu diperjelaskan kepada masyarakat bahawa dalam hendak memperkasakan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia, ada beberapa peluang yang disediakan oleh kementerian kepada mana-mana sekolah yang cukup syarat.

Malangnya, ada persoalan-persoalan yang timbul seperti mana di luar bandar yang tidak menguasai bahasa Inggeris. Kalau kita lihat keputusan di sekolah rendah, UPSR, keputusan kelulusan sekolah tersebut sebahagian besarnya bergantung pada kelulusan Bahasa Inggeris. Kalau Bahasa Inggeris rendah, maka rendahlah keputusan UPSR tersebut. Begitu juga kita lihat pada tahun ini, UPSR juga pendekatannya akan ambil enam perkara iaitu dua kertas Bahasa Malaysia, dua kertas Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Kadang-kadang ibu bapa tidak menyedari bahawa anak mereka pada tahun ini akan ambil enam subjek. Sejauh mana pihak jabatan, pihak PPD, pihak sekolah, pihak guru menyedarkan kepada PIBG untuk memastikan ada perubahan-perubahan di mana ibu bapa tidak melihat bahawa yang pentingnya kita menuju kepada kecemerlangan.

Begitu juga dalam bila mana pelajar-pelajar naik ke sekolah menengah, PT3. Saya pun pada peringkat awal, kita mengetahui kalau anak-anak memilih KV, kolej vokasional, empat tahun dapat diploma bermula daripada selepas PT3. Dalam jawapan Menteri baru ini pun, rupanya belajar dua tahun mereka boleh ambil sijil yang sama taraf dengan SPM. Kita harap benda-benda yang macam ini perlu diberitahu kepada ibu bapa supaya ibu bapa memahami dan tidaklah ada sebahagian daripada kita memainkan isu seolah-olah pendekatan tersebut boleh merosakkan pendekatan sekolah.

Begitu juga dengan Tingkatan 6. Kita dah tidak ada 6 Bawah, 6 Rendah tetapi kaedah semester di mana sekarang ini pula difahamkan Tingkatan 6 ini kita hendak kumpul pada satu tempat. Ini juga perlu kita memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak ada isu. Kita juga tahu Tingkatan 6 dah boleh pakai baju biasa yang mana ini sekurang-kurangnya dalam masa kita pernah berbahas, tukarkan nama Tingkatan 6 kepada *pre U* dan sebagainya supaya ini adalah untuk memperkasakan lagi pencapaian pelajar-pelajar kita.

Beralih kepada isu yang ketiga iaitu Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya mencadangkan supaya terus diperbanyakkan peruntukan untuk menambah jalan luar bandar dengan kaedah jalan pertanian. Cumanya, kementerian kena pantau. Kalau satu kilometer kita boleh bagi RM75,000 ke RM80,000 untuk buat jalan pertanian, janganlah bubuh batu besar sahaja. Pastikan ikut *specs*, ada buat dia punya parit di mana kita boleh menambahkan jauhnya jalan dalam kawasan kebun, dalam kawasan kampung yang membolehkan orang luar bandar menambah mengeluarkan hasil pendapatan mereka melalui produk pertanian seperti getah dan pelbagai lagi. Itu saya minta supaya di bajet akan datang ditambahkan lagi kerana kita melihat

kebanyakan kawasan pertanian sama ada kelapa sawit, getah dan lain-lain, kita melihat masih kekurangan jalan pertanian.

Dalam masa yang sama, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan juga 'Kementerian Pembangunan' mesti memperkasakan usahawan-usahawan kampung yang mana hari ini bila harga komoditi utama jatuh, ramai di kalangan orang kampung sudah mula beralih menjadi usahawan kecil seperti buat kerepek pisang, kerepek ubi, durian muda yang digoreng sebagai kerepek dan pelbagai lagi, cakar ayam, wajik dan macam-macam.

Cuma, kelemahan yang ada kita lihat ialah di peringkat luar bandar, orang bawah, modal kecil, pembungkusannya masih nampak lemah, masih menggunakan kaedah bubuh plastik, pakai lilin untuk *seal*. Kita kena mencari satu kaedah di mana kerajaan menyediakan sedikit bajet, melatih usahawan-usahawan bawah ini buat satu pembungkusan yang baik.

Sekurang-kurangnya hari ini kita ada satu agensi iaitu Pusat Reka Bentuk di bawah anak syarikat MARA di mana semua kementerian yang nak melahirkan usahawan di bawah ini— yang atas ini tidak apa sebab mereka ada modal besar, yang di mana dengan harga tinggi dan pelbagai untuk mencari jalan bagaimana memperkasakan. Kalau kita tengok kerepek pisang, dengan pembungkusan yang cantik dan menarik. Ini kalau bubuh plastik, bubuh lilin, minat orang hendak membeli barang tersebut pun tidak ada. Jadi di sini. Jadi, salah satu anak syarikat yang ada di bawah MARA iaitu DDEC atau Pusat Reka Bentuk Malaysia.

Cuma yang saya minta ialah supaya kerajaan menyediakan sedikit bantuan. Hari ini, usahawan ini dahlah baru, lepas itu mereka hendak keluar modal untuk menaja dan membayar kaedah pembungkusan...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Gerik yang juga Pengerusi DDEC. Saya nak memuji apa yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Memang di dalam badan-badan kerajaan ini, agensi kerajaan ini, saya hendak memuji langkah yang dibuat terutamanya oleh DDEC dalam usaha untuk memperkasakan terutamanya penjenamaan semula barang-barang yang dikeluarkan oleh usahawan-usahawan IKS ini. Akan tetapi Yang Berhormat, kita juga tahu bahawa agensi lain di bawah kerajaan ini juga ada program-program seumpama ini.

Saya hendak bagi satu contoh iaitu Bahagian Industri Asas Tani atau IAT, itu sendiri di bawah Kementerian Pertanian yang juga ada satu program mengenai *labeling* dan segala-galanya. Jadinya, setuju atau tidak Yang Berhormat dengan cadangan saya supaya mengapa tidak mereka ini semua disatukan dan mungkin diseragamkan, dibuat satu kolaborasi di antara agensi-agensi ini bagi membolehkan lebih ramai lagi usahawan-usahawan IKS ini dapat kita bantu? Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Saya amat bersetuju seperti mana kata Yang Berhormat Parit Sulong. Sudah tiba masanya setiap kementerian jangan ada ego sendiri, masing-masing konon kementerian dia sahaja yang keluar nak membantu usahawan. Adalah lebih baik kita guna *blue ocean strategy*. Mana-mana kementerian yang membantu usahawan, tidak kiralah bumiputera atau tidak bumiputera, berada pada satu tempat membantu. Bagaimana kita boleh duduk berbincang, mungkin macam dengan matriks, ini dah peringkat lebih ini, supaya kita punya usahawan di peringkat kampung ini boleh mengeluarkan produk-produk yang menarik.

■1610

Kalau kita tengok salah satu negeri yang paling berjaya dalam mempromosikan barang yang cantik ini saya tengok dahulu ialah Melaka. Dodolnya yang bila dibuat di dalam kotak yang menarik, memang sebenarnya rasa sedap tidak sedap orang tidak peduli tetapi bila kotak itu cantik dia serupa cerita hendak makan ubat kuatlah kan. Kalau benda yang elok konon buat cerita kata tongkat ali ini boleh kuat maka pakat inilah orang akan membeli benda tersebut.

Begitu juga di bawah usahawan ini saya berharap kerajaan menyediakan juga peruntukan untuk membantu mereka di bawah. Macam RISDA, FELCRA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Mencilah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Hendak minta pandangan sedikit daripada Yang Berhormat Gerik. Saya tengok bantuan-bantuan kewangan kepada usahawan ini dia berada pada banyak kementerian. Kenapa tidak diselaraskan supaya tidak berlaku pertindanan dan penguatkuasaan kepada kerja-kerja keusahawanan termasuk pemasaran sekalipun. Mungkin di bawah MATRADE lain, Kementerian Pertanian lain nanti akan dibuat waktu program besar ini masa kita buat di UPM di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini pun satu benda yang kita lihat ia berterabur, pandangan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gerik ada 3 minit lagi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Nerus. Sebenarnya yang ini sebenarnya saya rasa tanpa kira siapa dia pun kita sebagai Ahli Parlimen merasakan ini yang perlu dibuat penyelarasan supaya bantuan yang diberikan kepada usahawan benar-benar dapat digunakan dan akhirnya kita hendak melihat mereka berjaya.

Begitu juga Kementerian Kesejahteraan Bandar. Kalau boleh pelankan buat kereta tolak, kereta sorong tadi yang macam mana Yang Berhormat Pasir Gudang beritahu. Dengan hanya RM5,000 kita sediakan banyak kereta tolak, mereka boleh berniaga dua jam, tiga jam untuk usahawan tadi sekurang-kurangnya kalau penoreh getah, selepas dia menoreh getah itu sampai pukul 7.00 pagi dia boleh pergi berniaga nasi lemak, contohnya kan. Ini antara yang boleh kita meningkatkan pendapatan rakyat kita yang hari ini rasa kesempitan tetapi sebenarnya masih ada wang, cuma kita rasa dahulu kita lubang kita tidak banyak, hari ini lubang terlampau banyak



menyebabkan kita kena berikhtiar bersungguh-sungguh kerana keperluan ada telefon, *handphone*, Astro dan pelbagai lagi.

Isu yang akhir yang saya hendak sebut ialah biasiswa. Saya rasa apa yang kerajaan buat pada hari ini untuk menanggug pemergian pelajar-pelajar berjaya ke luar negara satu tindakan yang hendak membantu di mana Kementerian Pendidikan Tinggi sentiasa mengatakan universiti dalam negara menjadi universiti yang paling berjaya. Apa salahnya kita hantar pelajar-pelajar kita dalam negara dengan menggunakan biasiswa tadi.

Jikalau seorang di luar negara boleh membiayai tiga empat orang dalam negara adalah lebih baik duit yang kita bagi percuma kepada pelajar-pelajar yang lebih berjaya tadi dapat digunakan sepenuhnya dan kita berharap selepas berjaya ini merekalah akan membangunkan negara menjadi orang yang pandai dan kita cukup bahagia. Jadi masa tidak mengizinkan saya, dengan izin menyokong tambahan bajet RM3 bilion. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rasah.

#### **4.14 ptg.**

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya turut mengambil bahagian dalam perbincangan penambah bajet. Tuan Yang di-Pertua, menurut statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) iaitu pada tahun ini sejumlah empat juta pemilih ataupun rakyat Malaysia masih lagi tidak mendaftar sebagai pemilih. Saya telah pun memperhatikan bajet tambahan pada kali ini sebenarnya SPR juga ada meminta untuk mengadakan penambah bajet untuk suruhanjaya tersebut.

Akan tetapi apa yang ingin saya sebutkan di sini untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebenarnya parti-parti politik telah pun dihentikan untuk melantik Penolong Pendaftar Pengundi Baru. Jadi saya rasa jikalau kerajaan mempunyai hasrat untuk menambahkan pengundi baru saya rasa pihak SPR haruslah membenarkan kesemua parti politik untuk meneruskan kerja-kerja pendaftar pemilih baru. Saya mengambil satu contoh iaitu pada 20 hari bulan Mac, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri di dalam satu perhimpunan ataupun perhimpunan UMNO Selangor, beliau telah pun menjanjikan ganjaran ataupun hadiah tunai sebanyak RM30,000 kepada cawangan yang mendaftar paling banyak pengundi baru di Selangor, hadiah kedua – RM20,000, hadiah ketiga – RM10,000.

Jadi ini menunjukkan apa, ini menunjukkan sebenarnya parti tidak kiralah dari sebelah sana ataupun sebelah sini kita ada tanggungjawab untuk mendaftar pengundi baru tetapi saya berasa kesal. Tadi saya sebut parti politik tidak dibenarkan untuk mendaftar pemilih tetapi UMNO Selangor pula mempunyai hak keistimewaan untuk mendaftar pengundi baru dan mendapat ganjaran yang ditawarkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Jadi dalam perkara ini saya memohon pihak kerajaan dapat memberi satu penjelasan yang munasabah kepada semua Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini.

Pada masa yang sama satu soalan yang saya pernah tujukan kepada pihak kerajaan iaitu sebelum ini Yang Berhormat Menteri di sebelah sana telah pun menjawab saya bahawa satu kajian telah pun dijalankan di mana kajian tersebut menyatakan bahawa parti-parti politik tidak sesuai lagi digunakan untuk mendaftar pemilih baru dan jikalau adanya kajian tersebut saya mohon pihak kerajaan supaya mengemukakan hasil kajian berkenaan kepada semua Ahli-ahli Parlimen ataupun semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini supaya kita mengetahui apa yang sebenarnya hasil kajian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin menyentuh iaitu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Rasah, sedikit. Terima kasih, Yang Berhormat Rasah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Sebenarnya pada pengetahuan kita bahawa sebenarnya jumlah pengundi yang didaftar oleh SPR pada tiga tahun yang lepas ini memang menunjukkan kemerosotan yang sangat serius sebab tidak diberikan peluang kepada parti-parti politik. Parti-parti politik ini dia berlumba-lumba. Kalau UMNO hendak daftarkan pengundi baru, pihak Pakatan pun hendak daftar juga. Jadi kita berlumba-lumba, ini perlumbaan yang sihat, okey.

Akan tetapi sekarang apabila dia hanya bagi satu pihak sahaja iaitu UMNO untuk mendaftarkan pengundi baru maka nampaknya memang tidak adil. Tidak menunjukkan keadilan. Akibatnya rakyat itu dia dimangsakan kerana mereka tidak mendapat tempat untuk mendaftarkan pengundi baru dan merosot. Saya hendak minta Yang Berhormat Rasah kalau boleh tanya berapa kemerosotan itu berbanding lima daripada 2008 sampai 2013 dan sekarang 2013 sampai 2016 berapa kemerosotan itu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Jadi, saya masukkan ucapan Yang Berhormat Bayan Baru ke dalam ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun ini. Yang Berhormat Bukit Katil, sila.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat Rasah sebentar tadi. Adakah Yang Berhormat Rasah mengetahui sebenarnya kalau mengikut maklumat yang kita terima bukan sekadar parti-parti politik di sebelah pembangkang ini tidak dibenarkan menjadi penolong pendaftar tetapi digerakkan JKKK, JASA, KEMAS dan sebagainya agensi kerajaan yang dilihat cenderung bersama-sama dengan parti pemerintah yang telah pun bergerak mendaftar pemilih dan ini tentunya menambahkan lagi masalah dari segi apa yang berlaku kerana pendaftar pemilih ini seharusnya bebas dan tidak terpengaruh dengan mana-mana fahaman politik.

Malah kalau kita lihat misalnya statistik Januari hingga Jun tahun 2010 kita dahulu pernah daftar 107,000 pengundi berbanding dengan Barisan Nasional pada ketika itu 59,000. Maknanya kita lebih aktif mendaftar pemilih. Apa pandangan Yang Berhormat Rasah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Rasah saya hendak memberi pandangan. Kini kita hendak mempelawa semua warganegara untuk mendaftar dan mengundi.

■1620

Jadi sebelum ini pun saya ada membawa cadangan bahawa apabila seseorang itu menjangkau usia 21 tahun, dia sepatutnya dijadikan secara automatik sebagai seorang warganegara untuk mengundi. Cadangan ini perlu diselaraskan, diselidik dan dibawa ke pelaksanaan. Akan tetapi rata-ratanya nampak gaya kerajaan tidak cenderung ataupun tidak ke arah begitu. So, saya merasakan, saya ingin mencadangkan lagi sekali bahawa negara kita sebagai seorang warganegara, hak mereka, hak yang paling bagus dan paling muktamad adalah hak untuk mengundi. Yang ini wajib dilaksanakan secara automatik. Penjelasan dan pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dua lagi. saya terpulang kepada Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat 15 minit, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Penampang. Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Bukan, Batu Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu Gajah, ya sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Penampang dululah Yang Berhormat Sungai Siput. *[Ketawa]*

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mengikut Perlembagaan kita, sesiapa yang telah mencapai umur 21 tahun adalah layak untuk menjadi pengundi. Jadi, apa salahnya hak untuk maksud saya, sesiapa sahaja untuk membantu mereka yang telah mencapai umur 21 tahun itu untuk didaftarkan sebagai pengundi. Saya tidak faham kenapa hak itu hanya diberikan kepada pihak-pihak tertentu sahaja. Hak itu boleh diberikan kepada siapa-siapa sahaja yang hanya hendak membantu mendaftarkannya sebagai seorang pengundi. Lagi pun, saya tidak faham, adakah mengisi borang pemilih itu sebagai pendaftar pengundi itu begitu susah sangat.

Saya rasa semua orang boleh buat. Borang itu adalah borang yang agak mudah dan kita semua pernah buat sebelum ini. Saya tak nampak banyak masalah dalam mengisi borang itu. Jadi apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah Yang Berhormat Rasah. Setuju kah Yang Berhormat Rasah bahawa seperti mana yang diulas oleh Yang Berhormat Bukit Katil, JKK, ketua kampung dan JASA boleh mendaftar pemilih baru. Bolehkah SPR juga memberi kuasa kepada wakil rakyat untuk mendaftar pemilih baru? Terima kasih.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang berminat dengan isu pendaftaran pengundi baru dan saya berharap dalam perkara ini, pihak kementerian ataupun pihak kerajaan boleh memberi satu jawapan di dalam Dewan yang mulia ini. Ucapan-ucapan Yang Berhormat tadi semua masukkan semua ke dalam ucapan saya.

Untuk perkara kedua mengenai Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya saya telah pun mengemukakan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada dua minggu yang lepas. Di mana sebenarnya bajet bagi tahun ini untuk Kementerian Pendidikan, kerajaan tidak memberi pecahan ataupun butiran yang disalurkan, peruntukan yang disalurkan kepada sekolah kebangsaan kepada SJK(C), SJK(T) dan sebagainya.

Jawapan yang saya dapat daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah, Kementerian Pendidikan masih lagi menunggu perincian pembahagian peruntukan mengikut aliran sekolah dari pihak Kementerian Kewangan. Saya rasa ini sesuatu yang tidak berkenaan tengah berlaku sebab sebelum ini, saya merujuk kepada Bajet 2014 dan 2015, setiap tahun kerajaan ataupun Kementerian Pendidikan ada mewujudkan butir-butiran untuk semua aliran sekolah. Katakan SK dapat RM100 juta, SJK(C) dapat RM50 juta, SJK(T) dapat RM50 juta.

Akan tetapi amat pelik sekali, tahun ini saya tak tahu mengapa, sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan sebanyak RM500 juta akan diperuntukkan untuk penyelenggaraan tetapi sampai hari ini, butir-butiran tersebut tidak dapat diketahui oleh kita semua. Jadi saya memohon pihak Kementerian Pendidikan atau pun pihak Kementerian Kewangan boleh memberi satu penjelasan yang munasabah kepada Dewan yang mulia ini.

Perkara kedua dalam isu pendidikan iaitu mengenai pengiktirafan sijil UEC. Saya rasa dalam pengiktirafan sijil UEC ini, baru-baru ini saya ada lihat di satu temu ramah *Sin Chew Daily* bersama Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi di mana beliau kata, pada masa ini pihak kerajaan sedang mengkaji untuk mengiktiraf sijil UEC. Saya ingin hendak merekodkan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi yang sebelum ini iaitu Yang Berhormat Dr. Hou Kok Chung pernah dia mengeluarkan kenyataan di mana kerajaan sebenarnya telah pun mengadakan kerja-kerja pengiktirafan sijil UEC. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi yang sebelum ini telah pun menyatakan bahawa sebenarnya 90% kerja-kerja pengiktirafan telah pun dijalankan. Cuma tinggal 5% lagi isu teknikal.

Saya ingin mohon kepada pihak kerajaan supaya memberi jawapan ataupun penjelasan yang adakah satu pasukan ataupun *task force* telah pun ditubuhkan untuk meninjau ataupun meneliti isu-isu pengiktirafan sijil UEC? Sebab baru-baru ini saya lihat ada Menteri, dia pergi ke

Sarawak, dia kata, *“Oh! Kerajaan akan iktiraf UEC”*. Sudah hendak sampai pilihan raya, dia macam-macam boleh janji. Akan tetapi selepas pilihan raya, tiap-tiap tahun saya bangkitkan isu pengiktirafan UEC tetapi UEC tidak diiktiraf. Ini saya mohon pihak kerajaan untuk menjawab.

Perkara yang terakhir iaitu mengenai Kementerian KPKT. Ini isu kawasan saya sendiri. Saya rasa sejak saya masuk di dalam Dewan ini, setiap kali ada perbahasan, saya ada membangkitkan isu banjir kilat yang dihadapi oleh penduduk kawasan saya iaitu Taman Bukit Emas. Mereka telah pun dihantui oleh bencana banjir kilat selama 24 tahun dan perkara ini sampai hari ini tidak boleh diselesaikan. Saya secara sendiri telah pun menulis kepada Menteri KPKT tetapi sampai hari tiada sebarang tindakan telah pun dilakukan. Jadi, saya mohon pihak kerajaan boleh memandang serius perkara ini kerana adalah tanggungjawab kepada kita semua termasuk kerajaan untuk menjamin kesejahteraan rakyat. Jadi dengan kata-kata ini, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Johor Bahru. Selepas Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Parit Buntar. selepas itu Yang Berhormat Menteri gulung. Ya.

#### **4.27 ptg.**

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan tambahan perbelanjaan yang dituntut oleh kerajaan. Saya hendak menjurus kepada soal yang di bawah Kementerian Pengangkutan dan juga ada kaitannya dengan pihak Jabatan Perdana Menteri iaitu berhubung dengan soal teksi dan juga, dalam keadaan ia berhadapan dengan cabaran daripada perkhidmatan yang dibawa yang dibolehkan melalui teknologi. Perubahan teknologi iaitu Uber, yang mana kepada saya dari segi penggunaan Uber yang begitu popular oleh kalangan generasi muda ialah bahawa kerana ia lebih murah daripada perkhidmatan teksi yang dibuat walaupun secara bermeter.

Umpamanya, kalau saya ambil teksi yang bermeter daripada rumah ke KL Sentral, ia dalam lingkungan harga RM16 hingga RM17. Akan tetapi kalau anak saya menggunakan Uber, bayaran upahan kepada perkhidmatan Uber itu ialah dalam lingkungan RM6 sahaja. Jadi ini satu-satunya yang memperlihatkan Uber mempunyai kelebihan dari segi penawaran perkhidmatan yang kalau ikut dari segi harga yang murah, sistem tidak menggunakan wang, menggunakan kredit kad dan juga ia mudah untuk disusuli melalui teknologi iaitu boleh dianggapkan sebagai agaknya lebih selamat.

Akan tetapi saya hendak menyatakan juga kepentingan saya dalam satu soal, satu pengalaman di Johor Bahru di mana rakan-rakan saya telah memanggil Uber dan mereka mendapati pemandu Uber itu ialah seorang yang pekak. Saya penaung kepada persatuan orang pekak dan perkhidmatan Uber ini sebuah kereta yang dipandu oleh seorang pemandu yang pekak telah dapat mencari pendapatan dengan melibatkan dirinya dalam perkhidmatan Uber.

**■1630**

Akan tetapi sebaliknya saya percaya bahawa seorang yang pekak sedemikian tidak layak untuk memegang lesen PSV. Jadi sebagai penanggu dan penasihat kepada Persatuan Orang Pekak, saya tentunya melihat ini satu perkembangan yang sihat ia memberikan peluang pekerjaan dan peluang mendapat pendapatan bagi golongan orang pekak. Tetapi keseluruhannya saya rasa kita kena lihat semula kepada perkhidmatan teksi di negara kita. Kita lihat bagaimana kita adanya teksi bermeter teksi berkupon, teksi di Airport dengan sistemnya sendiri, teksi bersyarikat dan juga melibatkan pemeriksaan oleh PUSPAKOM dan sebagainya.

Yang fragmentasi dalam perkhidmatan teksi ini, menimbulkan pelbagai kesusahan kepada mereka yang ingin menggunakan teksi. Satu ketika dahulu dalam perjalanan saya dari KLIA ke Kuala Lumpur Sentral dengan menggunakan ERL, saya berpeluang berbincang dengan dua pihak. Satu dari satu keluarga daripada Scandinavia seorang lagi dari Sri Lanka. Orang Sri Lanka sanggup menggunakan teksi bermeter, tetapi keluarga dari Scandinavia ini dia lebih rela untuk menggunakan Kuala Lumpur Monorail kerana mereka agak bimbang kerana mendapat tahu tentang situasi perkhidmatan teksi di negara kita.

Kita tidak boleh elakkan daripada teknologi internet penggunaan alatan seperti *smart phone* dan sebagainya. Tentunya kita kena mencari jalan tengah bagaimana segala tekanan kepada perkhidmatan teksi dapat ubahkan supaya adanya persaingan yang lebih sihat di antara perkhidmatan yang dapat disampaikan melalui Internet, WiFi dan *smart phone* dengan perkhidmatan yang diberikan secara biasa, konvensional melalui jenis-jenis teksi yang ada dalam negara kita.

Sebab itu saya lihat bahawa kita berhadapan dengan satu masalah bahawa sebenarnya mungkin kejayaan Uber itu perkhidmatan teksi melalui Uber sebenarnya menyatakan menjadi bukti yang sahih bahawa perkhidmatan teksi di negara kita perlu sangat mendapatkan perhatian yang serius untuk disusun semula untuk menentukan supaya mereka yang mencari pendapatan, bekerja sebagai pemandu teksi, boleh bersaing dan tidak dibebankan dengan kos-kos yang tidak munasabah.

Sebentar tadi pada tadi dari Kuala Lumpur Sentral saya naik sebuah teksi, eksekutif yang dimiliki oleh seorang pak haji umurnya 62 lebih muda daripada saya dan saya bertanya dan berbincang dengan beliau, dia menyatakan kos yang tinggi walaupun dia membayar hanya RM1,000 sebulan sebagai ansuran kepada teksinya, tetapi peluang untuk mencari penumpang, untuk mencari pendapatan harian begitu sukar sekarang kerana pertamanya kerana terlalu banyak teksi yang melambak-lambak, dan saya rasa kebanyakan teksi ini di bawah syarikat-syarikat teksi dan syarikat-syarikat teksi ini juga sebenarnya di dalam perniagaan menjual kereta dan memajak permit mereka. Jadi tentunya kita boleh ingat kepada masa-masa yang lampau bahawa inilah satu masalah pajakan lesen teksi itu ialah satu sebab mengapa diwujudkan syarikat-syarikat teksi.

Tetapi balik kepada keadaan sekarang, sebenarnya keadaan itu lebih buruk lagi kerana semuanya syarikat-syarikat teksi memajak lesen kepada pemandu-pemandu yang disyaratkan

untuk membeli kenderaan mereka. Akhirnya selepas 10 tahun kenderaan ataupun kenderaan teksi itu sudah buruk dan tidak ada nilai langsung, tetapi tidak pula menjadi beban kepada syarikat malah dijadikan milikan kepada pemandu teksi yang terlibat membeli kereta secara ansuran juga memajak teksi daripada syarikat yang berkenaan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat Johor Bahru berkaitan dengan perkhidmatan teksi yang sedia ada sebab kita sedar banyak *complaint* dan rungutan yang dibuat apabila diperkenalkan perkhidmatan Uber ini, maka katanya ia menyekat rezeki orang-orang yang terlibat dalam teksi yang sedia ada? Tetapi kita juga tahu bawah kebanyakan biasanya sesetengah perkhidmatan teksi ini tidak pun menggunakan meter. Mereka menetapkan harga yang terlebih dahulu. Contohnya di hadapan hotel mereka meletakkan satu harga RM20 contohnya dari Jalan Putra Kuala Lumpur ke Bukit Bintang, dia letakkan harga yang tetap.

Kemudiannya yang kedua adalah keadaan *condition* teksi itu tersebut. Saya sendiri berpengalaman naik teksi dan khabarnya amat menyedihkan *deplorable* tidak sepatutnya menjadi satu perkhidmatan awam kepada orang ramai yang *dichargekan* dengan duit dan seterusnya apakah pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan kereta-kereta sapu yang juga mungkin berkeliaran di sana sini untuk mencari rezeki, contohnya di *airport* dan sebagainya? Mohon pencerahan.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Yang Berhormat, terima kasih di atas pandangan itu. Saya melihatnya kepada soalnya banyak kepada penguatkuasaan. Ianya haruslah penguatkuasaan yang pertamanya ke atas kerana tentunya penguatkuasaan harus lebih berkesan, keduanya tentunya pada saya ialah bahawa kerana adanya keadaan yang begitu *fragmented* atau berpecah bercelaru perkhidmatan teksi kerana adanya kepentingan teksi melalui teksi bersyarikat, adanya teksi berkupon, adanya teksi yang ada *airport* dan perkhidmatan teksi sapu yang berlaku juga di *airport* kita.

Itu bermakna kalau seperti mana yang saya katakan kita kadang-kadang hanya menghadapi masalah, hanya menyedari masalahnya apabila timbulnya perkhidmatan seperti Uber. Ianya dibolehkan oleh teknologi. Kerana teknologi ini membolehkan perkhidmatan Uber ia menunjukkan bagaimana perkhidmatan yang lebih efisien boleh sebenarnya dilakukan dan ia juga ada kaitannya dengan cara kita memantau ataupun memeriksa keadaan teksi-teksi yang terpaksa datang pergi ke PUSPAKOM umpamanya.

Sebab itu beberapa tahun dahulu saya pernah bercakap dan katakan bahawa PUSPAKOM harus memikirkan untuk memfrancaiskan perkhidmatannya supaya adanya pilihan yang lebih luas kepada pemandu-pemandu teksi di mana hendak dihantarkan kenderaan-kenderaan mereka untuk diperiksa. Tidaklah timbul satu keadaan umpamanya di mana kos untuk memeriksa itu seperti mana pemandu teksi pagi tadi menyatakan kepada saya walaupun dia sudah melakukan perkemasan teksinya dihantar ke *workshop* supaya dia boleh lulus pemeriksaan PUSPAKOM, akhirnya bukan hanya sekali boleh lepas, ianya perlu melalui

pemeriksaan dua tiga kali dan setiap kali tentunya ada kos yang dilibatkan. Kita harus lihat juga...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kinabatangan di belakang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Seharusnya pemandu teksi tidak merasa terancam dengan keadaan Uber ini sebab seharusnya mereka melihat bawah itu bukan persaingan yang tidak baik, yang negatif tetapi merupakan cabaran kepada mereka untuk memperbaiki prestasi mereka.

■1640

Sebab saya terbaca dalam dokumentari, pemandu teksi di Malaysia ini antara tujuh negara yang paling penipu dalam dunia. Pemandu teksi di Malaysia. Jadi kalau mereka ini sebab mengenakan pelancong-pelancong asing dengan kadar tidak menggunakan meter, dia caj pelancong asing dengan USD. Jalan dua jam dia kata USD100. Jadi perkara sebegini tidak seharusnya berlaku sebab teksi ini adalah mini duta yang ke depan. Duta kecil yang melayan tetamu-tetamu dari luar negara.

Jadi saya amat bersetuju. Sekiranya bukan itu sahaja. Mungkin ada lagi *transport* yang lain diperkenalkan yang boleh membantu meringankan kesesakan jalan raya kita. Saya perhatikan pemandu teksi Malaysia ini paling tidak berdisiplin. Mereka suka-suka letak kereta mereka, teksi tidak jalan-jalan. Kalau kita hendak jalan boleh, RM30. Jadi ini merupakan satu penipuan dan harus disampaikan mesej kepada mereka. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Johor Bahru. Selepas ini gulung, Yang Berhormat. Ya.

**Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]:** Gulung. Bukan kudung. Saya hendak memberikan jawapan sedikit kepada apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan bahawa sebenarnya masalah Uber ini atau masalah yang dihadapi oleh pemandu teksi dalam soal teknologi yang telah dibawa oleh Uber, digunakan oleh Uber, bukan sahaja berlaku di negara kita. Di Indonesia, saya sebenarnya tidak mendengar banyak sangat *complaint* mengenai dengan perkhidmatan teksi. Ia agak lebih disiplin tetapi mereka juga terasa terancam.

Jadi ia bukan masalah saya rasa tentang soal bagaimana pemandu-pemandu teksi yang tertentu, bilangan yang minoriti tetapi lebih kepada bagaimana kita hendak imbangkan perubahan yang berlaku kerana teknologi yang dibawa oleh Uber dan juga tentunya apabila sudah adanya MRT dan juga penggunaan yang lebih terhadap LRT dan pengangkutan awam yang lain seperti bas, tentu juga industri teksi ini akan merasa tekanannya. Sebab itu perlu saya rasa melihat semula kepada perkhidmatan teksi di negara kita khususnya di Kuala Lumpur, di Johor Bahru bagaimana boleh dikurangkan kos pengendalian dan perkhidmatan teksi itu di pihak pemandu teksi supaya mereka boleh bersaing dengan memberi perkhidmatan yang baik.



Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bawa ialah mengenai yang ada sangkut paut dengan KPKT. Sebentar tadi rakan saya dari Pasir Gudang menyatakan bagaimana perlunya ada perubahan sikap daripada kementerian untuk dibawa kepada PBT supaya dapat ditambahkan kategori yang tidak ada hari ini iaitu seperti *food truck* dan sebagainya.

Selain itu di Johor Bahru, khusus bagi Johor Bahru kerana kita sebuah bandar yang kecil dan taman-taman yang lama telah direka bentuk dengan jalan-jalan yang begitu banyak dan adanya *connectivity* atau perhubungan yang baik di antara satu taman sehinggakan satu taman dengan satu taman dan sehinggakan satu taman itu boleh mempunyai sampai lima jalan keluar atau jalan masuk dan ia menggalakkan kepada keadaan jenayah-jenayah yang di mana mereka yang telah melakukan jenayah ini mudah untuk melarikan diri.

Respons kepada keadaan ini ialah di mana komuniti masing-masing meletakkan atau mewujudkan konsep komuniti *gated and guarded* dan di sini juga pihak PBT haruslah mempunyai satu sikap yang bersesuaian dengan keadaan dan keperluan zaman. Sebenarnya *gated* dan *guarded community* ini membantu untuk mengurangkan berlakunya jenayah. Saya sendiri melihat bagaimana penduduk di taman-taman yang berkenaan begitu berpuas hati dengan keadaan keselamatan mereka. Tidaklah mereka rasa gentar apabila mendengar bunyi motosikal lalu pada sebelah malam di luar rumah mereka kerana mereka pernah diragut dan sebagainya.

Akan tetapi dalam respons kita ataupun dari segi tindak balas kita sebagai pemerintah di peringkat PBT hendaklah lebih positif kepada perubahan-perubahan seperti ini. Di sinilah saya berharap bahawa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengambil satu cara, memikirkan satu cara bagaimana dapat lebih positif, lebih terbuka dan lebih seiring dengan masa dengan kehendak dan keperluan penduduk dalam bandar seperti di Johor Bahru. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

#### **4.45 ptg.**

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini untuk saya meminta penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri. Ada dua perkara yang mungkin melibatkan secara khusus Jabatan Perdana Menteri dan mungkin satu lagi melibatkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ataupun mungkin Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Pertamanya, secara umumnya saya ingin minta penjelasan, hari ini pada 28 Mac, Perdana Menteri telah mengisytiharkan tentang keputusan Syariah Index. Syariah Index telah di~~announce~~ *diannounce* ataupun dimaklumkan kepada kita pada tahun sudah, tahun 2015 di mana Syariah Index ini bertujuan untuk membuat kayu pengukur terhadap sejauh manakah kerajaan dia *comply* dengan syariah ataupun dia sebut sebagai *maqasid* syariah. Itu satu yang kita sokong. Memang

itu benda yang baik. Cuma apa yang saya agak rasa terkejut juga dengan laporan yang diberi apabila saya cuba memperbandingkan dengan kerangka *maqasid* dalam konteks *hifdzul mal* ataupun memelihara harta ini, saya mendapati ada sedikit keraguan ataupun mungkin kami tidak dijelaskan di Parlimen ini apakah pendekatan yang dibuat dari sudut *measurement* kepada syariah *compliance* ini.

Untuk pengetahuan Dewan, skor yang diperoleh oleh Kerajaan Malaysia mengikut Indeks Syariah ini seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri tadi iaitu 75.42% dan 75.42% ini dikategorikan sebagai *very good* mengikut piawaian indeks itu. 80% dikira *excellent*. Saya agak ragu. Sebagai seorang pengkaji *maqasid* dalam hal ini, pertama saya minta pihak yang mengadakan piawaian itu supaya dibentangkan di Parlimen ini. Apakah kaedah yang digunakan untuk tahun 2015 walaupun ia disebut di sini ada *fields of governance* yang dimaksudkan politik, ekonomi, *education, healthcare, culture, infrastructure and also social*, dengan izin.

Akan tetapi apabila saya melihat kepada kerangka *maqasid* dalam konteks perbahasan para ulama secara khusus yang membina satu model *maqasid* harta ini, syariat dari sudut memelihara harta ini, Ibnu 'Asyur antara yang paling awal. Dia telah membuat secara khusus macam mana kita hendak buat satu kayu pengukur, bagaimana sesuatu itu *compliance* dengan *maqasid* yang dikatakan memelihara harta. *Hifdzul mal* ataupun *preservation of property*.

Begitu juga Bin Bayyah pada tahun juga telah membina satu model dan yang terkini adalah Qaradawi. Saya hendak tahu apakah model yang mereka gunakan dalam konteks *maqasid* ini kerana apabila secara umumnya saya tidak ada ruang untuk bagi syarah tentang *maqasid* di sini tetapi *maqasid* secara ringkasnya dari sudut *compliance* kepada menjaga harta oleh kerajaan atau siapa sahaja bermula dengan bagaimana harta itu diperolehi. Dari mana harta itu dapat. So, kalau kita hendak *refer* kepada apa yang ada dalam *governance* itu, isu-isu melibatkan penggunaan tata kelola kewangan contohnya, dari mana dia dapat.

Kedua ialah macam mana dia belanja benda itu. Kita hendak tahu sebab itu merupakan kita punya kayu pengukur. Kemudian ketelusan perjalanannya. Macam mana benda itu berjalan. Sama ada dia ini *accountable* kah, dia ini *transparent* kah atau tidak dan yang penting ialah transaksi dia punya *mudawalah* transaksinya dan pusingan wang itu di mana pergi, barulah kita boleh melihat sama ada harta itu dipelihara ataupun tidak.

#### ■1650

Saya mungkin bersangka baik bahawa yang dimaksudkan dengan 75 peratus itu ialah secara umumnya, secara menyeluruhnya. Akan tetapi kalau kita *go case by case* khusus yang melibatkan 1MDB, khusus yang melibatkan RM2.6 bilion walaupun hingga hari ini tidak ada jawapannya, kalau dirujuk kepada kerangka ini yang telah saya sebutkan, saya akan menyatakan bahawa merujuk kepada kerangka yang saya sebutkan itu, macam mana harta diperolehi, bagaimana dia belanja, ketelusannya dan pulangan serta transaksi dan kesannya kepada awam, saya boleh kata 1MDB, RM2.6 bilion *fail* untuk mengikut kayu pengukur *maqasid* syariah. Akan

tetapi saya tidak tahu bagaimana mereka dapat satu keputusan yang begitu tinggi dalam menceritakan atau mengeluarkan laporan tentang *maqasid* itu.

Jadi, saya minta penjelasanlah supaya saya tidak mahu isu *governance* seperti pentadbiran, tata kelola kewangan ini disalah gunakan dengan nama agama. Nanti dia bagi tahu dekat orang kita ini *syariah compliance* sedangkan macam mana sesuatu itu *syariah compliance* kalau seorang tidak boleh jawab di mana dia dapat duit itu. Itu sudah *fail*. Peringkat awal sudah gagal. Macam mana seorang itu boleh kata dia *syariah compliance* kalau duit yang dibelanjakan itu kita tidak tahu di mana dia belanja, pusingan dia macam mana dan penuh dengan keraguan.

So, bagi saya, saya mintalah supaya Jawatankuasa Indeks Syariah ini supaya benar-benar telus dan bertanggungjawab dan saya mohon supaya dibentangkan di Parlimen supaya kita dapat berbahas apa dia punya piawaian sehingga, *I am quite surprised* dengan izin, 75.42 peratus syariah indeks ini, agak tinggi sebenarnya. Kalau kita tengok Laporan Audit, macam-macam yang berlaku ketirisan. Macam mana Jawatankuasa Indeks Syariah ini tidak rujuk kepada tata kelola kewangan yang sudah pun dibuat oleh Jabatan Audit Negara dan sebagainya. Jadi, itu satu penjelasan yang masih panas lagi, baru di*announce* oleh Perdana Menteri. Saya minta supaya dapat diberikan satu penjelasan kepada kita di sini supaya kita dapat berbahas apakah kayu pengukur yang dipakai sehingga tinggi kita dapat Indeks Syariah.

Yang kedua dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kita berhadapan dengan suasana ekonomi yang mencabar negara kita dan kita tahu yang paling terkesan ialah golongan nelayan, petani, pesawah dan sebagainya. Saya secara khusus ingin merujuk kepada nasib para nelayan di Kepala Batas yang melibatkan 1,000 nelayan dari Kuala Muda, Penaga. Saya berkesempatan untuk menziarahi keluhan mereka itu dan dapat berbincang dengan mereka.

Ada satu isu yang kerajaan perlu ambil tindakan segera yang menyebabkan ia menjejaskan pendapatan nelayan di beberapa perkampungan nelayan di Bakau Tua, Pulau Mertajam, Kampung Tepi Sungai, Kampung Alur, Sungai Derhaka dan Kota Kuala Muda di Kedah. Ia melibatkan dua kawasan, Kedah dan juga Pulau Pinang.

Masalah yang dihadapi ialah para nelayan ini mengalami kesukaran Tuan Yang di-Pertua, untuk keluar masuk ke jeti pendaratan melalui muara Sungai Muda. Di Penaga ada satu pasar yang cukup terkenal dan menjadi tumpuan para peminat, nelayan ini. Dia ada di sana satu dipanggil 'pasar bisik' di mana jual beli ikan dan hasil tangkapan itu dilakukan secara berbisik. Memang ramai nelayan, lebih kurang 1,000 nelayan yang terlibat dalam masalah ini, mereka hendak masuk ke Kuala Sungai Muda itu Tuan Yang di-Pertua, dia punya ini cetek.

Bila cetek, sama ada dia hendak keluar atau dia hendak masuk, dia akan menghadapi masalah. Kadang-kadang dia terpaksa tunggu di mulut muara itu bagi air naik baru dia masuk. Kadang-kadang bila dia masuk, peraih-peraih semua sudah balik dan ini menjejaskan pendapatan mereka. Jadi, saya minta sesuatu dibuat. Mudah sahaja iaitu mendalamkan muara Sungai Kuala Muda ini.

Pada musim tengkujuh yang akan mereka alami tidak lama lagi, dia akan menghadapi satu ketakutan lagi Tuan Yang di-Pertua, ketika mana bot-bot itu terpaksa tunggu sehingga air

cukup untuk mereka lalui. Akan tetapi semasa menunggu itu, di antara muara itu dengan lautan yang terbuka itu ada macam, kalau musim tengkujuh, ombak yang kuat. Sebahagian besar mereka juga ada melaporkan ramai nelayan yang tenggelam kerana pukulan ombak sebab dia tidak boleh masuk, dia kena tunggu. Jadi, bagi saya ini penderitaan nelayan yang kita kena ambil perhatian khususnya di Kepala Batas, Kuala Muda Penaga yang melibatkan 1,000 nelayan.

Perkara ini telah pun dikeluarkan di TV9 pada Mac 2016 di mana mereka telah pun mengeluh dengan masalah yang mereka hadapi kerana sejak daripada tahun 2007 tidak ada pendalaman muara dibuat. Sudah lebih enam tahun tidak ada pendalaman muara dibuat dan ini menjejaskan pendapatan para nelayan yang bilangan mereka seramai 1,000 orang. Saya kira dalam kita cuba hendak memastikan bahawa semua pihak dibela, ekonomi kita hendak kena jaga, saya mohon dan merayu supaya isu nelayan di Kuala Muda yang melibatkan 1,000 nelayan di Penaga ini dengan segera dapat diambil perhatian oleh kerajaan supaya pendapatan mereka tidak terjejas khususnya apabila tiba musim tengkujuh di mana bukan sahaja mereka susah hendak masuk tetapi mereka dalam keadaan yang bahaya.

Sekian dahulu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Minta peluang, pendek sahaja. Boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Tanah Merah.

#### 4.56 ptg.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja. Saya tahu masa sudah dekat pukul 5 ini. Saya hanya hendak sentuh dua perkara. Terima kasih kerana memberi peluang.

Pertama di bawah KKLW mengenai peruntukan kewangan kepada MARA di bawah KKLW bagi tujuan biasiswa dan pinjaman kepada pelajar-pelajar. Saya difahamkan ketika ini kedudukan kewangan MARA dalam soal itu berada dalam keadaan agak kritikal memandangkan peruntukan yang dijanjikan kerajaan masih belum mereka peroleh. Saya menggesalah, mohon kepada kerajaan segerakan tindakan menyalurkan peruntukan tersebut memandangkan ia melibatkan ribuan pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran sama ada di dalam mahupun di luar negara. Kita tidak mahu akibat masalah tersebut menjejaskan pengajian pelajar-pelajar atau pun pelajar-pelajar yang hendak mengambil atau yang akan belajar.

Kedua, saya hendak sentuh pasal MAS. Kita sedia maklum memanglah sekarang ini berbagai-bagai syarikat penerbangan yang kini berada di tanah air yang telah memberi saingan yang kuat kepada syarikat penerbangan nasional MAS. Dalam situasi ekonomi kini, cabaran tentulah untuk MAS sangat hebat. MAS ini, dengan izin, adalah *our national airlines*. Kita berbangga dan sentimental bila menaiki dan menggunakan perkhidmatan MAS. Kita rasa, a *sense of belonging* bila kita terbang menggunakan MAS.

Apa yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai keadaan MAS sekarang ini tidak mesra pelanggan di mana saya dapati bermula 31 Disember yang lalu, kaunter-kaunter MAS di semua lapangan terbang kecuali KLIA di Semenanjung, semua kaunter MAS telah pun ditutup. Ini menyukarkan kepada pelanggan kerana bila kaunter ini ditutup, kalau kita atau pelanggan ini dia hendak pergi naik kapal terbang MAS, bila dia tengok sampai dekat *airport*, sejam lagi malah sejam, dua jam pun dia tengok kaunter MAS sudah tutup, dia tidak boleh beli tiket. Kalau dia hendak beli tiket, dia kena telefon dan hendak telefon pula kena telefon dua jam sebelum penerbangan itu *depart*, terbang.

Masalah bila kita menggunakan perkhidmatan telefon ini pula, cubalah kita *call*, telefonlah mana-mana talian MAS, pasti menunggu lama. Kalau 20 minit itu adalah biasa menunggu. Bila tengah-tengah menunggu, bila dapat sahaja, dia *hang* pula. Jadi, nampak sangat jelas tidak praktikal.

Apa yang saya mohon supaya kaunter-kaunter MAS di semua *airport* diadakan semula. Kalau saya tengok macam contoh di Kota Bharu, di Kota Bharu ini, semua— boleh dikatakan bukan sahaja di Kota Bharu, saya percaya dekat semua *airport*, semua ada— AirAsia, Firefly, Malindo dan yang terbaru Rayani Air, semua ada kaunter kecuali MAS tidak ada. Yang ada ditutup. Saya tidak faham kenapa perkara ini berlaku kerana kalau kita hendak buat penukaran, hendak buat *endorsement*, hendak bayar penalti, bila tidak ada kaunter, memang sukar.

#### ■1700

Saya berpengalaman baru-baru ini. Saya ada kelmarin, malah *yesterday* saya hendak naik kapal terbang daripada Kota Bharu pukul 4 petang lebih. Bukan semalam, hari Sabtu dengan izin maaf hari Sabtu lepas. Apabila saya tengok MAS, kapal terbang itu kosong. Kemudian ada sebuah keluarga dia hendak naik pukul 4.35 petang tidak boleh kerana kaunter tidak ada. Saya dapatlah naik kapal terbang itu. Saya tengok kosong.

Ini menunjukkan apabila tiada kaunter menjejaskan perkhidmatan itu. Jadi sudahlah kita baru-baru ini kita sudah luluskan bajet untuk MAS ditukar kepada MAB. Saya harap sangat kementerian dapat melihat perkara ini kerana saya difahamkan alasan kakitangan MAS kenapa tutup, ini arahan Khazanah. Jadi itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 5.01 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2015) 2016 dan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2016 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan sangat menghargai akan cadangan, pandangan dan teguran yang telah diberi terhadap beberapa perkara yang dibentangkan dalam rang undang-undang tersebut. Terdapat

pelbagai isu yang menyentuh dasar kerajaan yang telah dibangkitkan. Saya akan menjawab dan memberi penjelasan terhadap persoalan yang dibangkitkan yang menyentuh perbekalan tambahan yang dibentangkan ini.

Bagi isu-isu khusus ia akan diberi perhatian oleh rakan-rakan saya semasa perbahasan di peringkat Jawatankuasa kelak dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, suka saya maklumkan perhatian dan pertimbangan sewajarnya akan diberi bagi menangani perkara tersebut.

Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini adalah seramai 19 orang. Tidak perlu saya sebutkan, cuma saya hendak jawab soalan ini satu persatu. Mengenai soalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bagan bertanyakan bilakah pengganti Gabenor Bank Negara akan diumumkan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bagan bahawa pengumuman untuk melantik wakil ataupun mereka yang akan menggantikan Gabenor Bank Negara sedia ada akan dibuat oleh kerajaan dalam masa yang terdekat. Saya percaya bahawa kerajaan akan mengambil kira semua faktor yang diperlukan oleh seorang Gabenor untuk memegang jawatan ini.

Kemudian Yang Berhormat Sungai Siput bertanyakan sama ada bajet tambahan ini adalah ada tak lagi bajet tambahan selepas ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Siput, bajet tambahan ini adalah *the only* bajet tambahan yang akan dibentangkan untuk tahun 2015. Tidak ada lagi bajet tambahan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Siput, bajet tambahan pada tahun 1993 kita pernah buat empat kali. Kemudian ia kurang kepada tiga kali sehinggalah pada tahun 2014 kita buat dua kali dan 2015 ialah sekali.

Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat yang berada dalam Dewan ini, bajet tambahan in setiap tahun ia kena ada satu minimum. Ia adalah kerana apabila kita membentangkan bajet *proper* setiap bulan Oktober setiap tahun kita sentiasa memperuntukkan dipanggil *contingency budget* untuk OE atau *operating expenditure* RM1.5 bilion *and the DE* atau *development expenditure* RM2 bilion.

Jadi kedua-dua peruntukan *contingency* ini kita kena bentangkan semula kepada Parlimen untuk memberitahu Parlimen bagaimana kita menggunakan OE dan DE ini dalam bentuk *contingency* yang perlu dibentangkan kepada Parlimen. Juga dalam masa yang sama mana-mana akaun kutipan hasil kalau ada lebihan kita keluarkan daripada lebihan masuk kepada tabung-tabung pembangunan dan sebagainya perlu dibawa ke Parlimen. Jadi pembentangan bajet tambahan ini perlu diadakan setiap tahun sekurang-kurangnya sekali. Jadi kerajaan cuba memastikan bahawa bajet tambahan ini tidak lebih daripada satu iaitu kita *limitkan* kepada *expenditure* yang kita tidak huraikan sewaktu pembentangan bajet.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pokok Sena bagaimanakah kerajaan atau Kementerian Kewangan memperuntukkan bajet untuk setiap kementerian. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pokok Sena, setiap tahun kita akan memastikan bahawa setiap kementerian akan menghantar keperluan mereka setiap tahun iaitu termasuklah semua perbelanjaan *operating expenditure* dan juga *development expenditure*.

Jadi *operating expenditure* ini *very fixed*. Itu kita punya emolumen, kita punya komitmen untuk bayar sewa, utiliti, kita punya *running order* kementerian, *maintenance* dan sebagainya. Akan tetapi untuk DE mereka akan minta *development expenditure* sebanyak mana yang boleh tetapi EPU akan menetapkan berapa banyak kah sesuatu perbelanjaan DE yang perlu di *allocate* kepada kementerian bergantung kepada *projection* hasil yang akan diterima oleh kerajaan pada satu-satu tahun. Itu prosesnya.

Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena bahawa kalaulah terdapat sebarang...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Bharu bangun. *Sorry* Yang Berhormat Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja Yang Berhormat Menteri tentang Bajet Belanjawan Tambahan. Beberapa bulan yang lalu Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah membuat pengumuman apa yang dipanggil dengan izin *recalibration of the budget*, penyesuaian, penyelarasan dan sebagainya yang mengakibatkan diumumkan pengurangan-pengurangan perbelanjaan-perbelanjaan yang melibatkan saya yakin pengurusan dan juga pembangunan.

Adakah ini pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sepatutnya juga dibentangkan dalam satu kertas atau usul seperti yang dibentangkan hari ini untuk 2015? Akan tetapi cadangan *recalibration* dan keputusan *recalibration* itu tidakkah sepatutnya dijadikan juga dalam bentuk sidang Dewan Rakyat dan pembentangan seperti yang dilakukan oleh Yang Berhormat ini? Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat *recalibration budget* ini adalah lebih kepada bajet yang dikendalikan secara *internal* iaitu kita mengambil kira apa sahaja bajet yang telah diluluskan di Parlimen pada Oktober 2015 untuk tahun 2016 makna kita pastikan bahawa apa sahaja perancangan yang dibuat untuk *recalibrate budget* ini tidak boleh melebihi apa yang telah diluluskan oleh Parlimen.

Apa yang telah dibuat oleh pihak kerajaan adalah kita memastikan bahawa apabila kita melihat suatu kesan ekonomi yang berlaku terhadap kekurangan pendapatan contohnya dalam kes kita sekarang ini ialah penurunan harga minyak yang begitu mendadak sewaktu kita buat bajet Oktober 2015, sewaktu kita umumkan bajet untuk 2016 pada Oktober 2015 kita telah mengguna pakai *projection revenue* kita ialah *USD48 per barrel*.

Akan tetapi apabila bulan Januari ataupun hujung bulan Disember 2015 apabila kita tengok harga minyak sudah mencecah USD30 per barrel kita merasakan ada *gap* dekat situ USD48 dan juga USD30 sebanyak USD18. Jadi USD18 ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, kalaulah kita berbelanja seperti mana kita bajet USD48, maka defisit kita akan berkembang. Oleh sebab itu kita buat *recalibration budget* ialah untuk menyesuaikan pendapatan kerajaan. Jadi sudah tentu adalah sebahagian kementerian yang terlibat dari segi perbelanjaan potongan ini dan itu adalah untuk memastikan bahawa kita berbelanja mengikut pendapatan yang bakal

diterima dan kita juga untuk memastikan bahawa fiskal defisit kita tidak tersasar daripada apa yang telah kita jangkakan iaitu kita hendak pada tahun 2020 kita mempunyai bajet yang berimbang.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan bangun. Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sebut tentang masalah bajet yang tidak berimbang atau tak *balance budget* di mana setiap tahun Kerajaan Malaysia menghadapi defisit. Saya rasa tahun terakhir di mana Malaysia mengalami bajet yang berimbang ataupun lebih adalah tahun 1998 iaitu tahun terakhir Datuk Seri Anwar menjadi Menteri Kewangan.

■1710

Sejak 18 tahun ini tidak pernah setahun pun ada lebih dan keadaan sekarang macam mana kita boleh menuju ke arah itu untuk mengurangkan defisit yang dialami khususnya bila kita ada masalah dengan 1MDB seperti saya sebut dalam ucapan tadi. Apakah formula yang boleh dipakai untuk membolehkan Gabenor Bank Negara – Saya terima kasih tadi menyebut bahawa tentulah pengumuman akan dibuat bila masa sampai tapi apa formula yang akan digunakan oleh pihak kementerian bagi membolehkan Gabenor Bank Negara mampu untuk mengatasinya supaya bila dia serahkan tugas kemudian, dia akan serahkan dengan izin, saya petik apa yang disebut oleh Gabenor Bank Negara, “*Hand over with a clean slate*”, dengan izin terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan. Seperti mana yang saya sebut tadi bahawa jawatan Gabenor Bank Negara ini bukan semua orang boleh pegang. Dia tidak boleh *any man on the street hold this* jawatan kerana orang yang memegang jawatan Gabenor ini mestilah orang yang mempunyai pengalaman *understanding on monetary policies, fiscal policy, global economy*. So, dia mesti mempunyai pengalaman dari segi mentadbir urusan ekonomi sesebuah negara ataupun memahami dari segi kesan ekonomi untuk mentadbir dan menjalankan dasar atau polisi.

Saya mengambil pandangan Yang Berhormat Bagan tadi iaitu dalam ucapan Yang Berhormat Bagan sebut Gabenor Bank Negara hari ini telah mengumumkan bahawa beliau akan menumpukan *balance of* dia punya *contract* iaitu *end of April* untuk menyelesaikan kes 1MDB. Jadi kes 1MDB ini ada dua, satu yang dibuat sendiri oleh 1MDB untuk *rationalization*. 1MDB, pihak pengurusan telah mengambil maklum bahawa dari segi konteks peniagaan atau *business model economy* 1MDB ini memang tidak *sustainable because you cannot rely heavily on your debt in order for you to grow your business*. So, jadi sebab itu oleh sebab mereka telah mengambil maklum tentang kesannya maka mereka membuat *rationalization, divestment some of the asset*.

Kedua, Yang Berhormat Bagan sebut tadi ialah bagaimana Bank Negara punya tugas hari ini. Bank Negara hari ini ialah mereka telah menyiapkan penyiasatan dan mereka mendapati bahawa ada *administrative issues* iaitu mereka waktu memohon kelulusan Bank Negara



mengeluarkan duit untuk membuat pelaburan kadar A, B, C. Kemudian dalam proses duit itu telah dikeluarkan kemudian dibuat pelaburan untuk E, F, G. Jadi tujuan minta kepada Bank Negara untuk A, B, C dan akhirnya dia guna pakai untuk jadi *murabaha* dan sebagainya, yang ini Bank Negara menyatakan bahawa ia adalah *administrative*.

Jadi, *paper* ini saya difahamkan oleh pihak Bank Negara mereka akan hantar kepada AG maka AG akan lihat perkara ini dan dia boleh menyebabkan keputusan untuk *fine* 1MDB. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bagan, kita ada dua di sini iaitu Bank Negara, *jurisdiction under financial institution, all bank and development under* Bank Negara. akan tetapi ada juga syarikat-syarikat yang tidak ada dalam *jurisdiction* tetapi melibatkan wang keluar masuk daripada negara kita maka Bank Negara juga mempunyai kuasa *administrative* untuk menentukan *penalty* ataupun...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Tadi cakap denda, akan denda 1MDB

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** *Administrative* ini selalunya dalam bentuk *fine*.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Denda macam mana...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** *It's not a criminal, it is a fine.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** So, denda kah, belum denda lagi?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** *No, no, they have to forward, because Bank Negara tidak ada hak menentukan denda, they have to forward to AG, for AG to decide.*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Jumlah tidak tahu berapa? So, tapi ini tidak ada unsur-unsur jenayah.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tidak ada, *as far as Bank Negara is concern, administrative is not a criminal.*

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya menyambut apa yang disebut Yang Berhormat tadi bahawa Gabenor Bank Negara haruslah datang dari seseorang individu yang berkaliber maka mungkin Yang Berhormat boleh menjawab adakah Tan Sri Dr. Mohd Irwan Serigar Abdullah akan diambil kira sebagai salah seorang calon. Memandangkan beliau merupakan pengarah Syarikat Pembinaan PFI Sdn. Bhd. yang mempunyai liabiliti RM17.4 bilion dan juga terlibat dalam badan pengurusan 1MDB? Terima kasih, itu sahaja.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey, Yang Berhormat Lembah Pantai saya tidak boleh jawab soalan itu tetapi faktor-faktor itu juga menjadi *consideration* kepada siapa-siapa hendak jadi Gabenor Bank Negara.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Menteri kalau boleh mencelah, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak *follow up* sedikit tentang apa yang dibangkitkan Yang Berhormat Bagan tadi tentang *administrative action* yang dikatakan oleh Gabenor Zeti. Saya hendak tanya isu ini ialah tentang isu *administrative action* iaitu satu *court order* untuk bawa balik duit itu, RM1.8 bilion, RM1.9 bilion. Dia bukan sahaja *just fine* kepada pendapat sayalah sebagai seorang peguam. *Administrative action* ialah di mana dia minta AG buat a *mandamus order*, minta 1MDB bawa balik wang RM1.9 bilion. Minta pandangan, terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Dalam penyiasatan Bank Negara terhadap isu ini 1MDB telah memberi kerjasama kepada pihak Bank Negara untuk memberitahu kepada Bank Negara bahawa mereka telah menggunakan wang tersebut untuk perkara-perkara lain iaitu pelaburan berbentuk *murabaha*. Jadi apabila dia telah tukar pelaburan itu dalam bentuk *murabaha* dan sebahagian daripada *murabaha* ini juga telah dipulangkan balik kepada 1MDB kemudian telah diguna untuk *services interest* dan sebagainya maka sudah tentu 1MDB tidak boleh memulangkan balik RM1.8 bilion seperti mana yang diminta oleh Bank Negara. Maka di situlah terletak *administrative*.

Saya bagi contoh, ramai orang tidak faham pasal *administrative* ini. Kalau macam seseorang meminta permohonan, kelulusan daripada pihak Bank Negara untuk bawa keluar RM1 juta ataupun USD10 juta untuk melabur kepada syarikat A, B, C, D di Jakarta, contoh. Kemudian apabila Bank Negara bagi kelulusan kita bawa keluar RM10 juta sampai di Jakarta kita tidak beli syarikat itu tetapi kita beli syarikat lain. Akan tetapi, kita tunjuk kepada Bank Negara apabila Bank Negara membawa *query whether you buy that investment or not, they said no I buy B*, syarikat B. So, ini telah dikenal pasti sebagai *administrative*.

Ini kerana *administrative* ini sangat penting kepada Bank Negara ialah untuk memastikan bahawa *any investment* yang keluar daripada negara kita mesti pastikan bahawa dia ada *value added* kepada negara. Itu sebab *administrative* ini sangat penting bagi Bank Negara untuk memastikan bahawa semua orang kena *comply*. Jadi kalau tidak *comply* maka dia ada dia punya *administrative fined* yang dia kena, dia boleh buat dan hantar kepada AG untuk buat keputusan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bagan bangun. Sila.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nampak hanya Bank Negara sahaja yang mengambil tindakan, bukanlah agensi-agensi lain seperti yang dijanjikan sebelum ini. Jadi di sini memandangkan bahawa yang sepatutnya yang mengambil tindakan dari segi jenayah kerana jumlah wang begitu besar tercicir ataupun berlakunya ketirisan.

Bolehkah saya dapat tahu sekiranya Bank Negara – ini saya hanya tumpu kepada Bank Negara, bukanlah unsur-unsur jenayah lain. Akan tetapi, untuk Bank Negara apabila denda dikenakan adakah ia dibayar oleh 1MDB ataupun oleh pegawai yang melakukan kesalahan ini. Ini kerana sekiranya dibayar oleh 1MDB ini bermakna rakyat yang bayar walaupun bukan salah

rakyat kerana ia akhirnya adalah milikan Kerajaan Malaysia. Sekiranya boleh dapat sedikit penjelasan, dibayar oleh pihak yang bertanggungjawab saya rasa barulah patut. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan. Kalau ikut prosedur ialah bila *investigation* dibuat kepada pihak 1MDB, *fine* itu dibayar oleh syarikat 1MDB *not individual*. Saya teruskan, Yang Berhormat Sungai Siput ada juga tadi tanya...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat tadi jawapan sudah habis, ada lagi?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Tadi *you* cakap pasal bagaimana ketirisan. Saya percaya bila Bajet ini MoF bagi kepada semua kementerian maka adalah tanggungjawab kementerian tersebut untuk pastikan bajet yang kita bagi sama ada OE atau DE dibelanjakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Sekiranya terdapat ketirisan maka KSU atau SUB atau mana-mana kakitangan yang mempunyai kuasa untuk memastikan prosedur ini *dicomply* mestilah bertanggungjawab. Jadi ini adalah *administration*. Jadi KSU kena bertanggungjawab, SUB kena bertanggungjawab, pengarah-pengarah yang terlibat kena bertanggungjawab sebab kalau semua diletak di MoF adalah *impossible for us to monitor all the ministry*. Akan tetapi kita ada prosedur tatacara dan sebagainya kepada setiap kementerian. Okey, saya terus.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena bangun. Ya, sila.

#### ■1720

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah MoF membuat penilaian terhadap prosedur-prosedur yang telah ditetapkan itu? Sebab kalau kita lihat kadang-kadang dalam kes kebas, KBS ini, pembayaran-pembayaran tunai itu yang menjurus kepada berlakunya kepada ketirisan dan akhirnya kehilangan. Jadi, tidakkah kementerian dapat menilai atau pun mengkaji balik prosedur-prosedur tersebut?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. MOF sentiasa mengambil kira setiap kali apabila ada *Audit Report* keluar, kita akan pastikan bahawa prosedur-prosedur ini akan kita beri balik kepada kementerian-kementerian untuk kita *improve* kita punya sistem, *from time to time*, kita akan- ini kes- okey KBS ini adalah melibatkan lagi satu agensi dalam kementerian tersebut iaitu MSN. Jadi di situ mungkin ada sedikit prosedur yang tidak *follow*, jadi *detail* itu bolehlah tanya Yang Berhormat Menteri KBS.

Saya juga ingin menjawab soalan Yang Berhormat Bagan Serai. Yang Berhormat Bagan Serai mengatakan bahawa pentingnya tabung penyelenggaraan sekolah untuk diperuntukkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Bagan Serai, pada bajet yang lepas, waktu kita bentang pada Oktober 2015, kita telah memperuntukkan RM750 juta untuk penyelenggaraan sekolah. Jadi sekolah-sekolah yang kita beri RM750 juta ini adalah terdiri daripada sekolah kebangsaan RM450 juta, sekolah jenis kebangsaan Cina RM50 juta, sekolah jenis kebangsaan Tamil RM50 juta, sekolah mubaligh RM50 juta, sekolah berasrama penuh RM50 juta, sekolah agama bantuan

kerajaan RM50 juta, sekolah pondok berdaftar RM25 juta, sekolah menengah kebangsaan cina atau pun *conforming school* yang mengguna pakai kokurikulum kebangsaan RM25 juta.

RM750 juta ini tidak cukup oleh sebab apabila sekolah-sekolah ini, kita ingat 2015 berlaku banjir. Banyak sekolah ini berlaku banjir, habis semua, jadi sebab itu, RM125 juta ini diperuntukkan untuk membayar balik perbelanjaan-perbelanjaan yang dipanggil *additional* untuk memperbaiki balik sekolah-sekolah tersebut. Banyak sekolahlah, *I think I have all the details*. Jadi itu sebab kita dapatkan bajet tambahan ini untuk membiayai bencana banjir yang berlaku pada tahun lepas.

Yang Berhormat Tebrau bertanya kenapa EPF tidak membayar khairat kematian selepas enam bulan terutama kepada mereka yang masih mencarum umur 55 tahun sebelum 55 tahun meninggal kemudian selepas enam bulan, apabila waris datang, bawa surat kematian dan *probate* dia cakap, katakan, masa telah luput lebih enam bulan. Saya difahamkan oleh pihak EPF, mana-mana kes yang spesifik macam ini, selalunya EPF akan mempertimbangkan bayaran khairat kematian sebanyak RM2,500 tersebut.

Untuk mereka yang meninggal selepas umur 55, maka khairat kematian itu tidak termasuk dalam konteks ini kerana pada umur 55, mereka semua boleh keluarkan wang caruman mereka. Sebab itu alasan yang diberi EPF, maka tidak boleh dibayar selepas umur 55. Akan tetapi oleh sebab kita punya had bersara ini telah meningkat kepada 60, jadi saya akan cadangkan kepada pihak EPF, untuk pengetahuan Yang Berhormat Tebrau, untuk mereka menilai semula bagaimana boleh mempertimbangkan khairat kematian ini melebihi umur 55.

Kemudian...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ini berkenaan dengan soalan saya berkaitan dengan B12, Pembayaran Bayaran Tetap. *What was the RM2.1 billion for?* Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Pembayaran Bayaran Tetap. *This* Pembayaran, Bayaran Tetap ini adalah *including the RM 3.3 million*. Okey, Pembayaran Bayaran Tetap itu adalah lebih daripada kutipan hasil. Dalam akaun hasil, apabila *you* kutip lebih, *so the balance of that* kutipan hasil itu, *you will not keep in the* kutipan hasil punya akaun *but you transfer* untuk *development account*. So, apabila *you transfer* dalam *development account*, maka apabila kita buat pembangunan, selalunya kita pinjam duit, maka pinjaman kita akan kurang sebanyak dua bilion. *That is the reason why we transfer. We are not spending as expenses but we transfer the excess of that* kutipan *to the* tabung pembangunan. Kalau tidak ada *excess* bermakna kita punya tabung pembangunan akan meningkat dua bilion. Oleh sebab ada *excess*, maka kita kurang dua bilion, *in terms of cash*.

Yang Berhormat Batu ada sebut pasal Kementerian Luar Negeri telah belanja RM132 juta *extra budget*. Seperti mana yang untuk pengetahuan Yang Berhormat Batu bahawa

Kementerian Luar Negeri ini ia mempunyai 84 buah negara yang menjadi pusat perwakilan daripada 110 perwakilan Malaysia di 84 buah negara. Apabila kita punya *currency affected, depleted*, jadi dia banyak *expenses* yang terlibat daripada kementerian luar yg di luar jangka dan dalam masa yang sama, kita juga ada mengadakan mesyuarat antarabangsa iaitu termasuk menghadiri ASEAN, OIC dan juga Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang terlebih perbelanjaan sebanyak RM132 bilion.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya menteri, apabila ahli-ahli politik dilantik menjadi *ambassador*, adakah mereka ini akan mengikut peruntukan yang telah pun dikhaskan untuk satu-satu kedutaan itu atau pun adakah peruntukan-peruntukan khas diberikan kerana mereka ini Menteri? Sebagai contoh, datang, gred yang dinaikkan atau pun *facilities* berbeza daripada karier diplomat? Sebab trend nampaknya yang ada sekarang ini, ramai ahli politik yang dilantik menjadi *ambassador-ambassador* sekarang ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk MOF, setiap pejabat perwakilan ini, dia mengikut bajet, tak kira siapa dia punya *ambassador*. *We follow strictly the budget*. So, kalau sesuatu *expenditure* yang *exceed* itu, mereka kena jawab kepada kementerian mereka. Jadi saya difahamkan *RM132 million* yang *exceed* ini, mereka telah bagi *detail account, why it's exceeded RM132 million?* Dia tidak ada beza sama ada *you* bertaraf Menteri atau tidak, tetapi bajet untuk pejabat-pejabat perwakilan ini masih tetap sama.

Okey, saya teruskan. Yang Berhormat Sepang sebut tadi, kumpulan wang pelajar miskin. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, sebenarnya bukanlah kerajaan mengurangkan peruntukan ini tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Sepang, kumpulan wang pelajar miskin ini, kita ada *balance* RM190 juta waktu kita buat bajet. *Balance* ini datang dari mana? *Balance* ini datang daripada *numbers of years*, apabila kita *spent RM200 million, RM200 million, RM 200 million*. Ada wang *spent* RM180 juta, RM 190 juta. Jadi *cumulative of these figures*, sampai 2015, sewaktu kita *present budget*, ada *balance* dalam akaun dia, aliran tunai, RM190 juta lebih. Jadi kerajaan mengatakan bahawa kenapa hendak bagi lagi? *You* tambah RM190 juta, genapkan lagi RM200 juta, *you must spend this money*.

*So, the details*, dia bagi *very specific details*, apa yang kita bagi, semua ada dalam kita punya laporan tetapi kalau Yang Berhormat hendak, nanti saya boleh bagikan *details* dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya tadi banyak soalan lainlah tetapi kalau Yang Berhormat Menteri, saya hendak *details* dia lah. Cuma saya ada sedikit

musykil, Yang Berhormat Menteri. Kalau betul RM200 juta dan *balance* ada lagi RM 190 juta ketika kita *present budget* itu, ada RM 190 juta, bermakna sehingga 2015 itu, bulan 10 itu, kita ada RM190 juta. Akan tetapi saya hendak kongsi di sini, apa yang dilaporkan oleh kenyataan daripada Timbalan Ketua Setiausaha Bahagian Pengurusan Kementerian Pendidikan, Dato' Wan Khazanah Wan Ismail. Ini dalam *Harian Metro*, 17 Oktober 2015 dan juga dalam *interview* dia dengan TV3 .

■1730

Okey, saya bacakan apa yang dikatakan berdasarkan rekod kementerian pada tahun lepas 2015 lebih kurang 975,358 pelajar menerima bantuan tabung berkenaan berbanding hanya 30,833 orang pada tahun 2003. Okey dia kata, sehingga Ogos tahun ini iaitu 2015 jumlah perbelanjaan pada PR1MA adalah sebanyak 172,034 juta. Maknanya, sudah belanjakan 172 juta, kalau ada 190 juta macam mana sudah belanja 172 juta kata ada *balance* lagi 190 juta. Jadi saya nampak berbanding 87.7 juta pada tahun 2003. Jadi dan juga dia menyatakan ketika sewaktu dia minta supaya orang ramai tolong juga sumbangkan kepada dana itu. Jadi saya merasa hairan macam mana kalau ada 190 juta kita kurangkan dan tambah lagi 10 juta tahun 2016 ini, sedangkan sudah belanja RM170 juta. Jadi, jawapan itu macam tidak logik Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ini Yang Berhormat Sepang saya ingat kalau baca *Harian Metro* ini saya pun tak tahu dia minta *the figures*. Kadang-kadang surat khabar ini pun bila kita sebut tetapi saya punya *figures*. Saya punya *figures* ini pada 31 Disember 2015, saya bercakap di dalam Parlimen bukan *Harian Metro*. 31 Disember 2015 Kumpulan Wang Pelajar Miskin berjumlah RM198 juta digazet, jadi apabila kita *present* semasa bajet itu kita *allocate* RM10 juta. *So*, apa yang kita *spend* untuk ini, saya bacakan kalau *you* hendak *detail I give you*. Kumpulan Wang Pelajar Miskin ini apa dia, bantuan pelajar miskin yang memperoleh pendapatan keluarga sebulan kurang daripada RM760 di Semenanjung Malaysia dan RM910 di Sarawak dan RM1,050 di Sabah berdasarkan kepada maklumat ICU.

Sekolah rendah Darjah 1 sampai Darjah 6. Bantuan persekolahan RM200 setahun seramai 989,987 pelajar campur 250,000 pelajar pelarasan iaitu dia ada buat *adjustment*. Bantuan Tingkatan 1, bantuan am persekolahan RM200 setahun, 189,225 pelajar miskin campur *additional* 85,000 pelajar. Bantuan kes kecemasan masuk di dalam tabung ini juga, bantuan am persekolahan RM200 setahun, 35,000 pelajar untuk sekolah rendah. Bantuan am persekolahan sekolah menengah RM200, 29,000. Bantuan bulanan sekolah RM500 setahun kepada 25,000 pelajar. RM50 sebulan kali 10 bulan, bantuan bulanan sekolah rendah RM600 setahun kepada 20,000 pelajar.

*All these details* ada, jadi saya ingat lepas ini saya bagi Yang Berhormat Sepang boleh panggil *reporter Metro* itu suruh dia tanya dan saya akan suruh Kementerian Pendidikan tanya dengan siapa pegawai tadi yang bercakap di dalam *Metro* itu?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Nama dia adalah Timbalan Ketua Setiausaha...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Ataupun nanti Yang Berhormat Menteri suruh akan tanya ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pengurusan Kementerian Pendidikan Datuk dan dia juga untuk makluman Menteri juga ada saya boleh *share YouTube* dia dengan pihak TV3.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey kejap lagi, esok kita akan bincang secara jawatankuasa. Bila Menteri itu jawab, tanya dia khusus-khusus kenapa dia punya *head of section announced differently from what we have budgeted that for, okey.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sesuai, jadi saya minta jawapan Menteri dan saya juga minta maklumat lain itu.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** *Alright*, nanti saya bagi. Yang Berhormat Lumut...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat saya tanya lain itu...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Soalan apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Berkaitan dengan tentang berapa ramai pelajar-pelajar yang tidak pergi sekolah walaupun ada diwajibkan dalam akta.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey jadi pelajar-pelajar sekolah nanti tanya dengan Menterilah tapi saya hendak bagi tahu dia ada akta tapi saya tak tahu akta itu apa. Akan tetapi mana-mana ibu bapa yang tidak menghantar anaknya pergi masuk sekolah dia boleh didakwa dan *fine* RM5,000. Saya *check* saya pun tidak tahu akta dia apa tapi nanti jawatankuasa ini tanya betul-betul apa sahaja. Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akta Pendidikan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Lumut mencadangkan bahawa mana-mana kementerian yang kita bagi bajet dan dia *exceed* bajet kita kena surcaj. Sekarang pun saya ingat JPA pun telah mengenakan surcaj kepada mana-mana pegawai yang telah *exceed* dengan bajet tanpa mengikut bajet yang telah ditetapkan dan apabila pegawai-pegawai ini kena surcaj dia punya kesan ialah karier hendak naik pangkat pun tak dapat, ataupun susah hendak dapat *promotion*. Ini memang dipraktikkan oleh kerajaan. Kemudian tabung penyerahan saya sudah sebut tadi untuk perajurit-perajurit sulung Yang Berhormat Serdang, Yang Berhormat Serdang menyatakan berapa jumlah GG, *Government Guarantee*.

*Government Guarantee* setakat 31 Disember 2015 ialah RM177.7 bilion. Kemudian Yang Berhormat Sedang juga tanya jumlah pembayaran – no you tanya PFI. Berapa banyak PFI, PFI ada dua, PFI1 dan PFI2. PFI1 diwujudkan semasa RMKe-9 kemudian PFI2 pada tahun 2012 jumlah *the first one is 20 billion, the second one is 10 billion so it's 30 billion*. Jumlah baki setakat hari ini adalah 28 bilion. Untuk apa PFI ini, PFI ini dibuat untuk bina sekolah, bina hospital, membuat tambatan banjir, kemudian pembinaan rumah rakyat. *Reason why there have this PFI because* dia kalau hendak tunggu kalau kerajaan *access* lambat *so dia borrow first and do this for item*.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Yang Berhormat Menteri saya tahu, tetapi saya hendak tanya selepas PFI1, selepas PFI2 ada lagi tambahan tak untuk PFI yang selanjutnya.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Setakat hari ini tak ada inilah dua sahaja PFI yang ada kumulatif. *That's why I mention it to you 28 billion.*

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Tadi tentang *Government Guarantee* saya juga tanya berapa bayaran yang kementerian ada buat untuk membantu membayar hutang seperti geran yang diberikan kepada PTPTN itu.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey *most of the* GG ini untuk pengetahuan Yang Berhormat Serdang, kerajaan tak bayar sebab kerajaan bagi GG ini untuk memudahkan sesuatu syarikat itu beroperasi dan mendapat pinjaman daripada *financial institution* dengan lebih murah dan *cheaper*. Tetapi ada *certain-certain cases* syarikat-syarikat yang tidak boleh berkemampuan untuk membayar kerana dia menjalankan banyak sosial projek contoh macam IWK contoh. So *this* memang dia punya *collection* tak cukup untuk membiayai kos prasarana yang dibuat dan itu kerajaan akan bayar untuk pembayaran tersebut.

Tetapi jumlah dia saya tak boleh maklum ini fasal saya tidak ada jumlah tersebut nanti saya dapat saya bagi.

**Dr. Ong Kian Ming [Serdang]:** Termasuk PTPTN juga.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** PTPTN *yes*. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Serdang, PTPTN setakat 31 Disember kita punya *Government Guarantees* RM35.2 bilion. Okey Yang Berhormat Pantai. Suruh masuk itu yang lain itu tanya Menteri lah. Yang Berhormat Pantai, Yang Berhormat Lembah Pantai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Lembah Pantai bertanyakan bahawa *student* 744 yang dapat keputusan cemerlang dan kemudian *last* minit kerajaan batalkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lembah Pantai, untuk 744 ini dia akan *cross* kerajaan RM1.2 bilion *for them to complete* RM1.2 billion. *Why* kerajaan *decide at that time to hold back* sebab waktu ketika itu kita pun tidak tahu apa jadi kepada kita punya harga minyak mentah. Waktu kita buat *collaboration* itu, dia punya harga minyak mentah sekitar dalam 31. *That means you have dropped from 38 to 33 to 31*. Kita takut kalau kita *continue* hantar mereka ini, kita *commit* RM1.2 billion untuk *complete* dia orang punya *study* sedangkan kita ada sekarang pelajar-pelajar yang ada di luar negara pada hari ini yang kita terpaksa bayar, kita tak boleh *withdraw them*. *Because we've really committed and will have to pay them*.

Kalau yang mana buat Ph.D bila masuk tahun kedua buat *doctorate* dari tahun kedua, maknanya *there have to finish another 5 years*.

#### ■1740

So, yang mana baru buat katakan *first year, we have to pay them* pasal mereka sudah ada dekat sana. Jadi, oleh kerana *currency* kita telah jatuh, jadi kerajaan kira dia, pertama, kita terpaksa beban dengan apa yang sudah ada. Kemudian yang belum keluar ini pula, kita terpaksa



*provide*. Bila *once we decide to* hantar, kita tidak boleh hantar *only first year, we have to have RM1.2 billion*. Jadi waktu ketika itu, kerajaan merasakan itulah pilihan terbaik dan membenarkan mereka-mereka ini belajar di dalam negara dan boleh dapat *scholarship* ataupun pinjaman ke institusi-institusi swasta seperti *Taylor College, you know, sort of twin university* dekat Malaysia.

Jadi, Yang Berhormat Lembah Pantai sebut tadi sekarang ini sudah tidak ada *scholarship*, dia semua pinjaman. Saya tidak tahu lebih *detail* tetapi yang saya tahu sekarang ini polisi ialah kita hendak *encourage all these* pelajar-pelajar ini belajar dengan cemerlang. Bila dia cemerlang, baru dapat *convert into a scholarship*. Kalau tidak, *they have to pay. The detail I don't know. Maybe I think we wait, to wait for the Minister council*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, *thank you for the respond*, terima kasih.

Saya hanya hendak minta, memandangkan Yang Berhormat mengepalai antara kepala Kementerian Kewangan, saya fikir yang berlaku sekarang, kalau pun belajar di dalam negara, sekalipun keputusan mereka itu cemerlang, kalau saya lihat daripada pengumuman, tetapi kalau tidak dapat bekerja dalam sektor kerajaan dan *government-linked companies*, maka memang kena membayar sepenuhnya pinjaman tersebut. Maka, saya fikir tidak ada salahnya Kementerian Kewangan sekurang-kurangnya— *it is not enough they have to study here, if you know*. Jadi, kalau pun mereka teruskan tetapi haruslah pastikan semuanya biasiswa kerana ini merupakan pelajar-pelajar yang terbaik.

Satu lagi Yang Berhormat, saya bangkitkan sebelumnya juga, bahawa sekarang bagi keluarga yang berpendapatan *bottom 40*, hanya 1.4 peratus sahaja yang dapat melanjutkan pengajian sehingga ke peringkat ijazah. Saya harap kementerian dapat mengambilnya serius. *I know it is not your ministry directly but you are the riches ministry*, dengan izin. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Lembah Pantai, saya bersetujulah, kalau macam kita bagi pinjaman kepada pelajar-pelajar kita *especially JPA*, kemudian bila mereka habis belajar *they're supposed to work with government* tetapi *government* tidak ada *vacancy, then government* kena *release*. So bila *release* ini, saya berpandangan, saya pun ingat tidak payah bayarlah. Tetapi kalau *you call for national service, you have to work with government, then we can turn that as a scholarship* lah. Tetapi kalau menyatakan kerajaan tidak boleh bagi kerja, *they go out and look for the job, dia can take lesser pay because they don't have a commitment to pay. So I think that one, I support* lah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yes.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Thank you, thank you*. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya tentang kalau kerajaan kata ketidaktentuan *currency* kita, nilai ringgit kita ini, saya hendak tahu kenapa kerajaan masih teruskan Program Khidmat Negara yang membelanjakan RM400 juta yang sebenarnya Program Khidmat Negara impaknya tidak begitu besar terhadap masyarakat? Tetapi kalau kerajaan boleh tepati janji kepada 744 pelajar cemerlang itu, saya rasa dia ada *smart brain and the government has promised them*. Saya rasa

yang tepati janji sebenarnya adalah khususnya kepada pelajar yang cemerlang adalah lebih penting daripada penerusan program Latihan Khidmat Negara. Ini kerana ramai di antara pelajar ini, mereka sudah dapat tawaran daripada Cambridge, Oxford dan juga universiti di Australia dan universiti yang terkenal itu, saya rasa sayang bagi mereka dan mereka rasa agak kecewa kerana kerajaan patahkan janji terhadap mereka.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Saya ambil maklum. Nanti tanya Menteri. Yang Berhormat Lembah Pantai juga menyatakan bahawa MAS...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, pada ketika ini Yang Berhormat menggulung bagi semua kementerian yang berbahas di peringkat dasar, Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey, saya jawablah itu. Saya ingat pasal ini dasar kerajaan untuk teruskan PLKN itu, jadi kita tidak ada cadangan untuk *abolish* PLKN.

Yang kedua, saya juga hendak jawab Yang Berhormat Lembah Pantai, MAS banyak *offering expatriate* menjadi *head of department*. Yang saya *check* tadi, dia ada tiga daripada lapan *head of the department* dan saya juga tanya kenapa macam *all the three expatriates out of eight* ini diambil bekerja. Dia menyatakan bahawa dia mempunyai kepakaran spesifik dan kontrak cuma sehingga tahun 2018 dan *within this period*, dia kena *train worker to take over that position by 2018*. *That's what they reply, I have received from Khazanah*.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengambil maklum jawapan Yang Berhormat tetapi agak penting Yang Berhormat harus faham beberapa minggu lepas, di bawah CEO terbaru MAS, telah keluar arahan ataupun makluman bercanggah di mana mereka penumpang yang mahu terbang ke Eropah tidak dibenarkan *to check in their luggage*, dengan izin. Ini kontroversi yang besar sehingga meraih perhatian media antarabangsa yang ia menghina MAS.

Jadi pada saya, bila masa kita ambil tenaga luar sekalipun, harus ada justifikasi. *Clearly they are not performing up to par*, kalau dilihat daripada apa yang berlaku beberapa minggu lepas. Saya pohon Yang Berhormat pantau dengan serius. Saya tidak lihat sama ada sehingga tahun 2018 pun tapi kontraknya jutaan ringgit. *They're going to pay big bucks* ya. Mohon Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Setuju Yang Berhormat Lembah Pantai. Selepas ini kita akan tanyalah mereka.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, mengenai MAS. *Government* sudah *committed RM6 billion to revise MAS*. *My question is*, dalam lima tahun ini, kita punya *anticipation that it should able to revise MAS and bergerak* dalam landasan yang betul. *If at all after five years ini they still fail, do government still want to extend further money to them or enough is enough as far as RM6 billion is concern?* Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit boleh, Menteri? Berkaitan juga, isu MAS ini. Ada kaitan dengan Sepang juga.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya, kita tahu bahawa hari ini pun dah *viral* pekerja MAS jadi pemandu teksi. Tetapi yang nak tegaskan di sini ialah kalau ikut dalam senario kes MAS ini, kita lihat amat mudah cara kerajaan menyelesaikan. Gunakan Parlimen ini bawa satu akta, wujudkan satu entiti baru. Jadi, seolah-olah segala perkara yang lepas sama ada salah pentadbiran, salah *management* yang melibatkan kerugian MAS itu seolah-olah dimasukkan di bawah karpet, tidak langsung ada satu akauntabiliti.

Jadi, setuju tidak dengan saya, kalau ini kita *set precedent* seperti ini, kalau akan datang MAS rugi lagi, kita buat lagi entiti baru pula. Adakah ini cara yang terbaik untuk kita menyelesaikan? Tiada kah langsung *political will* untuk menyiasat kenapa kerugian-kerugian yang telah ditanggung dahulu itu, siapa yang bertanggungjawab? Seharusnya ada jawatankuasa ataupun satu tindakan supaya kita nampak telus menyelesaikan masalah ini, bukan dengan gunakan Parlimen ini, buat satu akta baru dan kita tutup segala *mismanagement* atau salah guna, salah pentadbiran dan sebagainya. Apa pandangan Menteri?

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Saya ingat akta baru MAS yang diwujudkan itu adalah *necessary at that particular time*. Saya ingat selepas ini, saya pun sendiri tidak bersetuju kalau *every time* kita ada masalah, kita datang di Parlimen. Akan tetapi yang MAS itu pada ketika itu, dia punya tanggungjawab terlampau besar sangat, jadi kalau kita tidak boleh buat akta tersebut, dia akan menyebabkan MAS tidak boleh bergerak dan *national carrier* kita akan menjadi masalah. Jadi saya ingat, saya difahamkan oleh pengurusan baru ini, *the new business model* yang mereka buat ini saya nampak mereka beritahu bahawa kita telah menunjukkan satu kesan positif. Jadi, kita tunggu sama-sama dan mungkin kita akan beritahu maklumat lanjut selepas ini.

Yang Berhormat Tebrau menyatakan berapakah bilangan IPT awam dan swasta yang menawarkan program perubatan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Maaf Yang Berhormat, soalan saya berkait dengan langkah-langkah susulan kita bila masa kita disaman dalam kes MH370. Kalau boleh komen sedikit Yang Berhormat.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Macam mana?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Bila masa kita sekarang menghadapi saman oleh banyak keluarga mangsa MH370, jadi bila masa kita lakukan penggantian syarikat, maksudnya kita hilang liabiliti syarikat terdahulu, maka kredibiliti kita tercalar teruk. Jadi mohon pendirian kerajaan berkait dengan hal ini. Maksudnya, kalau kali ini kita tubuhkan atau wujudkan akta untuk mengganti syarikat terbaru, *we're not going to do every time as you said*. Kalau boleh, *address* sedikit isu ini berkait dengan saman-saman yang dihadapi.

■1750

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Daripada segi pembiayaan insurans *claim*, ia tidak kira mana-mana entiti tetapi kalau polisi *said that it's covered* untuk dibayar kepada *passenger* yang terlibat, *insurance company have to pay*. Tinggal lagi kalau *you* hendak *above than what is already covered in insurance* yang itu saya kurang pasti tetapi saya rasa kerajaan akan membayar *according* apa yang setiap *passengerr* itu *entitle* dari segi insurans yang mereka ada.

Yang Berhormat Tebrau. Berapakah bilangan IPT awam dan swasta yang menawarkan program perubatan? Untuk IPTA, 11 buah manakala uit IPTS, 20 buah yang menawarkan kursus program perubatan.

Yang Berhormat Bagan Serai mohon kerajaan khususnya MARA, KKLW mewujudkan sebuah *teaching hospital*. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UniKL RCMP) merupakan anak syarikat milik MARA di bawah Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. pada 3 Januari 2006. Pada masa ini UniKL RCMP sedang menawarkan tujuh buah program iaitu ijazah perubatan, ijazah kejururawatan, ijazah farmasi, diploma farmasi, diploma kejururawatan, diploma radiografi dan diploma fisioterapi. Jumlah pelajar yang mendaftar sehingga Februari 2016 ialah 1,968 orang. MARA telah mengemukakan permohonan untuk sebuah akademi *medical centre* di bawah RMKe-11, Rolling Plan 2017.

Seterusnya Yang Berhormat Parit Sulong, bagaimana kerajaan dapat memastikan pembinaan jalan yang dibina mengikut standard yang ditentukan khususnya yang di luar bandar. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Parit Sulong, standard jalan yang dibina hendaklah direka bentuk mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam Arahan Teknik Jalan (ATJ) yang dikeluarkan oleh JKR Malaysia. Semasa pembinaan pula JKR Malaysia mempunyai sistem kawalan kualiti bagi memastikan mutu kerja di tapak bina mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun terdapat jalan-jalan luar bandar yang mengalami kerosakan akibat dilalui oleh kenderaan-kenderaan lebih muatan seperti lori balak, lori kepala sawit dan lain-lain. Kerajaan berharap masalah ini dapat diatasi dengan meningkatkan penguatkuasaan oleh pihak-pihak yang berkaitan.

**Dato' Noraini binti Ahmad. [Parit Sulong]:** Okey, terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Okey? Yang Berhormat Lenggong. Tambang bas sekolah. Apakah mekanisme yang diguna pakai untuk memantau penguasa bas supaya tidak menaikkan tambang sesuka hati? Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lenggong, kadar tambang perkhidmatan bas sekolah telah melalui proses *deregulation* kadar tambang. Ini bermakna kadar tambang bas sekolah tidak lagi dikawal oleh pihak SPAD. Penetapan kadar tambang bas sekolah adalah ditetapkan melalui persetujuan di antara pengendali bas sekolah dan juga ibu bapa penjaga.

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Tebrau, sekolah kluster. Adakah sekolah akan menikmati status sebagai sekolah kluster selama-lamanya? Calon untuk pengiktirafan Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah terdiri daripada semua sekolah rendah dan menengah kerajaan dan bantuan kerajaan yang berada dalam band 1 tanpa mengira jenis dan lokasi sekolah. Bagi sekolah kluster, kecemerlangan sekolah berkenaan pula merupakan sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya di mana pemilihan dan pengiktirafan diambil kira tentang lokasi, jenis dan tahap sekolah. Adakah sekolah kluster diaudit oleh jaminan kualiti? Jemaah nazir dan jaminan kualiti KPM turut menjalankan pemeriksaan sekolah termasuk sekolah kecemerlangan secara berkala.

Yang Berhormat Tebrau memohon penjelasan kenapakah sehingga kini terdapat sekolah yang belum mendapat bantuan utiliti. KPM telah menyalurkan peruntukan untuk membiayai bil-bil utiliti, elektrik dan air kepada sekolah bantuan kerajaan berdasarkan kepada bil sebenar dan tidak melebihi RM2,000 sebulan bagi setiap SBK mulai tahun 2011. Walau bagaimanapun atas keprihatinan kerajaan, mulai tahun 2015 nilai pembiayaan telah dinaikkan berdasarkan bil sebenar dan tidak melebihi RM5,000 sebulan. Bagi tahun 2016 peruntukan bagi tujuan tersebut telah disalurkan kepada jabatan pendidikan negeri-negeri pada Januari 2016.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Gulung Yang Berhormat Timbalan Menteri, gulung, gulung, gulung.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini jawab, yang ini jawab.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Sejauh manakah maklumat mengenai bahaya perubahan cuaca yang diuar-uarkan kepada rakyat? Untuk pengetahuan Yang Berhormat Lenggong, kempen cuaca ekstrem dan pameran cuaca dilaksanakan oleh Jabatan Metrologi setiap tahun kira-kira 100 kali. Maklumat cuaca semasa juga disampaikan kepada awam tiga kali sehari melalui TV yang turut menyatakan keadaan cuaca semasa dan ramalan cuaca hari berikutnya.

Manakala di laman web jabatan, ramalan cuaca tujuh hari bagi bandar-bandar utama disediakan jabatan. Jabatan juga menghebahkan maklumat cuaca melalui media sosial. Jabatan juga turut memenuhi permintaan media elektronik dan juga media cetak dan menjelaskan berkaitan perubahan cuaca yang berlaku. MOSTI juga turut mengeluarkan *press release* apabila berlaku perubahan cuaca yang sedemikian berlaku.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong bangun Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad. [Parit Sulong]:** Hendak tanya sedikit sebab tadi Parit Sulong punya dia suruh Menteri yang menjawab. Saya hendak tanya sedikit soalan tambahan saya mengenai *awareness campaign* ini semua, saya cuma hendak tahu lokasinya di mana untuk dibuat sebab saya mendapat maklumat di Baling tidak ada, di Lenggong tidak ada dan di Parit Sulong pun tidak ada. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kongsi di dalam Dewan ini di mana – ini lalang banyak pula di sekeliling saya.

Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan di dalam Dewan ini, dibuat di mana dan kemudian ia boleh diperluaskan ke tempat-tempat lain seperti di kawasan kami yang berada di luar bandar supaya rakyat lebih tahu dan *aware* mengenai kempen ini, terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa Jabatan Metrologi setiap tahun, kira-kira 100 kali *organize* program, jadi lokasi saya kurang pasti jadi minta Menteri – okey 100 kali setahun.

**Dato' Noraini binti Ahmad. [Parit Sulong]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Johari bin Abdul Ghani:** Minta Menteri. Ada tiga lagi, *last*. Yang Berhormat Pasir Gudang mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan sebuah jawatankuasa khas dalam menentukan dan memantau harga rumah. Secara amnya kerajaan telah membentuk kerjasama jawatankuasa antara kementerian-kementerian dan agensi yang berkaitan dengan sektor perumahan melalui penubuhan Majlis Perumahan Negara, Jawatankuasa Perumahan Negara dan juga Jawatankuasa Kerja Pemantauan Pelaksanaan Keputusan Majlis Perumahan Negara. MPN dan juga jawatankuasa yang ditubuhkan bertanggungjawab untuk merangka strategi dan pelan tindakan menyelaras aspek perundangan dan mekanisme penetapan harga tanah dalam memastikan penjualan rumah mampu milik dan berkualiti.

Yang Berhormat Kuala Selangor meminta KPKT mencari cara mengekang kenaikan harga rumah daripada terus meningkat. Untuk makluman Yang Berhormat, pasaran perumahan secara asasnya adalah pasaran ekonomi yang tertakluk kepada kerangka sahshiah di sesebuah negara atau negeri. Oleh itu pasaran perumahan boleh didominasi sebagai satu sub institusi dan prosedur-prosedur dalam memperuntukkan sumber yang terhad iaitu perkhidmatan perumahan bagi memenuhi permintaan dan penawaran perumahan. Mekanisme yang berhubung dengan penawaran dan permintaan ialah proses pertukaran yang berlaku di pasaran iaitu stok rumah kepada isi rumah.

Proses pertukaran berlaku disebabkan faktor-faktor pertumbuhan ekonomi, pertukaran polisi, jangkaan adanya permintaan, peningkatan pendapatan serta terdapat juga kemudahan pembiayaan dan perubahan dalam demografi penduduk. Sebenarnya kerajaan mengawal selia dengan lebih ketat aktiviti spekulasi ini. Pada hari ini antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam membendung aktiviti spekulasi dan kenaikan harga rumah adalah seperti berikut:

- (i) menaikkan kadar cukai keuntungan harta tanah mulai Januari 2014;
- (ii) menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM1 juta seunit;
- (iii) mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketulusan harga jualan dan tanah secara terperinci termasuk semua manfaat insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- (iv) melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasikan pembeli rumah;
- (v) mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi empat unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;
- (vi) mengeluarkan panduan mengenai *loan to value* bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksimum 70% sahaja selebihnya perlu ditanggung sendiri; dan

- (vii) meningkatkan penawaran rumah mampu milik oleh pelbagai agensi kerajaan seperti PRIMA, SPNB, PP1M dan juga KPKT. Perumahan yang disediakan adalah menyasarkan pelbagai peringkat pendapatan rakyat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Diputuskan,*

*Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:*

*"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga ratus sembilan puluh satu juta empat ratus enam puluh ringgit (RM391,000,460) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2015 bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2015 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3, Tahun 2016 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang sembilan dan sepuluh penyata tersebut."*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 29 Mac 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.05 petang]***